

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 23

Rabu

9 Disember 2015

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2016

(Halaman 29)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 9 Disember 2015**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Sebelum Yang Berhormat memulakan pertanyaan pertama, izinkan saya menarik perhatian semua di Dewan bahawa semua orang sedia maklum sekarang ini ada Perhimpunan Agung UMNO. Saya telah memberi kebenaran kepada beberapa orang untuk hadir kerana terlibat dalam persidangan tersebut. Begitu jugalah pertimbangan saya kepada mana-mana parti sekalipun. Di samping itu, kepada mereka yang tidak terlibat, datang ke Dewan. Tentukan ini ialah tempat yang penting dan mesti hadir. Itu sahaja peringatan saya pada hari ini. Di samping itu saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat, kita ada dua hari saja, esok untuk membahaskan usul bajet.

Tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

1. **Dato' Boon Som A/L Inong** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sejauh manakah signifikannya pertandingan kemahiran yang dianjurkan oleh negara serta penyertaan negara dalam pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa terhadap penyediaan tenaga mahir berkualiti yang diperlukan dalam pembangunan negara; dan
- (b) apakah persediaan kerajaan untuk menjadi tuan rumah kepada pertandingan *World Skills Asean* pada tahun depan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendahului sedikit jawapan saya dengan sedikit maklumat. Penduduk negara kita lebih kurang 30 juta. *Workforce* ataupun *labour force* ataupun tenaga kerja lebih kurang 14 juta Tuan Yang di-Pertua. Manakala tenaga kerja yang aktif lebih kurang 13.7 juta. Kadar pengangguran kita ialah 3.2% dengan penganggur lebih kurang 0.4 juta, maknanya 400,000 lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua, pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan telah mula dianjurkan sejak tahun 1990. Terdapat dua kategori pertandingan peringkat kebangsaan iaitu pertandingan *WorldSkills Malaysia Belia* (WSMB) dan pertandingan *WorldSkills Malaysia Pengajar*, maknanya belia dan juga tenaga pengajar. Penanda aras pertandingan ini ialah berasaskan kepada *WorldSkills Competition* (WSC), pertandingan kemahiran di peringkat dunia yang diadakan di peringkat antarabangsa meliputi skop tugas dan teknologi industri terkini. Melalui pertandingan sebegini, tahap kualiti latihan, kemahiran dan kepakaran di Malaysia dapat dipertingkatkan dan ditanda aras setaraf dengan tahap kualiti negara maju. Kecekapan kemahiran yang ditunjukkan oleh peserta-peserta pertandingan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan pelabur terhadap kesediaan Malaysia menyediakan tenaga mahir bertaraf dunia sekali gus membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Kerja Raya merupakan pengajur untuk *ASEAN Skills Competition* (ASC) 2016 yang akan diadakan dari 19 hingga 29 September 2016 di MAEPS, Serdang. Malaysia telah menyertai sepuluh kali ASC termasuk tahun 2014 di Hanoi, Vietnam di mana kita telah mendapat tempat kedua dan pencapaian terbaik dengan 9 emas, 4 perak, 4 gangsa dan 17 medallions *for excellence*. *ASEAN Skills Competition* ataupun Pertandingan Kemahiran Asia 2016 ke-11 tahun depan merupakan kali ketiga kita menjadi tuan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 25 bidang kemahiran yang akan dipertandingkan yang mana 18 bidang adalah di bawah pengurusan Kementerian Sumber Manusia manakala 7 bidang adalah di bawah pengurusan Kementerian Kerja Raya. Majlis Pelancaran Malaysia sebagai tuan rumah ASC telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia sempena Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 yang diadakan pada 20 Oktober 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Inisiatif utama ini akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang disokong oleh pelbagai kementerian dan seluruh pihak.

Tuan Yang di-Pertua, antara persediaan kerajaan bagi pengajuran pertandingan ini menganjurkan *Organizing Committee Meeting* (OCM) dari 1 hingga 4 Jun 2015 di Pulau Pinang yang telah dihadiri oleh pegawai atasan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), negara-negara ASEAN bagi membincangkan dasar-dasar dalam pelaksanaan pertandingan.

Yang kedua, mempergiatkan promosi di media cetak, elektronik dan media sosial serta *road show* dengan izin bagi mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat.

Ketiga, mewujudkan kerjasama strategik dengan GLC, badan-badan korporat, industri dan agensi-agensi kemahiran awam serta swasta. Keempat, mewujudkan jawatankuasa teknikal bagi penyediaan senarai, peralatan mesin, cadangan soalan-soalan dan *layout* bagi setiap bidang kemahiran. Kelima, menganjurkan *Technical Committee Meeting* (TCM) dari 24 hingga 29 April 2016 di Kuala Lumpur yang akan dihadiri oleh pakar-pakar teknikal bagi setiap bidang kemahiran negara ASEAN yang menyertainya.

■1010

Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk penyediaan soalan, peralatan, bahan dan keperluan teknikal untuk pertandingan. Membangunkan portal ASC-ASEAN Skills Competition 2016 www.wsasean.org bagi tujuan memberi informasi terkini kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa berkaitan perkembangan penganjuran ASC 2016. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab jawapan yang begitu padat dan baik sekali. Tahniah kepada kejayaan Malaysia dalam pertandingan kemahiran. Yang Berhormat Menteri, daripada segi pertandingan adakah antara hasil kerja kemahiran yang menang dalam sesuatu pertandingan mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan adakah para pemenang pertandingan kemahiran pada masa lalu pernah diberi peluang untuk mendalami lagi kemahiran masing-masing supaya bakat mereka bukan sahaja hanya menjadi bahan pertandingan.

Kedua, sejauh mana persiapan kerajaan dalam memperbanyakkan institusi dan latihan vokasional serta teknikal dalam melahirkan tenaga pekerja kolar biru sebagai persiapan menuju ke negara maju tahun 2020. Seperti mana yang kita tahu sehingga kini kita masih lagi bergantung pada tenaga mahir daripada warga asing. Jadi, berapa ramai tenaga mahir yang diperlukan, kolar biru yang diperlukan kepada persiapan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Selaku Timbalan Menteri Sumber Manusia dan kebetulan Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti dua kontinen, mengetuai dua kontinen dalam *World Skills Competition* dan *ASEAN Skills*. Kita lihat bahawa pencapaian kita cukup menggalakkan. Yang terbaru, *World Skills Competition* di Brazil, kita telah mencapai tahap pencapaian yang terbaik setakat ini dengan satu gangsa. Walaupun sesetengah orang melihat bahawa satu gangsa itu adalah agak kecil tetapi di antara 45 buah negara yang menyertai pertandingan ini, kita merupakan negara yang ke-20 lebih kurang terbaik. Maknanya ada negara-negara lain yang lebih besar daripada kita yang tidak mencapai tahap pencapaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peserta-peserta *World Skills* ini ataupun *ASEAN Skills* dan sebagainya, sebab itulah kita meningkatkan tahap pencapaian kemahiran dengan kita mengadakan dua pertandingan kemahiran. Yang pertama ialah pertandingan kemahiran di peringkat belia di mana anak-anak muda kita di luar bandar dan sebagainya dipertandingkan kemahiran mereka. Kita pilih mereka ini untuk masuk ke peringkat ASEAN dan seterusnya mendapat *gold*, emas dan sebagainya di peringkat ASEAN kita bawa mereka ke peringkat antarabangsa, *World Skills Competition*. Kedua ialah pertandingan di kalangan tenaga pengajar, pakar-pakar kita ini. Pakar-pakar kita ini juga kita tandingkan mereka supaya mereka bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula-mulanya bertanya juga ke mana perginya anak-anak kita ini. Apakah kita latih mereka, kemudian kita biarkan mereka ini begitu sahaja. Jadi sebab itulah hari ini di kementerian kita, kita telah mengadakan alumni kepada pelajar-pelajar kita, anak-anak kita yang mengikuti latihan kemahiran ini. *Alhamdulillah* kita dapat mengesan mereka ini berada di tempat-tempat

yang sepatutnya mereka ceburi. Yang terbaru umpamanya, yang mendapat gangsa di *World Skills Competition* dalam pertandingan itu iaitu dandanan rambut. Seorang lelaki terlibat dan baru-baru ini telah berjumpa dengan kita untuk memulakan perniagaan dalam bidang yang telah diceburi.

Ini ialah satu petanda yang cukup baik yang perlu kita berikan sokongan. Saya yakin melalui *ASEAN Skills Competition 2016* yang akan kita adakan pada tahun depan dan kita menyasarkan kalau dulu kita mendapat tempat kedua di Hanoi, Vietnam dan setelah itulah menjadi harapan kita supaya kita menjadi juara pada kali ini. Ini kerana pada saya ASC ini bukan setakat kita nak pertandingkan anak-anak ini, pelajar-pelajar ini ataupun pelatih-pelatih ini tetapi ia merupakan pilihan penyertaan kita sebagai pilihan untuk menjadi tuan rumah.

Kedua, melahirkan pekerja-pekerja mahir seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Ketiga, persediaan kita untuk *World Skills Competition* yang akan diadakan di Abu Dhabi pada 2017 dan yang keempat ialah imej kita, yang penting imej kita Tuan Yang di-Pertua. Bermakna kalau kita boleh melahirkan menjadi juara dalam *ASEAN Skills* pada tahun depan dan kita dapat melahirkan pekerja-pekerja yang mahir ini, sudah tentulah imej negara kita akan mendapat kepercayaan yang dipercayai oleh pelabur-pelabur di negara asing.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Pada tahun 2020, 35% - pekerja mahir mesti kita miliki untuk kita menjadi negara maju. Hari ini kita ada lebih kurang 14 juta tenaga kerja, 13.7 juta ialah pekerja yang aktif tetapi dari situ kita boleh kira berapa juta yang kita perlukan kalau kita ingin melihat negara kita dibangunkan sebagai negara maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila bangun cepat sikit Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ada kemusyikilan sedikit pada persoalan ini. Adakah benar apa yang saya ketahui bahawa antara negara-negara ASEAN yang terlibat dalam kemahiran ini, kalau dulunya negara Vietnam misal kata kurang mahir berbanding dengan pekerja dari Malaysia tetapi sekarang ini mereka sudah pun mendepani kita dalam *World Skills*, kemahiran ini.

Keduanya, dengan pertambahan ataupun dengan ramainya kemahiran tenaga kerja ini, kenapa negara kita ini masih lagi perlu kepada tenaga kerja dari luar ataupun tenaga kemahiran kita ini kita eksport kepada negara-negara lain. Itu sahaja soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator atas soalan yang cukup menarik dan menjadi harapan saya Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang sama juga lebih kurang ditanyakan oleh Yang Berhormat yang pertama tadi Dato' Boon.

Sebenarnya memang, sebab itulah bila kita ada pertandingan kemahiran ini, negara-negara lain merebut peluang yang ada. Umpamanya daripada sepuluh buah negara Asia, Vietnam sebagai tuan rumah menjadi juara dalam pertandingan pada tahun lepas dan kita mendapat tempat kedua. Saya kira pertandingan itu sihat sebab kita mempunyai pakar-pakar yang tertentu yang kita ada ini. Jadi sebab

itulah pada tahun depan ini kita mesti pastikan supaya negara kita mesti menjadi juara. Ini adalah hasil daripada dasar kerajaan yang saya kira telah berubah.

Kita perlu mendapatkan kerjasama, bukan sahaja daripada Ahli Yang Berhormat walaupun kerajaan dan pembangkang. Persepsi rakyat kita selama ini kita lihat bahawa kejayaan anak-anak kita dianggap amat berjaya jika mereka mencapai kecemerlangan dalam akademik tetapi tidak meletakkan kepada TVET ini, *technical vocational education* ini. Akan tetapi hari ini, dasar ini, pandangan ini telah berubah. Jadi sebab itulah kerajaan telah mengubah dasar, telah memberikan perhatian yang serius tentang TVET ini. Umpamanya sasaran kerajaan pada Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu 1.5 juta pekerjaan baru akan dilahirkan.

Sudah tentulah TVET ini menjadi perhatian. Bagi negara-negara maju umpamanya di Australia, di Korea, kadar anak-anak yang *equivalent*, yang lebih kurang sama dengan SPM ini mereka salurkan kepada TVET ini lebih daripada 40%, kita hanya mungkin 20%, dulu 10% sekarang kita tingkatkan kepada 20%. Sudah tentulah kalau hasrat ini kita buat, saya kira kita boleh mencapai dengan syarat semua orang mesti sambut perkara ini. Tentang pekerja asing, saya memang bersetuju Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Kenapa harus kita benarkan pekerja asing begitu ramai di negara kita ini tetapi kita masih perlukan mereka, kita tidak boleh nafikan. Kenapa kita tidak ambil peluang ini.

■1020

Umpama saya hendak sebutkan kepada Tuan Yang di-Pertua, pegawai dagang, *expatriate*, dengan izin, yang ada di negara kita hari ini kita ada 160,511 orang, lebih kurang *plus minus* dan mereka ini dibayar gaji RM5,000 ke atas. Sepatutnya peluang-peluang ini diisi oleh orang-orang kita, bukan orang mereka. Kalau dahulu kita ada dasar mengambil pekerja kontrak. Biasanya kita ambil pekerja kontrak sekejap sahaja, tiga tahun atau lima tahun. Selepas itu apabila teknologi sudah *transfer* ke negara kita, kita kembalikan mereka. Sampai hari ini mereka masih ada. Sebab itulah menjadi harapan kita, harapan kerajaan supaya kita pertingkatkan usaha ini dan ini perlu dimainkan oleh semua pihak.

Bagi kita kementerian *alhamdulillah*, secara korektif bersama kita melibatkan pelbagai kementerian dalam kita memajukan pendidikan ataupun usaha-usaha untuk meningkatkan pekerja mahir ini termasuklah Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kita ada lebih kurang tujuh kementerian. Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua, kalau usaha ini secara kognitif kita buat bersama, dengan sokongan yang diberikan oleh semua pihak termasuk ibu bapa dibawa, saya yakin kita boleh mencapai hasrat untuk mencapai negara maju dengan penambahan peningkatan pekerja 30% orang pekerja mahir pada tahun 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, mengenai syarat pencapaian pendidikan bagi pelajar-pelajar asing untuk memasuki universiti tempatan dan kaedah penakulan pencapaian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar asing kerana kelayakan pelajar-pelajar tersebut tidak berdasarkan sistem pendidikan tempatan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran atas soalan yang berkaitan dengan pelajar-pelajar asing.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima pertanyaan yang dibangkitkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa. Memandangkan isu yang dibangkitkan mempunyai saling kaitan, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pada 9 Disember 2015 iaitu pada hari ini serta dua soalan pada 10 Disember 2015;
- (ii) Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) pada 17 Disember 2015; dan
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin pada 17 Disember 2015.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melaksanakan penilaian taraf kelayakan akademik luar negara dengan kesetaraan kelayakan di Malaysia. Ini bertujuan untuk membantu institusi pendidikan tinggi yang berhasrat mengambil pelajar dari luar negara untuk kemasukan ke IPT memenuhi syarat dan setaraf dengan kelayakan Malaysia.

Syarat memasuki IPTS adalah berdasarkan syarat perakuan memenuhi keperluan kualiti untuk tujuan menawarkan program mengikut program yang ditawarkan yang dikeluarkan oleh MQA sementara syarat kelayakan masuk bagi IPTA pula adalah tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti dan garis panduan MQA.

Dengan yang demikian, dapatlah dipastikan bahawa pelajar antarabangsa menggunakan pakai taraf kelayakan luar negara yang telah dinilai taraf setara dengan SPM, STPM atau setaraf termasuk A Level sebagaimana kelayakan kemasukan ke IPT bagi pelajar tempatan. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memberi peluang yang seimbang kepada pelajar tempatan atau asing untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di negara ini tertakluk kepada syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan tanpa prejudis dan menganaktirikan mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kepentingan kemasukan pelajar asing dapat membantu menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf global, kementerian amat komited bagi mencapai matlamat seperti yang digariskan dalam lonjakan kelapan iaitu keunggulan global di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 untuk pendidikan tinggi. Kementerian melalui *Education Malaysia Global Services* (EMGS) amat serius dalam memastikan hanya pelajar yang melepassi syarat dan benar-benar layak sahaja diterima masuk melanjutkan pengajian ke Malaysia.

Setiap permohonan pas pelajar antarabangsa secara keseluruhannya akan melalui dua saringan iaitu surat kelulusan visa atau *visa approval letter* (VAL) dengan izin, sebelum memasuki negara dan

kelulusan pengeluaran stiker pas selepas memasuki negara. Sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang selepas memasuki Malaysia dan mendapat *sticker pass* yang akan tertakluk kepada *standard operating procedures* (SOP), agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan tempatan, kita memberi peluang kepada anak-anak murid kita buat masa sekarang dengan senang memasuki *private education*, dengan izin, ataupun *private school* yang mana mereka diberi kelonggaran untuk mengambil peperiksaan *A Level*.

Sebentar tadi, Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kelayakan yang diberi kepada pelajar-pelajar asing memasuki IPTA di negara kita ini adalah berdasarkan kepada salah satu peperiksaan iaitu *A Level*. Jikalau *A Level* adalah kelayakan yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar asing, mengapa tidak pelajar-pelajar tempatan yang mengambil peperiksaan *A Level* dibenarkan masuk ke dalam IPTA? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan *A Level*. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa tadi apabila saya menjawab soalan, saya beritahu bahawa, “*Dengan demikian dapatlah dipastikan bahawa pelajar antarabangsa menggunakan pakai taraf kelayakan luar negara yang telah dinilai setaraf...*” . Ini bermakna bahawa saya tidak bermaksud *A Level* diterima tetapi setaraf dengan *A Level* dan ini ada perbezaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dr. Lucas.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan saya lebih kepada kesan daripada kemasukan pelajar-pelajar asing di dalam negara kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kalau kita lihat pelajar-pelajar dari negara Afrika, kebanjiran mereka ini serba sedikit memberi kesan yang negatif ke Malaysia seperti peningkatan kadar jenayah. Situasi ini amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa tempatan dan masyarakat sekeliling.

Terdapat juga golongan warga Afrika ini menyalahgunakan visa pelajar dan pas lawatan sosial. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengekang masalah ini daripada terus berterusan? Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengawal atau memantau pelajar asing.

■1030

Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat, memang bahawa sistem pemantauan dapat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengadakan satu akta AUKU yang mana tindakan dapat diambil terhadap mereka sekiranya katakanlah mereka sudah melanggar peraturan. Akan tetapi saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa tindakan yang bercorak pendidikan dapat dijalankan sekiranya katakanlah ada pelajar yang dikesan membuat masalah.

Jadi, pelajar ini akan diberi bimbingan dan kaunseling daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor. Sekiranya katakanlah bimbingan dan kaunseling tidak membawa satu kesan, jadi ini bermakna pelajar boleh dikenakan untuk mengadakan satu perbicaraan selepas Lembaga Tatatertib dijalankan. Tindakan yang boleh diambil di bawah AUKU ada berkaitan dengan memberi arahan, kaunseling seperti yang saya sudah beritahu dan kalau katalah tidak ada perubahan, pelajar boleh digantung pengajian atau dibuang universiti. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Chia Song Cheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa perkembangan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan adakah kerajaan akan memperkembangkan liputan sistem ini pada masa terdekat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, pemilikan dan kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES telah pun diambil alih sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang berstatus *Government-Linked Investment Companies* (GLICs) melalui syarikat subsidiarinya Irat Properties Sdn. Bhd.

Pelaksanaan dan operasi AES buat masa ini masih berjalan seperti mana sedia ada yang mana pihak LTAT bertindak dalam menyediakan infrastruktur, peralatan dan sistem AES tersebut. Manakala pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selaras dengan peruntukan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, bertanggungjawab dalam operasi dan aktiviti penguatkuasaan termasuk melibatkan pengesahan imej kesalahan yang dirakam oleh kamera AES dan mengeluarkan saman.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) masih diteruskan di 14 buah lokasi sedia ada di Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang melibatkan sepuluh buah kamera tetap dan empat kamera *mobile* atau mudah alih. Kerajaan dengan pihak LTAT melalui syarikat subsidiarinya masih dalam perbincangan untuk menambah baik terma-terma perjanjian AES, mengambil kira pandangan dan maklum balas pelbagai pihak. Dalam masa ini, kerajaan sedang merangka pelan pelaksanaan dan model operasi yang baru bagi fasa yang berikutnya ke arah pelaksanaan yang inklusif dan mudah diterima oleh orang ramai.

Kerajaan komited untuk memperluaskan liputan sistem AES di lokasi-lokasi *accident-prone area* dan juga kawasan-kawasan yang berisiko tinggi di seluruh negara yang dikenal pasti melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Pelaksanaan AES ini menunjukkan komitmen

kerajaan dalam menangani isu kemalangan jalan raya selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020.

Seterusnya pendekatan kementerian dalam menentukan lokasi kamera juga akan mengambil kira pandangan-pandangan pemimpin setempat. Ini bagi memastikan agar pelaksanaan ini seterusnya dapat diterima oleh keseluruhan masyarakat yang prihatin mengenai isu kemalangan jalan raya. Terima kasih.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih, dan juga salam muafakat Johor Timbalan Menteri yang mana telah dapat mewakili Menteri Pengangkutan untuk menjawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada penyelidikan pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau dipanggil MIROS, penguatkuasaan AES telah mampu mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang disebabkan melebihi had laju dan juga pelanggaran lampu isyarat merah. Ini tidak dapat dipertikaikan bahawa AES mampu menurunkan kes sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, AES dilihat sebagai langkah pembendungan untuk jangka masa pendek. Ini terbukti dengan hasil kajian yang diterapkan oleh MIROS bahawa masih terdapat ratusan yang tinggi bahawa sikap pemandu di jalan raya yang tidak berubah dan tidak mematuhi peraturan di jalan raya.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada kementerian ialah pertama, apa langkah yang dilaksanakan oleh kementerian untuk memupuk sikap berhemah dan juga mematuhi peraturan di jalan raya dalam kalangan pemandu selain daripada peluasan liputan sistem AES ke kawasan hitam iaitu kadar kemalangan jalan raya yang tinggi.

Soalan tambahan saya yang kedua ialah, apa penambahbaikan yang akan dilakukan oleh kementerian bagi memperkemaskan sistem AES terutamanya tahap keberkesanannya agar bersetujuan dengan keadaan di jalan raya. Sekian, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Pertama, apa pendekatan mengenai mengurangkan kemalangan jalan raya. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah membuat advokasi untuk memastikan masyarakat memahami tentang keperluan keselamatan jalan raya. Untuk makluman, pada tahun 2016, kerajaan menyediakan peruntukan RM5 juta bagi menjalankan advokasi dan memperkemaskan lagi modul pembelajaran di sekolah-sekolah.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, JKJR telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan daripada murid Darjah 1 sehingga murid Tingkatan 3. Ini diserapkan dengan modul pembelajaran di sekolah-sekolah kita supaya dapat memupuk seperti pepatah Melayu mengatakan, "*Kalau hendak melentur buluh, biarlah daripada rebungnya*". Jadi daripada Darjah 1 pun kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memupuk pelajar-pelajar supaya dapat menghayati, menjiwai tentang keselamatan jalan raya ini.

■1040

Seterusnya, pihak JPJ juga mengadakan satu program yang dipanggil Skuad Muda 1JPJ yang melibatkan ahli masyarakat dalam badan kesukarelaan untuk bersama-sama dengan pihak JPJ bagi melaksanakan program-program keselamatan jalan raya. Jadi maknanya dengan belia-belia pun kita buat, dengan masyarakat, dengan kelab-kelab motosikal pun kita laksanakan program Skuad Muda 1JPJ dan kita yakin dengan pendekatan mesra masyarakat ini dapat membuat pendekatan yang lebih baik untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Seterusnya untuk penambahbaikan, kita akan membuat penjenamaan semula AES ini ke *Malaysia Road Traffic Safety Program (MRTSP)* bagi menangani persepsi orang ramai yang kurang lunak ataupun kurang mesra dengan terma *enforcement* ataupun penguatkuasaan dan persepsi AES yang seolah-olah bersifat menghukum.

Jadi perubahan terhadap modul operasi AES ini satu penambahbaikan dengan pelaksanaan baru yang diambil alih oleh LTAT ini yang mana pihak LTAT akan mengurus, mengendali kamera-kamera statik sahaja. Kamera mudah alih selepas ini akan diambil alih oleh pihak PDRM, polis trafik. Jadi, dengan pendekatan penjenamaan yang baru ini kita yakin ia dapat menambah baik sistem AES ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Mungkin bukan soalan tetapi sekadar pandangan. Kalau boleh kementerian meletakkan ataupun mewajibkan mana-mana lampu isyarat yang ada AES ini, kamera ini diletakkan juga sistem bacaan digital itu di lampu isyarat bagi memudahkan pemandu mengagak sama ada sudah lama atau masih baru lampu hijau itu berlaku.

Ini kerana ada kebanyakan tempat di kawasan bandar ada kamera AES diletakkan tetapi kadang-kadang pemandu itu dia tidak boleh hendak mengagak sama ada lampu hijau itu sudah lama ataupun masih baru. Jadi bila dia perlahan kereta dia salah, dia lajukan kereta pun dia salah. Dia takut dia terlepas itu, lampu sudah merah jadi kamera AES ambil gambar.

Jadi ini banyak rungutan di peringkat bawah yang mana mereka meminta agar mana-mana lampu isyarat yang diletakkan kamera AES diletakkan juga sistem bacaan digital untuk urutan waktu hijau, kuning dan merah itu agar memudahkan rakyat agar saman itu tidak terlalu banyak kena pada mereka dan ia membantu juga rakyat daripada segi pemanduan yang lebih berhemah. Sekian, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pihak pengurusan lampu isyarat ini diurus oleh pihak PDRM, pihak polis trafik dan pihak kementerian tidak terlibat. Kita hanya meletakkan kamera.

Walau bagaimanapun, saya boleh perhatikan banyak lampu isyarat telah ada digital. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat Senator saya akan sampaikan kepada pihak polis untuk meletakkan semua pengiraan digital itu supaya memudahkan pengguna jalan raya. Terima kasih.

4. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, kategori kerja-kerja yang dikhaskan untuk pekerja asing dan jenis kerja yang dikhaskan untuk warga Malaysia dan adakah kementerian dapat memastikan bahawa kerja untuk rakyat tidak dirampas oleh pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Ariffin. Tuan Yang di-Pertua, kita ada kurang lebih dua juta orang pekerja asing ini. PATI, *question mark* Tuan Yang di-Pertua sebab kita tidak tahu. Akan tetapi kalau kata orang, setiap seorang pekerja asing ada yang haram satu. Maknanya kalau kita *calculate*, boleh pergi empat juta orang. Bukan *statement* saya Tuan Yang di-Pertua itu perkataan orang. Akan tetapi kita ada *confirm* lebih kurang dua juta, 2.139 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal JobsMalaysia. Kita ada di bawah kementerian, portal JobsMalaysia dan berusaha mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia. Maknanya kita tidak ambil sewenang-wenang, mesti melalui portal JobsMalaysia, itu peraturan.

Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan mesti diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Ini bagi memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Sebaliknya, hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, pekerja tempatan diberi peluang dalam sektor mana-mana pun termasuk sektor yang kita izinkan kepada pekerja asing. Akan tetapi, persoalannya, bila mereka bersedia, apakah mereka bersedia?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada beberapa sektor, lima sektor utama iaitu sektor pembinaan, sektor pertanian, sektor perladangan, sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Subsektor, tukang masak, restoran, pekerja pembersihan dan pencucian dan pekerja peranginan termasuk hotel, spa, refleksologi, *caddy*, lelaki tahu di sini, bukan *caddy* perempuan, *caddy* lelaki. Itu syarat. Yang melibatkan jawatan pekerjaan dalam satu sektor informal iaitu perkhidmatan domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan. Pekerja asing juga tidak dibenarkan untuk bekerja di barisan hadapan, *front liner*. Maknanya di depan tidak dibenarkan. Macam *fast food* seumpamanya kita tidak izinkan. Peraturan kita.

Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja tempatan memasuki pasaran kerja adalah seperti berikut, antara yang terutama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menujuhkan satu

Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang tanpa izin. Baru-baru ini kita ada pula *high level committee* yang membincangkan lebih awal sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Kabinet ini.

Yang lain ialah mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja. Menggalakkan sektor-sektor yang berorientasikan buruh beralih kepada penerimaan, mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing. Di samping itu ia akan dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020. Maknanya kalau kita ada 14 juta *work force* ataupun *labor force*, hanya 15% sahaja diizinkan seperti yang digariskan dalam RMKe-11.

Yang ketiga ialah meletakkan *ratio* pengajian pekerja asing mengikut sektor bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Yang keempat antaranya kita laksanakan gaji minima, *start* tahun depan gaji minima akan dinaikkan kepada RM1,000 bagi Semenanjung, RM920 bagi Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Ini juga bertujuan untuk menarik pekerja tempatan. Kalau mereka menjadikan alasan gaji rendah untuk bekerja dalam negara sendiri.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua ialah melaksanakan *strict liability*, dengan izin ke atas majikan bagi memastikan majikan yang menggajikan pekerja asing melunaskan tanggungjawab mereka selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah berkuat kuasa.

Sementara itu berhubung keimbangan mengenai lambakan pekerja asing akan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dalam negara pula. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2013, kadar pengangguran melibatkan warganegara tempatan dicatatkan pada kadar 3.4% dan ia mencatatkan pengurangan sehingga sekarang kita ada lebih kurang 3.2%. Oleh itu kemasukan pekerja asing tidak menyebabkan peningkatan pengangguran dalam negara khususnya dalam kalangan pencari kerja bagi kategori *low skill*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan juga sedikit, pekerja asing kita ini ramai Tuan Yang di-Pertua, yang paling ramai tadi saya sebutkan 2.1 juta orang itu yang paling ramai ialah Indonesia sebanyak 848,000 orang. Yang kedua ialah Nepal, 526,000 orang lebih. Yang ketiga, Bangladesh 270,000 orang, dan seterusnya kita ada 14 atau 13 buah negara sumber yang membekalkan pekerja asing negara kita Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang seterusnya kepada- oh ya, soalan tambahan daripada Dr. Ariffin.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang saya hendak tambah kepada apa yang saya telah minta jawab tadi ialah adakah kita mempunyai satu kriteria atau ciri-ciri yang penting semasa kita mengambil masuk pekerja-pekerja asing ini daripada segi pendidikan dan lain-lain kriteria yang digunakan. Ini satu perkara yang penting kerana begitu ramai mereka yang dibawa masuk, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Asas utama yang saya sebutkan tadi ialah setiap majikan yang hendak mengambil pekerja asing, dia mestilah mengiklankan kekosongan pada majikan mereka melalui JobsMalaysia. Maknanya, mengikut undang-undang ini, sepatutnya tidak boleh mengambil dengan mudah. Kita tidak tahu kenapa kadang-kadang ada pekerja-pekerja yang tidak *legal* ini masuk, ini mungkin kadang-kadang melalui jalan tikus dan sebagainya. *Enforcement* ini perlu kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam mengambil pekerja asing ini yang lebih kita tekankan kepada 3D job, maknanya, dengan izin, kerja-kerja yang bersifat 3D. 3D ini satu *dirty, dangerous and difficult* dan istilah ini kita yang kita gunakan dahulu sehingga sekarang. Kementerian sedang melihat semula apakah istilah ini boleh kita pakai lagi sekarang. Oleh sebab sekarang ini sudah banyak teknologi moden yang digunakan. Umpamanya, membina bangunan mungkin agak *dangerous* bagi pekerja tempatan tetapi *why not*, kalau orang kita boleh bekerja dengan menggunakan teknologi yang ada sekarang, kenapa tidak mereka boleh terlibat kerana di situ juga mereka boleh mendapatkan pendapatan yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua, antara caranya ialah setiap permohonan pengambilan pekerja asing oleh majikan daripada sektor-sektor dibenarkan adalah berlandaskan kepada syarat-syarat dan kriteria kelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan dasar, prosedur dan syarat-syarat penggajian pekerja asing di Malaysia. Syarat dan kriteria kelayakan diguna pakai adalah seperti berikut. Ia ikut sektor Yang Berhormat. Pertama, kita ambil satu dua contoh, umpamanya sektor perkilangan.

Bagi sektor perkilangan, syarat dan kriteria telah dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama ialah syarikat berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada tiga pekerja asing. Syarikat bukan berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada satu pekerja asing. Sebab itulah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kita pengambilan pekerja Bangladesh, kita buat G-to-G. Melalui G-to-G, maknanya perundingan bersama kita belum lagi muktamadkan perkara ini. Oleh sebab kita melihat kadang-kadang pekerja asing ini bukan sahaja mereka datang bekerja tetapi juga dalam masa yang sama, kadang-kadang mungkin daripada segi *qualification*, dengan izin, kelayakan mereka mungkin tidak sama sampai ke mari seperti mana yang didakwa oleh mereka.

Mereka kadang-kadang membawa penyakit ke negara kita. Kadang-kadang mungkin kita tidak tahu mungkin mereka penjenayah. Oleh sebab itulah G-to-G punya *approach*, pendekatan ini, kita kena *scan* pekerja-pekerja ini supaya mereka datang ke negara kita dengan keadaan yang lebih menguntungkan kita dan bukan merugikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh satu lagi, restoran. Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi subsektor ini adalah berdasarkan bilangan kerusi. Pada masa ini hanya jawatan tukang masak sahaja dibenarkan, maknanya yang lain tidak boleh. Tukang masak yang pandai masak. Kebanyakan di kedai-kedai yang tidak pandai masak. Saya- angkat gelas, orang kita boleh, basuh pinggan orang kita pun boleh tetapi yang memasak makanan ini bukan semua orang boleh.

Pada masa ini hanya jawatan tukang masak sahaja yang dibenarkan manakala jawatan pembantu am bagi restoran dibekukan. Contoh kriteria pertimbangan bagi tukang masak 70 hingga 140 buah kerusi, 10 orang sahaja pekerja kita benarkan. 140 hingga 250 buah kerusi, 12 orang dibenarkan. 250 ke atas, 20 orang. Akan tetapi mungkin Tuan Yang di-Pertua, ditambah sampai empat, lima ratus, dia hendak pekerja yang banyak. Sebenarnya itu mungkin kadang-kadang ada benda-benda yang— ini contoh Yang Berhormat. Antara kriteria sebenarnya ada perkara-perkara lain, kriteria lain, sektor-sektor lain yang ada peraturannya. Saya ambil satu *last* lah Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian. Umpamanya...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukuplah itu.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Cukup ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan soalan tambahan Dato' Haji Mohd Suhaimi.

Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak hotel sekarang, Dua Bintang, Tiga Bintang, Empat Bintang, Lima Bintang, semuanya boleh dikatakan 90% dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing. Kadang-kadang mereka ini tidak tahu berbahasa Malaysia, tidak tahu berbahasa Inggeris. Malu kita kadang-kadang dengan pelancong-pelancong asing. Kadang-kadang mereka ini juga kalau kita order sate dibaginya karamel.

Kadang-kadang kita pun tidak faham bagaimana mereka ini berkomunikasi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana selektif dalam memilihnya. Sekarang chef Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi yang terpilih sahaja. Jadi, adakah kementerian mengambil tindakan ataupun memberi mereka ini seperti mana yang dikatakan Ahli Yang Berhormat tadi *at least, an educated people in this sector*, dengan izin, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang *dok jaga parking* itu. Kadang-kadang *crest* Parlimen kita dia tidak kenal pun. Tidak *kenai*, dia maki kita semacam saja. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong tengok sedikitlah. *Crest* kita itu *crest* mahal juga itu. Sampai tidak faham langsung dengan *crest* Parlimen ini, pening kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat sebenarnya bukan sahaja dalam Dewan ini, disuarakan juga oleh masyarakat di luar, ini masalah. Oleh sebab itulah bagi menentukan pekerja asing ini- bukan Kementerian Sumber Manusia sahaja walaupun saya sudah sebutkan awal tadi Yang Berhormat Senator, kita kena serius. Saya cukup serius Tuan Yang di-Pertua, kerana ramai saudara saya yang memerlukan pekerjaan, kenapa kita harus mengizinkan pendatang asing yang bekerja- kalau kita ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, saya buat sedikit *calculation* mudah sahaja.

Satu orang, subsidi hari ini kita ada dua juta, kalau kita darab, kita tambah katalah setiap pekerja yang *legal* ini yang sah ini ada satu belakang, maknanya kita ada empat juta orang pekerja asing. Kita ambil subsidi yang mereka dapat RM1 seorang sehari, cukup. Saya buat *calculation*, pekiraan, lebih

kurang RM720 juta bagi pekerja yang sah ini. Maknanya, kalau kita kali dengan dua kali, maknanya RM1.4 bilion daripada duit kita mengalir kepada mereka. Kenapakah ini harus diizinkan? Sepatutnya kita tambahkan BR1M, kalau RM1,000 kita jadikan RM3,000 umpamanya. Ini perlu kerjasama semua. Daripada segi *enforcement* ini, saya tidak menyalahkan sesiapa Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ini tanggungjawab kita, tanggungjawab Dewan Negara, tanggungjawab Dewan Rakyat dan tanggungjawab kementerian. Oleh sebab itu kita bersama dengan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin. Daripada segi *enforcement* ini sepatutnya dilakukan oleh Jabatan Imigresen yang perlu mengambil tindakan dan kita pun kena bersama.

Sebab itulah saya ingat saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita telah boleh bergerak. Pertamanya, ILMIA di bawah kementerian kita telah bergerak, kita hendak tahu dan menentukan berapa sebenarnya pekerja asing yang kita perlukan. Berapa juta, berapa ratus ribu? Tidak perlu? Kita perlu lakukan sesuatu untuk memastikan supaya negara kita ini diisi oleh pekerja tempatan. Daripada segi kewangan Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang RM30 bilion daripada duit kita keluar, ini juga satu kerugian kepada negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, penjelasan tentang apakah takrifan fitnah di dalam media sosial dan berapa banyaknya tindakan yang telah diambil untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 11 lagi pertanyaan iaitu daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; dan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin bertarikh pada 15 Disember.

Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; dan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin yang bertarikh 16 Disember.

Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee bertarikh 17 Disember; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang bertarikh pada 21 Disember; dan Yang Berhormat Senator Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib yang bertarikh 22 Disember, kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan isu media sosial.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, melalui inisiatif berterusan daripada pihak kerajaan, setakat ini Malaysia telah

mencapai kadar penembusan jalur lebar sebanyak 72.2 peratus dengan bilangan pengguna internet yang aktif melebihi 19.2 juta dengan 98 peratus daripadanya menggunakan media sosial terutamanya *Facebook* yang kita ada lebih kurang 15 juta orang pengguna untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Boleh dirumuskan bahawa rakyat Malaysia melihat kemudahan internet menjadi semakin hari semakin penting dan relevan dalam segenap aspek kehidupan mereka pada waktu ini.

Saya ingin mengambil peluang untuk berkongsi bahawa menurut kajian, penggunaan internet melalui telefon *cellular* sehari tiga jam tiga minit, manakala penggunaan internet melalui komputer atau pun tablet dalam sehari ialah lima jam 36 minit dan penggunaan sosial media sehari ialah tiga jam 27 minit.

Jadi, dengan sifatnya yang terbukti sebagai pemangkin taraf hidup warga Malaysia lebih baik dan mempunyai sebegitu banyak nilai positif, tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat banyak pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan dalam menyebar luaskan kandungan berunsur fitnah, perkauman, keganasan dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perlakuan kesalahan fitnah, tidak kira berlaku di alam nyata mahu pun di dalam media sosial adalah tertakluk kepada undang-undang tersebut berlandaskan prinsip apa yang salah di alam nyata juga salah di alam maya. Dengan izin, *a crime is a crime, it doesn't matter if it's online or in the real world.*

Bagi menangani isu fitnah khususnya, undang-undang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan boleh diguna pakai bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil. Bagi pihak kementerian ini, sebarang aduan mengenai fitnah yang berunsur jenayah yang diterima daripada orang ramai oleh pihak SKMM iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan dimajukan terus kepada PDRM untuk tindakan lanjut mereka. Walau bagaimanapun, pihak SKMM sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan teknikal kepada pihak PDRM.

Saya juga ambil peluang untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kuasa untuk menjalankan siasatan dan kuasa mendakwa di mahkamah adalah terletak di bawah dua buah organisasi berbeza iaitu jawatankuasa pasukan petugas operasi membanteras laman web dan blog yang melanggar undang-undang negara telah pun ditubuhkan pada tahun 2007 atas arahan Jemaah Menteri. Jawatankuasa ini dipengerusikan dan dianggotai oleh agensi penguasa termasuk SKMM dan diurus setia oleh MKN. Jadi jawatankuasa ini menilai kandungan blog dan laman web yang mengandungi unsur-unsur seperti hasutan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran, salah satu faktor yang menyumbang kepada permasalahan buli siber atau *cyber bullying*, dengan izin, datang daripada sikap pengguna yang menggunakan internet dengan cara tidak berhemah. Dia sebenarnya bukan fizikal buli, dia lebih kepada *emotional bully*. Dalam melipat gandakan usaha agar penyalahgunaan media sosial dapat dibendung sebaik mungkin, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia meneruskan inisiatif dalam menggalakkan masyarakat terutamanya golongan remaja untuk mengawalkan kawalan kendiri. Selain daripada itu, kesedaran masyarakat terus

dipupuk agar ibu bapa turut memainkan peranan dalam mengawal aktiviti anak mereka di internet kerana golongan yang banyak terlibat golongan remaja.

Bagi menjawab pula persoalan daripada Yang Berhormat Senator Chin Su Phin dan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, antara pendekatan yang diambil berkaitan dengan pelaksanaan dasar keselamatan siber negara ialah ia satu pendekatan keselamatan siber secara holistik di bawah kawal selia Majlis Keselamatan Negara yang turut merangkumi pelbagai sektor. Ia ada 10 sektor iaitu sektor perbankan, tenaga dan pengangkutan dan antaranya termasuk pemakanan dan sebagainya. Bagi pihak kementerian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia merupakan agensi peneraju bagi sektor informasi dan komunikasi yang sentiasa menjalankan pemantauan keselamatan rangkaian negara secara berterusan bagi melindungi infrastruktur kritikal komunikasi dan maklumat negara.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, pada masa kini, setiap agensi adalah berperanan dalam memantau maklumat-maklumat palsu berkaitan sektor masing-masing dan akan melaporkan kepada PDRM dan juga SKMM mengenai sesuatu kesalahan untuk tindakan dan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pula persoalan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, pihak kementerian melalui agensi kerajaan yang berkenaan telah mengambil beberapa langkah dalam menangani dan memerangi isu yang melibatkan keganasan persepsi. Antaranya termasuklah meningkatkan aktiviti, dengan izin, *counter messaging* dan *counter narrative* secara bersepada dengan satu suara dilengkapkan dengan fakta dan asas pertimbangan yang kukuh selain dapat sampai kepada golongan sasaran.

Maknanya pertemuan bersemuka. Orang ramai juga diingatkan agar bijak menilai dan mengenal pasti pihak yang menyebarkan dakyah keganasan persepsi dan berwaspada dengan apa jua maklumat yang diterima dan disebarluaskan oleh pihak tersebut serta tidak mudah terpengaruh dengan mainan persepsi yang boleh menggugat kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.

Manakala bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin, antara kekangan yang dihadapi oleh SKMM dalam siasatan berhubung kesalahan di media sosial ialah pertamanya, kesukaran untuk mengenal pasti subjek kerana kebanyakannya menggunakan akaun palsu. Ini memang serius. Kedua, selain daripada itu, maklumat pendaftaran talian telefon yang digunakan juga adalah palsu dan kandungan aduan yang diterima kadang kala tidak memenuhi keperluan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada. Elemen kesalahan itu tidak ada dalam peruntukan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sepanjang bulan Januari hingga Disember 2015, walaupun terdapat kekangan tersebut, sejumlah 2.29 juta kompaun telah dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya kepada syarikat telekomunikasi berhubung isu pendaftaran pengguna telefon prabayar. Makna kata yang

tadi yang menggunakan secara palsu, kita telah mengenal pasti. Jumlah ini menunjukkan peningkatan 89 peratus berbanding tahun 2014. Bagi kesalahan yang sama dilakukan, tindakan mahkamah akan dikenakan kepada mana-mana syarikat telekomunikasi yang terlibat.

Selain daripada itu, siasatan menjadi lebih mencabar daripada aspek pemeliharaan bukti kesalahan kerana kandungan atau komunikasi di internet mudah dipindah, dipadam atau dipinda pada bila-bila masa. Sifat *anonymity* atau ketampanan internet dan rekod pengguna yang tidak jelas menjadikan proses pengesanan pesalah kadang-kala sukar dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan terakhir daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Senator Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib, dari tahun 2011 sehingga November 2015, sebanyak 1,253 buah laman sesawang berunsur lucah telah pun disekat oleh pihak SKMM. Langkah sekatan yang dilakukan adalah secara berperingkat berdasarkan aduan awam dan juga berdasarkan bilangan capaian atau pun *hits* dengan izin, atau populariti sesuatu laman sesawang. Namun demikian, perlulah ditekankan bahawa sifat internet tanpa sempadan dan bercambah dengan amat pesat adalah sukar untuk menjangkakan keseluruhan kandungan berunsur lucah dapat disekat secara sepenuhnya.

Dimaklumkan bahawa di antara 12 sehingga 15 peratus kandungan laman web adalah laman web lucah dan mengikut statistik, terdapat 260 laman web lucah baru dihasilkan setiap hari. Menurut kajian juga, di Amerika Syarikat terutamanya, sejumlah USD3 juta telah dibelanjakan oleh pengguna untuk melanggan kandungan lucah setiap saat. Di India, kerajaan telah cuba menyekat laman web lucah tetapi mendapat tentangan daripada rakyat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat menjawab semua soalan.

Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan definisi yang diberikan oleh seorang daripada iCrossing iaitu *marketing agency* daripada New York. Kata beliau, kata Anthony Mayfield, media sosial adalah mengenai menjadi manusia biasa. Manusia biasa yang saling berkongsi idea, bekerjasama dan bekerjasama untuk mencipta ciptaan, berfikir, berdebat, mencari seseorang yang boleh menjadi kawan baik, mencari pasangan dan membina sebuah komuniti. Kalau inilah tafsiran yang dapat kita berikan, yang dapat kita bayangkan, maknanya daripada media sosial ini yang telah pun menjadi media alternatif.

■1110

Saya sendiri sekarang ini kurang baca surat khabar Yang Berhormat Menteri, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* lagi pula hendak *download e-Paper* pun *very slow, very slow*, dengan izin. Jadi maknanya kalau inilah definisi yang diberikan sebab itu kita tengok pilihan raya lepas Barisan Nasional nyaris-nyaris kalah kerana media sosial ini.

Barack Obama lonjakan menjadi Presiden itu tinggi. Daripada taklimat yang diberikan oleh PDRM kepada kita IS juga menggunakan media sosial untuk *recruit*, dengan izin, rakan-rakan untuk ke Syria. Saya juga memasuki laman juga melihat *the top 20 active blogger* di Malaysia ini. Kalau daripada nama dia sendiri pun kadang-kadang kita sangsi contoh "Omak Kau", "Anak Sungai Derhaka", "Kelab

GreenBoc, “*Ameno World*”, “*Tukar Tiub*”, “*EkELEH*”, “*Cenangau Daunkari*”, “*Helen Ang*”, “*Gendang Perang*”, “*IdaMan*”, “*MiLo SuaM*”, “*Pemburu*”- ada yang orang Kedah kata “*LoQLaQ*” pun ada.

Jadi Yang Berhormat Menteri soalan saya, kalau mereka ini telah kita ketahui dan rakyat di bawah sangsi dengan tindakan yang diambil oleh kementerian sama ada PDRM, MCMC ataupun Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Rakyat cukup sangsi kerana soal-soal agama dan kebudayaan juga dibawa.

Kalau saya hendak cadangkan kepada kementerian bawa satu undang-undang supaya mereka ini ditahan tanpa dibicara yang sentuh soal agama, yang sentuh soal kebudayaan, yang letak babi di atas Kaabah, yang sudah terlepas ke Amerika dan di Amerika masih lagi menimbulkan kekeliruan, menimbulkan kekacauan antara agama.

Apa komen Yang Berhormat Menteri sekiranya kita bawa satu undang-undang mereka ini ditahan tanpa bicara. Bicara ini tidak lepas. Kadang-kadang Menteri bagi jadi filem *star* pula selepas itu. Jadi Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua itu komenar saya. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih, Yang Berhormat Senator sahabat saya. Sebenarnya saya ambil maklum pandangan yang dimajukan Yang Berhormat Senator. Perkara ini memang telah pun kita bincangkan. Kalau kita lihat sebenarnya kalau kita lihat daripada aspek positifnya seperti yang saya maklumkan di awal jawapan saya tadi memang jelas dari segi kepenggunaan internet dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh menahan mana-mana pihak yang menyalahgunakan internet.

Misalnya, kalau kita kata saya mengambil contoh diambil pendekatan di negara seperti di Korea dan China misalnya. Berdasarkan pendekatan yang dilakukan oleh negara-negara seperti Korea dan China kaedah pendaftaran identiti bagi pengguna media sosial melibatkan penyimpanan data yang besar. Jadi sistem pengumpulan data tersebut memerlukan satu mekanisme pelaksanaan yang melibatkan perkara seperti sistem keselamatan, penggunaan Akta Perlindungan Peribadi, kos menyediakan infrastruktur, penyediaan pangkalan data besar. Jadi perbelanjaan amat besar. Walau bagaimanapun, tidak ada jaminan pendaftaran tersebut akan mengurangkan insiden penyalahgunaan.

Katalah kita memerlukan pendaftaran untuk setiap pengguna internet. Jadi masa yang sama berlaku di Malaysia. Sebaliknya proses pendaftaran di Korea dan China itu mendatangkan lebih banyak mudarat. Jadi di Malaysia ini seperti yang saya maklum tadi. Kita seharusnya tidak hanya merujuk kepada Akta Komunikasi dan Multimedia sahaja. Kita ada beberapa peruntukan akta seperti Akta Hasutan, CPC dan sebagai. Di mana pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak PDRM dan juga agensi penguat kuasa seperti KPDKKK, JAKIM dan lain-lain.

Cadangan untuk menahan tanpa bicara boleh dipertimbangkan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan tadi iaitu Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Operasi Membanteras Laman Web. Ini kerana kalau kita lihat *degree* kesalahan antara suatu misalnya kalau kes yang berkaitan IS ia lebih disiasat di bawah PDRM, di bawah kuasa Kanun Keseksaan dan bukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Akan tetapi, saya ambil maklum cadangan yang dimajukan oleh Yang Berhormat Senator

kerana walau bagaimanapun di pihak kementerian melalui SKMM kita sentiasa membantu dari segi teknikalnya dan juga kepada mana-mana agensi penguasaan yang terlibat.

Saya juga suka untuk maklumkan kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Senator ada menyentuh satu kes yang berkaitan dengan penghinaan agama oleh seorang yang bernama Alvin Tan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator sebenarnya kes beliau di mana pasangan beliau telah dipanggil. Kes dia telah didakwa di bawah seksyen 41 *subclause (1C)* Akta Hasutan dan seksyen 52 Akta Penapisan Filem 2002. Walaupun tanpa kehadiran Alvin Tan, kes ini akan disambung dan ia akan dibicarakan pada 4 Januari tahun depan. Maknanya pasangan dia hadir. Manakala untuk Alvin Tan sendiri untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pihak KDN sebenarnya telah memulakan agensi perbincangan termasuklah kementerian saya daripada segi proses bagaimana untuk mengadakan ekstradisi dan sebagainya. Terima kasih.

6. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, langkah mempersiapkan universiti awam tempatan dalam menghadapi era persaingan global.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh universiti awam dalam menghadapi era persaingan global.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu yang berkaitan dengan universiti awam (UA). Terdapat tiga lagi pertanyaan yang melibatkan UA.

Oleh yang demikian, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak seperti berikut: Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad pada hari ini; Yang Berhormat Senator Haji Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin bertarikh 9 Disember 2015; Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun bertarikh 16 Disember 2015; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin bertarikh 22 Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada tahun 2015-2025 untuk pendidikan tinggi atau PPPMPT sebagai satu hala tuju untuk memastikan sistem pendidikan tinggi negara sentiasa berdaya saing seiring dengan trend global.

Matlamat PPPMPT adalah untuk melahirkan bakat yang didorong oleh nilai dengan mentaliti kelas pertama iaitu *value driven talent with first class mentality*, dengan izin, melalui 10 lonjakan. Lonjakan satu ada berkaitan dengan melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih bersepadu berbanding sebelum ini. Di samping meningkatkan ekosistem untuk membentuk pembangunan pelajar sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

Melalui PPPMPT antara langkah yang dilaksanakan ialah purata nilai gred kumulatif bersepadu atau ICGPA yang tidak hanya mentafsir pengetahuan dan kemahiran berfikir seperti mana amalan sekarang tetapi juga mentaksirkan *attribute* utama lain seperti kemahiran komunikasi dan kepimpinan dalam bentuk *spider web*.

Selain itu, program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1 turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan. Ia melibatkan pembelajaran selama dua tahun atau tiga tahun untuk kampus dan selebihnya di luar kampus. Pembelajaran di industri atau bersama masyarakat.

■1120

Bagi meningkatkan kecemerlangan bakat pensyarah dan juga pelajar, Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dengan izin, merupakan salah satu langkah yang telah dilaksanakan di bawah lonjakan kedua iaitu kecemerlangan bakat dengan melibatkan perkongsian umur dan pengalaman oleh seramai 22 orang tokoh korporat, pegawai tadbir serta pemimpin komuniti.

Di samping itu, program transformasi IPT merupakan salah satu langkah keutamaan kementerian dalam menghadapi era persaingan global dan lima buku panduan amalan terbaik atau *play books*, dengan izin, sedang dibangunkan untuk disebar di seluruh UA sebagai panduan praktikal untuk membantu untuk melaksanakan program transformasi masing-masing atau dalam meningkatkan amalan sedia ada dalam bidang kritikal. Kementerian juga akan menggalakkan dan memudahkan penubuhan Makmal Penyelidikan Antarabangsa di Malaysia dengan kerjasama IPT industri serta *organization* atau komuniti yang berkaitan bagi menggalakkan penyelidikan berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana awam UA akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan lebih berhemat dan inovatif dalam penggunaan sumber. UA akan memaksimumkan penjanaan dana melalui pengkomersialan idea dalam perundingan, penyelidikan dan latihan yang menjadi bidang kepakaran universiti. Selain itu, pendapatan UA juga boleh diguna melalui sewaan aset serta penerbitan buku, jurnal dan aktiviti pencetakan dan produksi. UA akan sentiasa menambahbaikkan struktur tadbir urus yang relevan bagi mengurus aktiviti secara profesional tanpa mengabaikan misi teras pendidikan.

Justeru, pelbagai kaedah turut diambil dalam membuat perubahan kurikulum serta modul pengajian seperti melaksanakan kursus berdasarkan konsep pendidikan berdasarkan hasil atau *outcome based education*, dengan izin, dan melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework* (MQF), dengan izin, bagi memastikan kebolehpasaran graduan UA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini kerana tidak ada soal- Yang Berhormat adakah kemukakan hari itu? Silakan.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita difahamkan untuk menghadapi cabaran globalisasi ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah membenarkan universiti luar negara untuk mengadakan cawangan di Malaysia. Soalan saya ialah adakah kementerian juga akan

membenarkan mana-mana universiti awam yang berhasrat untuk membuka cawangan di luar negara menggunakan dana ia ataupun secara pelaburan kongsi sama dengan pihak swasta tempatan atau di negara yang dituju? Apakah syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kebenaran untuk universiti luar negara untuk masuk ke Malaysia, ini memang ada *standard operating procedure*. Di sini sekarang Kementerian Pendidikan Tinggi mewujudkan satu program di mana kita panggil itu yang berkaitan dengan *quadruple helix* yang mana kita melibatkan bukan hanya universiti tetapi kita juga melibatkan industri komuniti dan universiti. Berdasarkan *standard operating procedure* kita hendak melihat kesesuaian untuk universiti dari luar negara untuk masuk ke negara. Jadi ini bermakna bahawa kita memang ada kriteria, banyak kriteria dan saya tidak ada kriteria bersama dengan saya. Sekiranya Yang Berhormat berminat, saya boleh memberi jawapan saya dalam bentuk tulisan jika diperlukan. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya** minta Menteri Kesihatan menyatakan, kenapa hanya baru-baru ini penggunaan e-rokok hendak dijadikan barang kawalan sedangkan penggunaan e-rokok telah berleluasa sejak tiga tahun lalu atau lebih.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya. Soalan ini berkenaan dengan e-rokok.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menguatkuasakan penjualan cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin dengan menggunakan Akta Racun 1952. Nikotin dikelaskan sebagai racun dan akta ini menyenaraikan nikotin sebagai racun terkawal dalam kumpulan 'C'. Akta ini hanya membenarkan nikotin diperoleh dari farmasi berlesen dan pegawai perubatan yang berdaftar. Penguatkuasaan telah dipergiatkan semenjak tahun 2012 kerana penggunaannya telah pun semakin meningkat. Mengikut rekod yang ada seperti di jadual di bawah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

| Tahun | Bilangan Botol (Nikotin) |
|-------------------------|--------------------------|
| 2012 | 18 |
| 2013 | 38 |
| 2014 | 310 |
| 2015 (Hingga September) | 442 |

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Soalan tambahan saya ialah ada cadangan untuk pihak farmasi yang menjual cecair nikotin bagi e-rokok ini tetapi pihak farmasi semua tidak berminat untuk menjual cecair e-rokok ini. Jadi apakah tindakan yang selanjutnya daripada kementerian?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Akta Racun 1952 memang *clear* atau jelas bahawa nikotin ini terletak di bawah kumpulan 'C'. Memang itulah kaedahnya untuk sama ada

hendak *prescription* untuk mendapatkan cecair ini kena ada melalui *prescription* daripada *pharmacist* ataupun doktor perubatan dan pegawai perubatan yang berdaftar. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita hendak buat ialah kita tidak mengharamkan tetapi kita mengawal. Kita lihat perkara ini, setakat ini belum ada kawalan tentang e-rokok dan *vape* ini. *Vape* juga, sebenarnya kalau ikut definisi *vape* menggunakan alat yang sama seperti e-rokok tetapi tidak ada nikotin, itu *vape*.

Setakat ini undang-undang tidak ada kawalan sebab itu sedang buat pindaan tentang Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 iaitu menambahkan perkataan “wap”. Selepas perkataan “asap”, kita tambah perkataan “wap”. Jadi maknanya selepas ini kita akan kawal. Makna penghisapan *vape* ataupun e-rokok tidak boleh dibuat, tidak boleh berjalan di bangunan kawasan larangan seperti yang pernah disebut dalam kawalan rokok ini iaitu 21 buah kawasan larangan tidak hisap.

Makna kawasan *aircond*, termasuk di Parlimen, Dewan Negara, hospital, sekolah, universiti dan sebagainya. Begitu juga R&R, di kawasan ini semua tidak boleh. Pindaan ini dijangka akan dikuatkuasakan pada awal tahun depan Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kita gunakan apa yang ada dengan pindaan peraturan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri cukup sudah, tidak perlu bawa ke Parlimen dan kita boleh laksanakan. Kawalan e-rokok di kawasan-kawasan seperti juga yang berlaku kepada rokok Tuan Yang di-Pertua.

■1130

8. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kedudukan terkini berhubung dengan penyertaan Malaysia di dalam “*Trans Pacific Partnership Agreement*” atau TPPA.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bagi menjawab soalan berkaitan dengan Perjanjian Perdagangan dan Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) sebagai latar belakang Tuan Yang di-Pertua. Asal usul TPPA ini pada tahun 2005, apabila empat buat negara iaitu Brunei, Chile, *Singapore* dan New Zealand telah mengadakan satu perjanjian perdagangan.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Sejak itu, bilangan negara yang menyertai perbincangan untuk mengadakan satu perjanjian yang berbentuk lebih luas bertambah. Malaysia menjadi negara yang kesembilan iaitu pada bulan Oktober 2010 apabila Malaysia membuat keputusan untuk menyertai rundingan perjanjian TPPA ini. Itu sebagai latar belakang, bulan Oktober 2010 Malaysia menyertai rundingan mengenai TPPA.

Tuan Yang di-Pertua pada bulan 5 Oktober, menteri-menteri telah selesai merundingkan TPPA di Atlanta, Georgia 5 Oktober yang lalu. Pada 5 November yang lalu teks penuh yang ini didedahkan pada umum dan sekarang ini sudah pun dihebahkan kepada umum dan pada 3 Disember lalu perjanjian ini serta dua kajian analisis kos faedah telah diletakkan atas meja Ahli-ahli Dewan Rakyat. *InshaaAllah* hari Isnin akan datang, 14 Januari, teks perjanjian ini serta dua kajian analisis kos faedah akan diberikan

kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Jadi *inshaaAllah* hari Isnin kesemua teks perjanjian dan juga dua kajian akan diletak atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kesemua ini telah pun ada dalam MITI portal itu sebagai latar belakang.

Jadi sudah muktamad rundingan 5 Oktober, 5 November telah pun didedahkan teks ini kepada umum. Seterusnya ingin saya maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pada hujung bulan Januari 2016, perjanjian ini akan dibahaskan dalam Parlimen dua hari di Dewan Rakyat dan satu hari di Dewan Negara. Surat notis telah pun dihantar kepada Speaker Dewan Rakyat dan juga Speaker Dewan Negara untuk memaklumkan hasrat kerajaan dan Speaker Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan mengumumkan tarikh-tarikh kepada Ahli Yang Berhormat.

Jadi perjanjian ini akan dibahaskan oleh Dewan Rakyat dua hari pada hujung bulan Januari dan satu hari di Dewan Negara itu proses yang seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kerajaan, secara keseluruhannya TPPA ini menguntungkan negara. Pertama, kita akan dapat akses kepada beberapa pasaran baru khususnya Amerika Syarikat, Mexico, Kanada dan Peru yang mana kita belum lagi ada FTA. Itu yang pertama. Seterusnya, kita mendapat bahawa kalau kita menyertai TPPA ini maka iklim pelaburan akan bertambah baik dalam negara kita khusus dalam konteks saingan yang semakin sengit kita hadapi negara-negara serantau termasuklah Singapura dan Vietnam.

Jadi kalau kita tidak menyertainya kita merasakan bahawa kita akan kurang daya saing dengan negara-negara tersebut. Apa pun seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita menyertai perjanjian ini atas terma-terma Malaysia iaitu Perlembagaan Malaysia dasar-dasar utama seperti dasar memperkasakan ekonomi bumiputera. Antara sektor-sektor yang dijangka mendapat faedah daripada perjanjian ini sektor *electrical electronic* yang merupakan tonggak dari sektor pembuatan dalam negara kita dan juga sektor tekstil, kayu-kayan dan juga kelapa sawit.

Selain itu, kerajaan sudah membuat keputusan untuk dilaksanakan dua kajian kos faedah. Kedua-dua telah siap pada 3 Disember yang lalu dan kajian ini akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat pada hari Isnin petang. ISIS sebuah “*think-tank*” di negara kita berpendapat bahawa dari sudut politik, ekonomi dan sosial. TPPA ini adalah demi kepentingan negara. *PricewaterhouseCoopers* (PWC) sebuah syarikat perunding antarabangsa yang berkaliber menyatakan bahawa Malaysia kadar pertumbuhan kita meningkat sedikit dan kita mampu untuk menarik lebih banyak pelaburan sekiranya kita menyertai TPP. Secara umumnya, kedudukan kerajaan itu mengesahkan pandangan kerajaan bahawa TPPA adalah untuk kepentingan Malaysia.

Dalam pada itu, kerajaan mengakui bahawa ada cabaran-cabaran umpamanya sektor minyak dan gas mungkin lebih saingan. Ini dinyatakan oleh kedua-dua ISIS dan juga *PricewaterhouseCoopers* mungkin beberapa buah syarikat akan terpaksa bersaing dengan lebih. Jadi itu cabaran-cabaran yang akan dihadapi, kerajaan mengakui bahawa ada sektor-sektor yang mungkin menghadapi cabaran tetapi secara keseluruhannya kerajaan perlu melihat kepada keseluruhannya. Maka, secara keseluruhannya kerajaan berpendapat bahawa TPPA mendatangkan faedah kepada negara. Apa pun Parlimen akan buat keputusan, perbahasan dua hari di Dewan Rakyat, satu hari Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat,

Dewan Negara akan membuat keputusan sama ada kita harus menyertai TPP. Kita jangka jika semuanya okey, maka bulan Februari Malaysia diputuskan oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara Malaysia akan menyertai perjanjian ini. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahman bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa Mohamed datang sendiri untuk memberi penjelasan berhubung dengan TPPA. Soalan tambahan saya selain daripada kebimbangan bahawa TPPA akan menggugat kedaulatan negara, harga ubat-ubatan akan naik. Perjanjian TPPA akan menjelaskan kedaulatan Islam dan ia menjejas kepentingan bumiputera dan syarikat hak milik kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri komen mereka yang menentang TPPA jika Malaysia jadi ahli, Malaysia akan jadi boneka Amerika dan "*Malaysia is not for sale*". Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim. Kerajaan menghargai kesemua pandangan yang telah diberikan oleh semua pihak NGO dan individu dan sebahagian daripada pandangan-pandangan memang diambil kira oleh kerajaan. Sebagai sebuah kerajaan, kita perlu melihat secara keseluruhan. Itu sebabnya saya katakan setelah ditimbang dengan teliti oleh wakil kerajaan kita berpendapat Malaysia akan kerugian sekiranya tidak menyertai perjanjian ini dan Malaysia akan menjadi kurang kompetitif berbanding dengan negara-negara lain.

Jadi, yang pertama mengenai boneka. Ini adalah antara tuduhan yang diberikan, setengahnya adalah berasaskan kepada maklumat yang tidak tepat ataupun maklumat yang sengaja diputarbelitkan yang diselewengkan. Jadi tuduhannya ialah kita menjadi boneka Amerika Syarikat, maka ini kalau itu tuduhannya maka Brunei Darussalam, Vietnam dan Jepun juga menjadi boneka Amerika Syarikat. Bukan kerana ditipukan Amerika Syarikat, Malaysia sahaja TPP ini 12 buah negara. Kalau itu alasannya, maka kesemua 11 buah negara lain akan menjadi boneka Amerika Syarikat.

Kedua, Amerika Syarikat di Malaysia bukannya baru. Kalau kita pergi ke Kulim Hi-Tech Park beberapa buah syarikat gergasi Amerika Syarikat berada di Kulim Hi-Tech Park. Syarikat-syarikat yang beroperasi di Kulim Hi-Tech Park menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada 25,000 orang kesemuanya. Kalau pergi ke Pulau Pinang banyak syarikat Amerika, syarikat Jepun, syarikat Singapore ini semua merupakan negara-negara TPP. Kalau pergi ke Johor banyak syarikat Singapura.

Realitinya hari ini, kita kena berdagang. Negara kita negara kecil, 30 juta. Pasaran kita kecil, maka kita kena jual barang dan perkhidmatan kita ke negara lain. Kalau tidak kita tidak akan sampai tahap kemajuan. Pelabuhan Klang umpamanya maju kerana kita berdagang. Begitu juga Airport Sepang KLIA mengalami pertumbuhan yang ketara kerana kita buka kepada pelancong-pelancong asing. Jadi realiti kita bergantung satu sama lain. Jadi boneka tidak harus timbul yang penting kita kekuatan diri, agama kita, budaya kita. Begitu jugalah Islam, telah saya tegaskan bahawa ia bukan bermakna bahawa kita akan menghapuskan Islam sebagai agama Persekutuan.

■1140

Kita masuk TPP bukan makna kita serah atau kita *give up* agama kita ataupun budaya kita, dengan izin. Islam tetap menjadi agama rasmi Persekutuan dan dalam hal halal umpamanya kita memperjuangkan perkara ini dan kita berjaya untuk memastikan bahawa kita terus dapat menggunakan logo halal JAKIM.

Ubat-ubat satu perkara yang sentiasa dibangkitkan, ini menimbulkan kebimbangan. Kita sudah kata bahawa TPP tidak mengubah dasar-dasar berkaitan ubat. Ubat ini dua perkara, yang pertama dasar mengenai paten, 20 tahun untuk ubat dan bekal-bekal lain. TPP tidak mengubah dasar tersebut. Jadi bagaimana TPP boleh menaikkan harga. Satu lagi ialah berkaitan apa yang dipanggil *data exclusivity* untuk ubat-ubat yang bukan berasaskan kimia ataupun *non chemical drugs*.

Dasar kita ialah untuk memberi *data exclusivity* selama lima tahun. Ini juga *data exclusivity* yang diberikan kepada *chemical drugs* iaitu ubat-ubatan yang ada hari ini. Jadi ringkas cerita berkaitan ubat-ubat ini dasar-dasar yang sedia ada akan diteruskan. Hanya TPP tidak menggugat dasar kita, maka itu kerajaan berpendapat dakwaan bahawa harga ubat akan naik adalah tidak berasas.

Berkaitan dengan bumiputera, kita telah memastikan bahawa dasar 30%, kontrak-kontrak bumiputera dikekalkan. Apa yang dipanggil *margin of preference* ataupun margin keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang menyertai kontrak-kontrak bekalan barang dan perkhidmatan diteruskan. Kita juga memastikan bahawa taraf bumiputera yang sekarang ini diberikan oleh CIDB dan pihak lain terus dikekalkan. Bagi syarikat-syarikat kerajaan, 40% daripada perolehannya boleh diberikan kepada bumiputera tanpa apa-apa soal. MARA, TERAJU dan lain-lain terus dapat melaksanakan peranan mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terima kasih Tan Sri Rahim, inilah antara kebimbangan yang dinyatakan oleh orang ramai. Kerajaan sedar bahawa setiap apa yang kita lakukan tidak ada yang sempurna 100%, kita sebagai manusia dan begitu juga TPPA tetapi secara keseluruhannya kita berpendapat kita rugi jika kita menyertai perjanjian ini.

Apa pun seperti yang saya nyatakan tadi Ahli Yang Berhormat boleh semak sendiri, boleh baca hari Isnin akan didedahkan, akan diletakkan atas meja dan semuanya ini dapat kita semak daripada portal MITI untuk kita membuat penilaian yang objektif. Apa yang kerajaan mahu ialah supaya kita objektif dalam penilaian kita dan membuat pertimbangan secara rasional berdasarkan kepada fakta-fakta.

Akhir sekali saya hendak maklumkan di sini bahawa syarikat-syarikat Malaysia sebenarnya lebih banyak melabur di luar negara daripada syarikat asing melabur di negara kita. Jumlah pelaburan Malaysia luar negara RM600 bilion. Jumlah pelaburan asing di Kulim, Pulau Pinang dan lain-lain RM500 bilion. Bezanya RM100 bilion. Jadi syarikat-syarikat Malaysia sebenarnya mempunyai harta dan pelaburan lebih besar daripada syarikat asing di negara kita.

Jadi kalau kita katakan bahawa oleh sebab Malaysia besar luar negara maka negara asing itu boneka Malaysia, itu tidak berapa tepatlah. Kita syarikat-syarikat PETRONAS hebat, kita berbangga nombor 68 dalam dunia. *Fortune 500* sebagai contohnya. Daripada berjuta-juta syarikat di dunia,

PETRONAS nombor 68. Jadi kalau kita kata syarikat-syarikat Amerika menjadikan Malaysia sebagai syarikat Amerika Syarikat, Jepun dan Singapore menjadikan Malaysia sebagai boneka bagaimana pula kehadiran Petronas di negara-negara asing.

Jadi kita hidup di dunia hari ini saling bergantung satu sama lain. Selagi ia mendatangkan faedah kepada kita dan negara-negara lain, maka selama itulah kita harus mengambil sikap yang terbuka. Jadi kita harap rakyat Malaysia akan mengambil sikap yang objektif dan membuat penilaian secara rasional tentang keputusan kita, keputusan kerajaan untuk terlibat dalam TPP. Terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah apakah jaminan kerajaan bahawa keanggotaan Malaysia dalam TPPA tidak menjelaskan perdagangan negara kita dengan negara-negara lain, bukan anggota TPPA terutamanya negara China yang begitu rapat dengan negara kita.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hou. Tuan Yang di-Pertua, China merupakan rakan dagang Malaysia yang pertama dan China merupakan rakan dagang pertama kepada banyak negara lain seperti Arab Saudi, China nombor satu, kira-kira 100 buah negara di dunia. China nombor satu, Malaysia juga nombor satu. Jadi ia tidak 14% perdagangan kita adalah dengan China, yang kedua Singapore - 13%; Jepun - 10%; dan Amerika - 9%, itulah lebih kurang, satu, dua, tiga dan empat.

Jadi kita sudah ada FTA dengan China, ASEAN pun ada. Banyak barang-barang daripada China masuk ke Malaysia sudah pun tidak ada cukai, maka ini akan diteruskan. Bukan bermakna apabila ada TPP maka perjanjian dengan China akan diketepikan, perjanjian akan diteruskan. Malah baru-baru ini dalam Mesyuarat ASEAN ke-27 kita sudah membuat keputusan untuk *upgrade*, untuk naik taraf ASEAN-China FTA. *Upgrade* bermakna lebih banyak lagi kemudahan akan diberikan, maka perdagangan Malaysia-China tidak terjejas dan dengan ASEAN juga tidak terjejas.

Kita sudah ada perjanjian dengan ASEAN, tidak ada *duty* dikenakan kepada sebahagian besar barang-barang daripada ASEAN. ASEAN merupakan *priority* kita dan hubungan ekonomi dan juga politik, maka saya ingin beri jaminan kepada Ahli-ahli Dewan Negara bahawa TPP bukan bermakna kita pinggirkan ASEAN ataupun China. Dasar Malaysia ialah untuk berbaik-baik, menjalin hubungan yang baik dengan semua negara termasuk China, ASEAN, Amerika Syarikat dan negara Timur Tengah. Ini merupakan dasar perdagangan, dasar pelaburan dan juga dasar luar negara kita.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Menteri sehingga TPPA ini pun orang panggil Tok Pa. Saya mengikuti banyak taklimat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi apabila turun ke kampung Yang Berhormat, masih juga ada lagi kedengaran suara-suara sumbang yang bercakap berhubung dengan TPPA ini. Salah satu suara sumbang yang saya rasa lebih besar daripada yang dipersoalkan oleh Tan Sri Rahim tadi menyatakan bahawa TPPA ini adalah satu *grand design* daripada peniaga-peniaga Yahudi.

Jadi mereka mengambil Yahudi itu sebagai satu pendekatan untuk bertanya kepada soalan apakah apabila kita menandatangani TPPA ini kita akan dierakkan daripada mengadakan urus niaga

dengan negara-negara Islam. Ini yang dibangkitkan. Orang kampung cukup bercelaru dengan tohmahan-tohmahan yang sedemikian. Apakah komen Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi. Betullah TPPA ini ada orang kata Tok Pa lah, kerana saya sudah lima tahun terlibat dalam perundingan ini. *Alhamdulillah* sudah selesai rundingan. Sekarang ini perlu mendapat persetujuan daripada Ahli Dewan Negara, saya harap Ahli Dewan Negara akan buat pertimbangan yang telitilah. Jadi di kampung-kampung memang banyak lagi isu dan kita sudah banyak membuat penjelasan TV.

Hari Selasa lalu saya berdepan dengan 1,500 orang di MITI, satu dialog terbuka dan *inshaaAllah* kita akan ada satu lagi dialog terbuka, dijemput semua sekali boleh. Kita juga akan ada satu program bersama Ahli-ahli Parlimen pertengahan bulan Januari. Paginya kita bagi penerangan dan petangnya *workshop*. Siapa yang hendak tahu mengenai ubat, beli ubat, siapa hendak tahu kedaulatan negara, pergi lawatan negara. Hendak tahu Yahudi, pergi Yahudi. Inilah kita akan adakan pergi bengkellah supaya jelas kepada kita.

Jadi sebelum Yang Berhormat mengundi saya akan bagi taklimat dan pegawai satu hari, ya satu hari pagi dan petang, supaya kita puas hati. Jadi kita tahu bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan dan saya sudah pergi Sabah, Kelantan, Shah Alam, Kuala Lumpur sudah banyak kali. Pegawai saya pun banyak pergi ke universiti, petang ini saya jumpa beberapa buah universiti. Dua hari lepas saya bersama Pemuda UMNO. Jadi kita akan teruskan. Ini penting kerana kita hendak rakyat faham. Kita tidak mahu rakyat takut.

Jadi di bawah ini dia kata TPP ini kita tidak boleh bermula dengan orang Islam, bermula Yahudi sahaja. Itu antara putar belitlah. Ini putar belit berdasarkan kepada sengaja hendak ambil kesempatan politik hendak mengelirukan orang kampung. Sebut Yahudi, sebut Islam memang Islam penting untuk kita. Jadi saya mengakui ini antara tohmahannya. Jadi tidak benarlah. TPP bermakna di kampung dia kata bahawa kita kena bermula Yahudi tidak boleh bermula dengan orang Islam. Jadi TPP juga ada negara Islam yang lain Brunei umpamanya. Di negara lain pun ada juga Islam. Jadi Ahli Yang Berhormat, ini tidak benar sama sekali.

■1150

TPP bukan bermakna kita akan terpaksa bermula dengan Israel, tidak. TPP bukan bermakna kita putus hubungan dengan Arab Saudi atau Indonesia. Indonesia ASEAN. Negara yang rapat dengan kita, kita teruskan hubungan yang amat baik dengan Indonesia dan Brunei juga. Jadi ini antara *misinformation*, maklumat-maklumat palsu, putar belit yang rata-rata di masjid mungkin. Jadi, ini tidak benar dan kita menafikan sekeras-kerasnya dakwaan pihak tertentu menyatakan TPP akan menyebabkan kita memutuskan hubungan dagangan dengan negara-negara Islam dan kita akan terpaksa bermula dengan Yahudi. Ini adalah tidak benar sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka setakat ini dahululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[8 Disember 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya meminta Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah menyambung perbahasan beliau. Silakan Yang Berhormat.

11.51 pg.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 20 minit Yang Berhormat. Jangan lebih 20 minit.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Tidak lama Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja. Untuk kali yang terakhir ini sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Teruskan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Rupanya bila akhir tempoh, hari ini merupakan hari terakhir saya di Dewan yang mulia ini, rupa-rupanya saya dapat bercakap dua hari. Dari hari semalam sampai hari ini **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir semua kita setuju bahawa pendidikan senjata yang paling ampuh untuk membasi kemiskinan. Oleh hal yang demikian, ada beberapa buah sekolah di perkampungan Orang Asli yang bilangannya lebih kurang 94 buah sekolah dan terdapat di antaranya kemudahannya yang agak begitu daif. Ada antaranya bekalan elektrik tidak ada, jalan perhubungan untuk ke sekolah, apabila musim hujan agak berlumpur. Jadi, bagaimanakah tenaga pengajar ataupun cikgu-cikgu hendak masuk ke sekolah yang berkenaan? Kalau misalannya Sekolah Kebangsaan Senderut di Lipis,

sedangkan perhubungan dari luar tidak begitu jauh, lebih kurang 38 kilometer. Saya mengambil masa untuk hendak ke sekolah itu hampir empat jam.

Jadi, bagaimana cikgu-cikgu yang ditugaskan mengajar di situ dengan kemudahan yang begitu minimum, bekalan elektriknya tidak ada, bekalan air bersihnya tidak ada, kita hendak suruh dia tinggal di sana untuk mengajar di sana. Jadi, bagaimanakah semangat dia? Kalau seorang cikgu yang baik, yang mempunyai prestasi yang bagus kita hantar di situ, saya fikir mungkin selepas sebulan atau dua bulan, prestasinya akan merosot. *Alhamdulillah*, hari ini jalan yang ke sekolah itu telah dibina, tetapi kemudahan yang lain masih belum diperbaiki, malahan tidak keterlaluan kalau saya katakan bilik air cikgu pun begitu daif. Bagaimanakah seorang guru wanita yang mengajar di sekolah itu?

Jadi mohon kepada pihak kementerian untuk kalau benar-benar kita hendak perkasakan, hendak membawa masyarakat Orang Asli ini sama dengan masyarakat-masyarakat yang lain, kena perbaiki semua kemudahan ini.

Saya juga difahamkan ada sebilangan guru daripada kalangan anak-anak Orang Asli yang telah berjaya menjadi guru dihantar ke Sabah, dihantar ke Sarawak, dihantar ke sekolah jenis kebangsaan. Jadi mohon kepada pihak kementerian supaya guru-guru yang kita sudah latih di kalangan anak-anak Orang Asli ini, kerana saya percaya hasrat asalnya kita hendak hantar balik dia mengajar ke sekolah-sekolah di perkampungan mereka. Hendak mengajar sedara-mara, kaum keluarga dia yang mana mereka lebih memahami masalah yang dihadapi oleh murid-murid di tempat yang berkenaan.

Ini kerana kita tidak mahu lagi berlaku perkara sebagaimana berlaku di Sekolah Kebangsaan Pos Tohohi, Gua Musang tempoh hari. Kita tidak mahu insiden yang semacam itu berulang. Jadi mohon pihak kementerian mengkaji balik guru-guru yang dihantar ke sekolah-sekolah di penempatan Orang Asli ini mestilah guru-guru yang mempunyai semangat yang tinggi. Janganlah hantar guru yang mempunyai masalah, yang mempunyai masalah disiplin. Berlaku. Ini bukan satu tuduhan, Tuan Yang di-Pertua.

Guru-guru yang kurang berdisiplin, kerana kita hendak mungkin ini agaknya sebagai satu hukuman kepada dia, kita hantar dia jauh ke pedalaman. Jadi, saya ingat ini tidak menyelesaikan masalah, malahan kita mencipta satu masalah baru. Jadi, mohon supaya diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Saya percaya di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan yang baru dan saya pun telah berbincang dengan beliau berkenaan permasalahan.

Sekarang ini pun di pihak kementerian ada satu Jawatankuasa untuk memperkasakan sekolah-sekolah di perkampungan Orang Asli ini. Kita baru lepas mengadakan seminar dan bengkel bersama dengan pegawai-pegawai kementerian, pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli dan juga beberapa pihak universiti untuk mengenal pasti beberapa masalah, bagaimana kita hendak mengatasinya.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa ada disebut sebanyak RM45 juta untuk bantuan makanan tambahan, wang saku dan tambang pengangkutan ke sekolah. Pada ketika ini, bekalan makanan ke sekolah-sekolah di penempatan Orang Asli ini dibekalkan oleh Jabatan Kemajuan Orang

Asli, sedangkan pihak yang bertanggungjawab yang hari-hari ada di sekolah itu adalah pentadbiran sekolah.

Jadi saya fikir, kemungkinan atau lebih baik kalau tanggungjawab membekalkan makanan ini diberikan kepada pihak Kementerian Pendidikan, kepada tanggungjawab sekolah. Ini kerana Jabatan Kemajuan Orang Asli, pejabatnya di bandar. Pihak yang bertanggungjawab di sekolah hendak melihat kualiti makanan itu Guru Besar di sekolah. Jadi, tidak berlakulah bekalan makanan yang dibekalkan mi segera. Jadi, ini saya fikir adalah lebih baik diberikan kepada tanggungjawab untuk membekalkan makanan kepada sekolah, diberikan kepada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, isu yang saya hendak sentuh dalam ucapan akhir saya di dalam Dewan ini adalah berkenaan dengan pembangunan belia dan beliawanis. Tidak dinafikan bahawa hari ini ada beberapa program, pelbagai program yang telah dilaksanakan untuk memajukan kalangan belia dan beliawanis. Cumanya yang perlu difikirkan, kemahiran-kemahiran yang kita hendak beri itu mestilah kemahiran yang bersesuaian dengan mereka.

■1200

Umpamanya, kalau beliawanis yang tinggal di Pos Gup, Hulu Kelantan, tidak mungkin kalau kita beri dia kemahiran di dalam bidang solekan. Oleh sebab solekan- Yang Berhormat Khairiah jeling saya kerana saya sebut Kelantan dan sebut solekan. Oleh sebab solekan ini di bandar. Kalau buat solekan di Pos Gup, saya ingat sudah pasti perniagaan itu tidak berdaya maju, sudah pasti. Jadi, kita fikirkan kursus apa, kemahiran apa yang sesuai untuk kita hendak bagi kepada belia dan beliawanis yang berada di Pos Gup. Kalau beliawanis dan belia yang berada di Bukit Lanjan di Damansara Utama ini sesuai dengan kursus-kursus yang semacam itu.

Jadi oleh hal yang sedemikian, mohon kepada pihak kementerian dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk meneliti kursus-kursus yang kita hendak beri kepada belia dan beliawanis Orang Asli ini. Jangan kerana semata-mata kita hendak mencapai KPI kita, maka apa sahaja kursus kita beri. Akhirnya, belia dan beliawanis yang kita sudah latih, yang kita sudah belanja berjuta-juta Ringgit ini, dia tidak mahu bekerja kerana memerlukan ia tinggal di bandar, memerlukan ia pindah ke bandar. Jadi, dalam hal ini juga akan memutuskan hubungan keluarga. Jadi, fikirlah kursus-kursus yang hendak diberi mestilah kursus yang bersesuaian. Akhirnya, kita kata bahawa belia Orang Asli tidak mahu berubah, Orang Asli tidak mahu berubah walhal perkara yang kita beri, yang kita buat itu tidak bersesuaian dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang agak penting, yang lama, yang selalu saya sebutkan di dalam Dewan ini adalah berhubung dengan kepimpinan di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Masyarakat Orang Asli menuntut bahawa jawatan perjawatan berbagai-bagai-bagai jawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini diserah atau diberi kepada anak-anak Orang Asli yang ada kebolehan, yang ada kemampuan. Hari ini sudah ramai. Yang kita hantar sekarang ini, yang kerajaan hantar sekarang ini belajar di luar negara di dalam berbagai bidang Phd dan sebagainya ada 50 lebih orang. Malahan ada yang menjadi pelajar terbaik di luar negara, di *University Melbourne Australia* misalannya, menjadi pelajar terbaik di universiti itu dan sekarang pelajar itu sedang menyambung pelajarannya di dalam Phd.

Jadi oleh hal yang demikian, mereka mohon supaya jawatan ketua pengarah dan beberapa jawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini diserahkan atau ditawarkan kepada anak-anak Orang Asli yang mempunyai kebolehan. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak minta suruh beri kepada orang yang tak ada kebolehan. Kalau yang tak ada kebolehan, saya pun tidak mahu dia memimpin masyarakat Orang Asli. Kita mahu yang ada kebolehan kerana ia memahami hasrat dan aspirasi masyarakat Orang Asli itu sendiri. Jadi, oleh hal yang demikian, pohon kepada pihak kerajaan biar sungguh-sungguh untuk kita selesaikan masalah ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli dalam seminar memperkasakan luar bandar. Walaupun saya tidak dijemput, saya lihat Presiden Majlis Senator ada hadir, Tan Sri Rahim. Mantan Ketua Pengarah JAKOA menyebut dalam seminar itu bahawa Jabatan Kemajuan Orang Asli ini sudah sampai masanya untuk dijadikan badan berkanun Persekutuan. Oleh sebab apabila ia menjadi badan berkanun Persekutuan sebagaimana FELDA, sebagaimana RISDA dan pelbagai lagi badan berkanun Persekutuan, sudah pasti tanggungjawab, fungsinya lebih luas kalau kita bandingkan dengan jabatan kerajaan yang ada. Fungsi-fungsi itu sudah pasti boleh meliputi dalam penyelesaian masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli hari ini. Lima tahun lagi kita hendak menjadi negara maju. Pendapatan per kapita waktu itu dijangkakan RM30 ribu lebih, pendapatan per kapita Orang Asli hari ini RM1,000 lebih. 58 tahun merdeka, dalam tempoh lima tahun boleh kah kita jadikan pendapatan mereka macam itu?

Jadi oleh hal demikian, untuk hendak pastikan supaya masyarakat Orang Asli ini tidak terus tertinggal ke belakang, tidak terus tercincir, ia memerlukan satu lonjakan mega, satu lonjakan yang kuat untuk bawa mereka. Jadi, kenderaan yang hendak bawa itu mestilah sebuah kenderaan yang lengkap, kenderaan yang kuat. Saya sudah sebut banyak kali sudah supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli ini dijadikan badan berkanun Persekutuan.

Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, apabila kita jadikan ia badan berkanun Persekutuan, isu di kalangan masyarakat Orang Asli yang mengatakan bahawa mereka tidak terlibat di dalam menentukan dasar-dasar pembangunan mereka, apabila ia kita jadikan badan berkanun Persekutuan sudah pasti ia akan ada Lembaga Pengarahanya.

Dalam Lembaga Pengarah itu nanti dia akan ada pengurus, beberapa orang Lembaga Pengarah, wakil-wakil daripada kementerian dan kita lantik daripada kalangan Orang-orang Asli ataupun anak-anak Orang Asli yang punya kebolehan. Termasuk menjadi pengurus badan berkanun itu. Dalam hal yang demikian, isu Orang Asli kata ia tidak terlibat di dalam membentuk dasar-dasar pembangunan mereka selesai dengan sendirinya apabila lembaga pengarah terdiri daripada kalangan yang mewakili suku kaum mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lebih penting yang saya hendak bangkitkan hari ini dan berkali-kali saya sudah sebut dan juga beberapa siri perjumpaan dengan pihak berkuasa negeri juga telah dibuat iaitu berkenaan dengan isu tanah. Amat malang dan sedih bagi masyarakat Orang Asli, masyarakat peribumi negara ini yang hanya memiliki tanah ada hak milik 1,294.5 hektar sahaja. Amat sedih, amat

malang sekali mereka kaum peribumi. Kami kaum peribumi di negara ini tetapi memiliki tanah yang ada hak milik 1,294.5 hektar sahaja...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya fahamlah *this is your last speech*. Hanya hendak tanya sahajalah, di dalam memberi tanah kepada Orang Asli ini, setahu Yang Berhormatlah, dalam perusahaan FELDA, FELCRA dan sebagainya, tidakkah Orang Asli ini diberi peruntukan yang khusus apabila FELDA ataupun FELCRA hendak membuka tanah? Seperti yang telah dibuat pada masa depan untuk mengatasi masalah kepunyaan ini. Kalau ada, berapa *percentage*? Yang Berhormat tahu tak ini?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tan Sri. Saya tidak ada maklumat secara *detail* berkenaan dengan berapa ramai Orang Asli yang ditempatkan ataupun menjadi peneroka FELDA dan juga menjadi peneroka FELCRA. Akan tetapi saya fikir tidak ramailah, tak ramai yang mendapat tempat di dalam FELDA dan FELCRA.

■1210

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli itu dijadikan badan berkanun persekutuan macam FELDA, macam FELCRA supaya modul pembangunan yang begitu baik yang diakui oleh dunia yang dibuat oleh FELDA itu kita laksanakan kepada masyarakat Orang Asli. Jadi, sudah pasti kita akan boleh menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham ini ucapan Yang Berhormat yang terakhir sebagai Ahli Dewan tetapi Yang Berhormat ada masa satu minit lagilah. Kalau boleh gulung, Yang Berhormat ya.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Minta lima minit, Tuan Yang di-Pertua. Sikit lagi. Hendak gulung. Sikit sahaja. Ini yang terakhir ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tolong cepatkanlah ya.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi bahawa ini merupakan hari yang terakhir saya dalam Dewan yang mulia ini selama enam tahun. Berbagai-bagai kisah. Duka ada, kisah suka pun ada. Dewan Negara ini kita panggil *Upper House*. Dewan Rakyat kita katakan *Lower House*. Akan tetapi dalam amalannya, sama ada di dalam emolumennya pun, yang duduk di *Upper House*, elaudnya rendah. Ini untuk kawan-kawan yang kemudian, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah hari ini hari *last*. Makan di kafe pun, kalau Dewan Rakyat, ada pembayarannya. Kita tidak ada... [Disampuk] Kalau dahulu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan yang jaga...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Itulah. Hendak sebut itu. Kalau dahulu, Dato' Seri Dr. Shahidan yang jaga Parlimen kita, dia belanja makan bersama dengan Datuk Halimah. Akan tetapi, bukan ramai Menteri yang macam Dato' Seri Dr. Shahidan, yang macam Datuk Halimah ini. Jadi ini saya ingat kesian kepada kawan-kawan yang terkemudian ini. Saya kalau dahulu, masa di Dewan sana, memang dibiayai oleh Bina Puri. Masa itu, CEO Bina Puri itu, *Chairman* Bina Puri itu dia Ahli Yang Berhormat. Jadi setiap kali persidangan, dibiayai oleh Bina Puri.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sikit, Yang Berhormat. Minta laluan boleh?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Saya bagi. Takut Tuan Yang di-Pertua kata...

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil masanya sedikit sebab saya hendak maklumkan bahawa saya pun rasa terkilan kerana kawan-kawan kita, Ahli-ahli Dewan Rakyat dapat makan percuma daripada D'Saji. Jadi pada dua hari yang lepas, saya bersama-sama dengan Dato' Salim telah pun berhubung dengan Pengurus FELDA, Tan Sri Isa dan beliau telah pun bersetuju, mulai dari hari ini kalau tidak salah saya, untuk membayar semua perbelanjaan makan kita di dalam *lounge* di belakang ini. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Kita ucap terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan yang terakhir ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih terutamanya pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana di atas perkenan Baginda untuk melantik saya sebagai salah seorang Ahli di Dewan ini bagi tempoh enam tahun. Juga terima kasih yang tidak terhingga- ini kena, "*terima kasih daun keladi*" kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peluang kepada saya untuk menjadi ahli di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak terfikir pun, tidak pernah termimpi pun bahawa satu hari saya akan menjadi salah seorang ahli di dalam Dewan yang mulia ini yang merupakan tempat kita menggubal undang-undang.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kawan-kawan khususnya kepada Tan Sri Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua yang mana telah memberikan tunjuk ajar dan peluang. Saya juga pernah dibawa untuk membuat lawatan mewakili negara ke luar negara malahan pernah bersama dengan Timbalan Yang di-Pertua mewakili negara di dalam *ASEAN-European Parliamentary Meeting* di Brussels. Waktu itu kita berdua sahaja mewakili negara... [*Disorak*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan salah anggap ya... [*Dewan riuh*]

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Akan tetapi bukan...

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan ada sangkaan jahat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Hendak habis sudah ini, hendak habis sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Boleh mencelah?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Hendak habis sudah, hendak habis sudah.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh jelaskan berdua?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Hendak habis sudah. Jadi untuk itu, saya ada dua pantun.

*Putrajaya bandar baru;
Najib Razak Perdana Menteri;
Jika ada tersalah laku;
Mohon tidak simpan di hati.*

*Dewan Negara dewan tertinggi;
Abu Zahar Yang di-Pertua;
Jika ada terguris hati;
Tangan dihulur maaf dipinta.*

Wabillalhi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan apa yang Yang Berhormat cakapkan awal tadi di mana saat ataupun pada hari yang terakhir Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat cukup bertuah kerana telah berucap dari semalam sampai ke saat ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita doakan yang terbaiklah untuk Yang Berhormat.

Dengan itu, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim untuk berbahas. Silakan, Yang Berhormat.

12.17 tgh.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya melengkapkan bajet yang pragmatik bagi tahun 2016 yang dijangka lebih mencabar berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Kita maklum akan kelesuan ekonomi dunia hari ini dengan prospek di bawah par pada tahun 2016 sementara pertumbuhan ekonomi Republik China, Jepun dan Eropah dijangka kekal lembap, manakala anggota ASEAN terutama Singapura, Thailand, Malaysia dan Indonesia juga dijangka tidak menunjukkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar yang memberangsangkan, jauh di bawah pelan jangka panjang.

Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi sementara berhadapan dengan pelbagai cabaran yang bersifat dalaman atau luaran.

Walaupun berdepan dengan persekitaran yang cukup mencabar, kerajaan kekal komited meneruskan dasar pengukuhan fiskal ke arah mencapai bajet yang seimbang menjelang tahun 2020. Sasaran untuk mengurangkan defisit bajet daripada 3.4 peratus pada tahun 2014 dan 3.2 peratus pada tahun ini sehingga ke-3.1%, pada tahun depan sementara anggaran pertumbuhan KDNK ataupun GDP negara dari empat peratus kepada lima peratus pada tahun 2016 sememangnya memberangsangkan. Implikasi tersebut menunjukkan bahawa pengurusan kewangan dan peruntukan bajet negara masih berada pada landasan yang positif walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekecwaan.

Inti pati bajet untuk negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili rakan-rakan dari Sarawak berasa syukur kepada Tuhan dan mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional terutama Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri yang turun padang ke Sarawak yang banyak kali atas penyediaan peruntukan yang besar serta perhatian yang istimewa untuk Sarawak dalam Bajet 2016 yang telah dibentangkan.

■1220

Banyak penekanan diberi pada Sarawak seperti pengecualian GST bagi pengangkutan utama domestik ekonomi, program baru penyediaan RM70 juta melalui BSN dengan kerjasama KSN negeri Sarawak untuk membina rumah-rumah panjang, penyediaan RM70 juta sebagai subsidi baja padi huma, padi bukit untuk Sarawak dan Sabah. Sejumlah RM25 juta program 1Harga 1Sarawak dan 1Harga 1Sabah. Kami dari Sarawak berasa terhutang budi dengan begitu banyak penekanan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan pada Sarawak.

Namun kami masih merasakan bahawa pembangunan, *development*, dengan izin, masih jauh kurang daripada yang sepatutnya. Tahun dulu saya sudah dengan izin, *highlight sentiment of unhappiness of Sarawakian in Malaysia* di Dewan yang mulia ini. Sebagai Senator dari Sarawak saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia kerana memahami saya untuk, dengan izin, *continue to highlight some issues and versus from the ground of Sarawak*.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak, dengan izin, *presented RM5.97 billion Sarawak State Budget 2016 biggest in the history of Sarawak as well as biggest in any other states in Malaysia* dengan 74% adalah untuk pembangunan menurut Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Akan tetapi hanya tiga projek pembangunan sahaja dari Bajet 2016 untuk Sarawak. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak cakap, mana cukup ini, dengan izin, *Sarawak is approaching out of Malaysia in development*.

Dari *Auditor General Report* sahaja yang di Parlimen ini, sebanyak 438 buah sekolah di Sarawak perlu dibaik pulih. Pembangunan hospital dan katil hospital di Sarawak pun perlu mendapat perhatian segera. Kuching dengan populasi seramai lebih 700,000 orang penduduk mempunyai jumlah katil *less than a thousand* di hospital awam. Ini merupakan kurang daripada katil di hospital awam di Kota Bharu walaupun penduduk di Kota Bharu lebih kurang dari Kuching. Kuching bukan sahaja memerlukan hospital kedua malah hospital ketiga dan hospital keempat.

Di samping itu pelajar-pelajar universiti dari Sarawak yang tamat dalam bidang *medicine*, *dentistry* dan juga farmasi masih menunggu di rumah. Ada banyak sudah tunggu selama enam bulan untuk temu duga dari SPA untuk memulakan perkhidmatan awam secara *compulsory service*. Walaupun Sarawak masih ada banyak jawatan kosong untuk *dentistry* dan farmasi.

Seterusnya isu royalti minyak 20%. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak salah sebuah negeri pengeluar minyak dan gas yang terbesar di negara kita. Sebanyak 30% daripada pendapatan ekonomi negara kita berpunca daripada industri minyak dan gas. Sebagai Senator dari Sarawak, hasrat kami supaya Kerajaan Persekutuan mengembalikan 20% keuntungan royalti minyak dan gas. Ini permintaan

Dewan Undangan Negeri Sarawak supaya Sarawak boleh membuat perancangan pembangunan bagi negeri Sarawak dengan 20% keuntungan royalti ini.

Akan tetapi Usul Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk tuntutan 20% royalti minyak dan gas masih belum mendapat sebarang perkembangan positif dari Kerajaan Persekutuan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan, berapa lama lagi Sarawak perlu menunggu keputusan ke atas 20% royalti minyak dan gas oleh Kerajaan Persekutuan.

Kami benar-benar berharap Kerajaan Persekutuan akan menunaikan hasrat kami rakyat negeri Sarawak. Tambahan pula seperti mana yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat kuasa autonomi kepada negeri Sarawak, lebih banyak peruntukan perlu diberi kepada negeri Sarawak. Jikalau tiada peruntukan yang mencukupi walaupun autonomi diberi, tidak dapat diurus dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Sehubungan dengan ini, penduduk Sarawak mengharapkan lebih kuasa autonomi seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan sempena dengan perayaan Hari Malaysia pada 16 September 2015 di Kota Kinabalu Sabah. Kuasa autonomi ini adalah selaras dengan satu daripada syarat Sarawak menyertai Malaysia.

Namun dengan masa berlalu, kuasa ini semakin diambil *lightly* oleh Kerajaan Persekutuan. Penduduk Sarawak mengetahui yang terbaik bagi Sarawak. Selaras dengan itu baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengumumkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi selain daripada bahasa Malaysia untuk negeri Sarawak. Selain itu Kerajaan Negeri Sarawak juga mengiktiraf peperiksaan UEC bagi sekolah-sekolah bantuan Cina untuk memberarkan Sarawak menjalankan perniagaan dengan negara China iaitu negara kedua terbesar yang menguasai ekonomi dunia.

Selain itu, saya merasa amat sedih apabila tidak ada seseorang pun KSU, ketua pengarah, pegawai JUSA 'A' dari Sarawak, dengan izin, *any of the 24 ministries in Federal Government*. Hanya sebaliknya sedikit pelajar dari Sarawak yang menerima biasiswa JPA atau Petronas. Maka saya dengan ini ingin mencadangkan agar Dewan yang mulia ini melihat kembali *Malaysia Agreement 1963* (MA63) dengan izin, yang meletakkan Sabah dan Sarawak sebagai, dengan izin, *partners on equal- in the formation of Malaysia*, yang setara dari semua segi.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, semalam DUN Sarawak baru meluluskan satu *motion to safeguard and implement all the special rights of Malaysia Agreement 1963*, dengan izin. Untuk itu, bagi mengelakkan lebih banyak ketidakpuasan hati yang mungkin boleh membawa kepada perpecahan, saya mencadangkan sesuatu harus dilakukan setelah 53 tahun Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia. Sebagai permulaan, pengagihan Kerusi dalam Parlimen seharusnya 1/3 dari Sabah dan Sarawak.

Kategori pendapatan M40. Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Perdana Menteri dalam Bajet 2016 telah mewujudkan kategori M40 yang merupakan pendapatan antara RM3,860 hingga RM8,319 yang merupakan 40% isi rumah satu langkah yang bijak dalam menangani peningkatan kos sara hidup yang rakyat hadapi terutamanya golongan tinggal di bandar. Golongan ini merupakan di antara pembayar

cukai yang terbanyak di negara ini dan kita tidak dapat nafikan peranan dan sumbangan besar terhadap pembangunan negara.

Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memperbanyakkan lagi insentif untuk golongan M40 ini selain daripada tambahan pelepasan cukai seperti pelepasan cukai dan penjagaan anak dan sebagainya.

Isu perumahan dan tabung perumahan. Tuan Yang di-Pertua, saya gembira dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam soal pemilikan rumah melalui pembinaan oleh PR1MA, Rumah Mesra Rakyat, rumah penjawat awam, membina pangaspuri dan rumah teres di bawah Program Perumahan Rakyat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagaimanapun saya berharap semua pelaksanaan projek itu bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di kawasan Parlimen luar bandar. Melalui cara itu ia akan membuka peluang kepada rakyat sama ada di bandar mahupun di luar bandar memiliki rumah sendiri khususnya di kawasan Parlimen di Sarawak.

■1230

Isu keselamatan di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, keselamatan adalah penting bagi seluruh rakyat Sarawak. Kita juga mengalu-alukan Bajet 2016 ini untuk menambahkan jentera-jentera keselamatan baik di laut, di darat dan di udara agar negara kita sentiasa dalam jagaan yang selamat. Dengan peruntukan sebanyak RM31.2 bilion bagi pertahanan negara, adalah wajar jika ditempatkan kapal perondaan di tempat perairan Laut China Selatan untuk perairan Sarawak. Sebab kita telah dengar bahawa dari Beting, Patinggi Ali telah dijaga, dikawal rapi oleh *Chinese Coastal Guard*, dengan izin, dan menimbulkan masalah kepada nelayan-nelayan kita.

Kes kematian rakyat Sarawak, Bernard Then dengan, izin *the first Malaysian in the history, deepest condolence* kepada keluarga yang dibunuhi oleh Abu Sayyaf tidak boleh berlaku lagi pada masa-masa akan datang. Saya juga memohon kepada Kementerian Luar Negeri supaya selain daripada menghantar Nota Bantahan setiap hari kepada Kerajaan China, kerajaan hendaklah mencari alternatif lain supaya pencerobohan yang dilihat sebagai provokasi kepada kedaulatan negara dapat diselesaikan secara baik bagi kepentingan kedua-dua buah negara. Oleh yang demikian, saya memohon kepada kerajaan agar menyatakan cara-cara yang boleh digunakan agar pencerobohan dapat dihentikan.

Isu kadar gaji pembantu rumah. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa terdapat perbincangan untuk menaikkan gaji pembantu rumah kepada RM1200 yang pada ketika sekitar RM700 hingga RM800 melalui saluran sah agensi pembantu rumah. Berita ini walaupun ia masih lagi di peringkat cadangan, namun ia telah banyak menambah kegelisahan dan persoalan kepada rakyat negara ini terutamanya kepada ibu bapa yang bekerja.

Saya ingin bertanya tentang kemahiran pembantu rumah ini sehingga gaji mereka hendak dinaikkan ataupun dicadangkan supaya dinaikkan ke paras RM1200. Ini kerana gaji sebanyak RM1200 ini adalah setaraf dengan gaji pemegang sijil kemahiran atau diploma di Malaysia. Kita juga maklum bahawa ramai pembantu asing yang tidak memiliki kemahiran asas. Oleh itu saya ingin mengetahui justifikasi yang diberikan untuk memastikan bahawa gaji yang dinaikkan adalah selaras dengan aspek

kualiti kerja. Malahan jaminan bersyarat perlu dikenakan kepada pembantu rumah ini seperti pemotongan gaji jika mereka mlarikan diri daripada majikan mereka.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan ini saya memohon jentera dan pimpinan kerajaan sentiasa mengingati mengamalkan dan mempraktikkan terma yang diguna pakai selama ini iaitu, "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan". Oleh yang demikian saya menyokong Bajet 2016 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan. Silakan Yang Berhormat

12.34 tgh.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ataupun Bajet 2016. Saya ingin membahaskan topik ini berdasarkan keutamaan kelima dalam Bajet 20156 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu meringankan kos sara hidup rakyat.

Di sini saya ingin menyentuh tentang elauan bagi OKU. Apa yang sedia ada sekarang elauan pekerja cacat bagi OKU RM350 sebulan dan bantuan am kepada mereka yang tidak dapat bekerja RM200 sebulan. Ini didapati amat rendah dan menyebabkan ramai antara OKU kehidupannya mlarat. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, tumpuan diberikan kepada kumpulan B40 atau kumpuan bawah 40 yang terdiri daripada 40% orang warganegara Malaysia yang hidup dengan pendapatan isi rumah di bawah RM3050 sebulan. Yang tergolong di bawah B40 ini ialah pelajar graduan pekerja rendah, guru sekolah, tuisyen, suri rumah, ibu tunggal, pekerja separa mahir yang bukan profesional dan juga ramai OKU tergolong di bawah B40 ini.

Namun, dalam lingkungan kumpulan M40 pula mereka yang berpendapatan 40% sederhana iaitu berpendapatan antara RM3860 hingga RM8319. Jadi apabila kaedah ini digunakan untuk menentukan tahap kemiskinan ataupun tahap pendapatan seseorang, 11 ciri telah digunakan dan antara ciri-ciri itu tidak termasuk sama ada, ada atau tidak seseorang kurang upaya dalam isi rumah tersebut.

Saya sudah pun membawa isu ini dalam perbahasan saya yang lalu dan saya ingin menekankan sekali lagi bahawa sekiranya ada seorang orang kurang upaya hadir dalam isi rumah, tentunya perbelanjaan akan meningkat dan kalau dihitung semula dengan mengambil kira perbelanjaan untuk menanggung OKU itu lebih ramai isi keluarga akan masuk ke dalam kumpulan B40. Ini menunjukkan tahap kualiti hidup OKU di negara ini. Ada beberapa program yang telah diperkenalkan bagi Kumpulan B40 ini untuk menggandakan pendapatan B40 ini.

Saya harap kerajaan akan juga memberi perhatian kepada OKU dalam program-program eRezeki dan eUsahawan yang diperkenalkan di seluruh negara bagi orang-orang yang bukan OKU. Jadi kalau ini diperkenalkan bagi OKU dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Apabila saya membawa isu ini kepada kementerian menanyakan, meminta elauan pekerja cacat dan elauan bantuan ini dinaikkan, saya

selalu diberi jawapan bawah kerajaan atau kementerian mengamalkan *productive welfare*. Saya memang setuju dengan istilah dan pendekatan *productive welfare* ini di mana kerajaan harapkan supaya OKU boleh berdikari dan boleh mendapat pendapatan sendiri dengan usaha mereka sendiri.

Akan tetapi dahulu seseorang OKU itu dapat memperkasakan diri, dia harus mendapat pendidikan dan juga kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Untuk memperoleh pendidikan, dia perlu ke sekolah, dia perlu menaiki kenderaan, membeli pakaian dan serba-serbi. Bagi OKU dewasa yang ketinggalan peluang untuk mendapat pendidikan formal, mereka boleh meneruskan pengajian atau mengikuti kursus di kolej komuniti untuk mempelajari sesuatu kemahiran sebagai persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan.

■1240

Akan tetapi ini semua memerlukan perbelanjaan wang dan inilah sebabnya saya minta kepada kerajaan supaya memberi elaun kepada OKU dan saya harap kerajaan boleh memperkenalkan suatu elaun baru, diperkenalkan sebagai *Disability Living Allowance* ataupun Elaun Sara Hidup OKU. Bila kita bandingkan dengan negara maju seperti Britain di UK...

Tuan Ramli bin Shariff: Mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang mencelah Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Ya, silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Senator, adakah terdapat apa-apa perbezaan atas soal gaya hidup di antara OKU yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar. Ada tidak perbezaan yang ketara, antara gaya ataupun kualiti kehidupan OKU di dua buah tempat yang berbeza dan berasingan ini. Terima kasih.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu. Memang terdapat perbezaan gaya hidup di mana di bandar terdapat lebih banyak kemudahan dan peluang bagi OKU dan itulah salah satu sebabnya ramai OKU dari kawasan-kawasan luar bandar berhijrah ke bandar untuk mencari peluang-peluang pekerjaan dan peluang yang lain. Jadi saya rasa, saya harap itu menjawab soalan Yang Berhormat ya. Jadi boleh saya sambung. Saya akan buat perbandingan di United Kingdom ada *Disability Living Allowance*, dua jenis ya, bagi orang kurang upaya dewasa dan juga bagi kanak-kanak bawah umur 16 tahun. Di bawah *Disability Living Allowance* untuk dewasa ada dua bentuk komponen, satu *care* komponen penjagaan dan kedua *mobility component*.

Yang *care* komponen itu ada tiga tahap di mana kerajaan membayar sebanyak 21.80 Pound seminggu. Ini kalau kali dengan empat untuk sebulan RM558 sebulan dan ini berdasarkan kepada jenis bantuan, jenis pertolongan harian yang diperlukan oleh OKU itu. Jadi ada yang tahap rendah, tahap pertengahan dan tahap yang tertinggi. Bagi tahap yang tertinggi mereka yang memerlukan penjagaan sepanjang hari dan mereka juga yang mengidap penyakit yang terminal. Bagi tahap yang tertinggi, mereka menerima sebanyak RM2,107 sebulan dan bagi mobiliti komponen iaitu bagi mereka yang perlu keluar dari rumah untuk kerja ataupun bersiar, ada dua tahap yang rendah dan yang tinggi dan itu juga RM558 sebulan bagi yang rendah dan RM1,800 bagi yang tahap yang ke atas.

Bagi kanak-kanak pula juga ada yang sama seperti yang diterima oleh dewasa- RM558 sebulan bagi tahap yang terbawah, RM1410 tahap pertengahan dan RM2107 bagi tahap yang tertinggi. Jadi selain daripada perbandingan saya buat dengan UK, ada juga satu lagi perbandingan saya ingin sebutkan di sini iaitu sokongan yang diberi kepada atlet OKU di negara ini. Di Malaysia kita lihat dalam bidang sukan OKU mulai tahun 2007, atlet OKU diberi perhatian dan sokongan yang baik di bawah satu skim untuk menggalakkan dan memperkasakan atlet OKU. Di sini mereka diletak di suatu tahap yang sama dengan atlet elit yang lain dan diberi bukan saja latihan dan mereka juga diberi elaun, diberi pemakanan yang cukup seimbang dan mereka dibenarkan duduk di suasana yang selesa untuk menjalankan latihan mereka.

Apakah *effect* daripada galakan sebegini? Program ini telah membawa suatu *effect* yang paling positif. Kalau kita lihat pencapaian atlet dalam pelbagai pertandingan di luar negeri, mereka telah banyak membawa balik pingat-pingat emas dan telah baru-baru ini, pelari tahap kelas T36 telah berjaya mendapat pingat emas di peringkat antarabangsa. Dalam Sukan ASEAN Para yang sedang berlangsung di Singapura, kita telah melepassi jangkaan tahap medal yang dijangka 50.

Baru pagi tadi saya dapat berita bahawa kita telah berjaya mendapat 51 buah pingat emas dan ini suatu contoh untuk menunjukkan kalau kita beri sokongan dan dorongan kepada OKU, mereka boleh mencapai tahap yang agak tinggi. Inilah saya minta pada kerajaan supaya memberi elaun yang secukupnya supaya OKU dapat memperkasakan diri mereka sebelum kita boleh mencapai *productive welfare* itu.

Satu lagi isu yang saya ingin bawa ialah berkenaan dengan pelepasan GST. Dengan pengenalan GST kepada pelbagai jenis barang, kehidupan dan taraf hidup, ia telah menjadikan perbelanjaan yang agak tinggi bagi OKU sebab Orang Kurang Upaya ramai yang harus memakai alat bantuan seperti kerusi roda, beg ataupun alat peralatan untuk membantu mereka menjalani kehidupan sehari-hari.

Apabila saya bertanya kepada Kementerian Kewangan sama ada pelepasan GST boleh diberikan kepada OKU secara perseorangan dengan menggunakan kad OKU, saya terima jawapan bahawa ia tidak boleh. Hanya melalui *private charitable entity* iaitu pelepasan GST hanya diberikan kepada NGO yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah KPWKM.

Barang-barang yang tersenarai adalah antaranya anggota palsu, kerusi roda, katil yang boleh laras untuk OKU dan alat bantuan pendengaran. Jadi setiap kali seorang OKU beli kerusi roda, ia perlu melalui suatu proses yang agak menyusahkan diri dia. Dia kena memohon melalui persatuan dan baru dapat pelepasan dan menunggu begitu lama untuk mendapat alat tersebut. Jadi saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya kad OKU diiktiraf sebagai satu bukti untuk diberi pelepasan cukai GST.

Di sini Kementerian Kewangan telah memberi jawapan bahawa kad OKU itu, penggunaan kad itu sukar dilaksanakan sebab ia memerlukan penglibatan sepenuhnya semua peniaga. Disebabkan peniaga perlu mempunyai satu sistem yang boleh membaca dan mengesahkan kad pendaftaran OKU, ia akan melibatkan perbelanjaan tambahan bagi pihak peniaga.

■1250

Selain itu, ada juga kekhawatiran yang akan berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk ini, saya ada penyelesaiannya. Saya cadangkan supaya kad OKU itu digunakan sebab kad OKU itu mempunyai ciri-ciri keselamatan dan butir-butirnya disimpan dalam Sistem Maklumat OKU yang dipegang oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan di setiap daerah ada Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, sekiranya peniaga hendak menentukan sama ada kad itu sah atau tidak, mereka boleh menghubungi pejabat JKM untuk mengetahui sama ada kad itu sah atau tidak.

Jadi, itu satu proses yang begitu mudah. Jadi saya tidak lihat mengapa ia boleh jadi sangat susah untuk menggunakan kad itu sebagai satu pengenalan untuk mendapat perlepasan GST. So, saya harap pihak Kementerian Kewangan mengambil cadangan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Satu aspek lagi yang ingin saya sentuh mengenai pekerjaan. Di bawah RMKe-11 dan juga dalam Bajet 2016 dinyatakan bahawa sebanyak 16,000 jawatan di sektor awam akan ditawarkan kepada pemohon OKU dan kerajaan sangat komited untuk mencapai sasaran penyertaan OKU ini. Setakat ini, hanya 4,000 OKU yang bekerja dengan pihak sektor awam.

Mengikut statistik terbaru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kementerian yang paling ramai yang menggaji OKU yang paling ramai. Kedua ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Saya menyeru supaya semua kementerian lain juga akan menawarkan pekerjaan kepada OKU demi menjayakan projek ataupun hasrat kerajaan untuk memenuhi 1% peluang pekerjaan diberikan kepada OKU. Pada masa yang sama juga, saya ingin menyeru supaya GLC di pihak swasta juga menawarkan peluang-peluang pekerjaan bagi OKU.

Baru-baru ini pada 27 November, pihak Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan suatu karnival kerja dan karnival itu telah menampakkan satu sambutan yang baik daripada pencari kerja OKU. Seramai 550 OKU pencari kerja telah menghadiri karnival tersebut dan saya harap kesemua yang meminta kerja itu akan berjaya mendapat pekerjaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat ya.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Ya. Satu lagi aspek yang ingin saya sentuh mengenai pengangkutan. Pengangkutan adalah sangat-sangat penting bagi orang kurang upaya untuk berdikari dan juga untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Jadi, apa yang disediakan oleh kerajaan memang baik, memang bagus. LRT, ETS dan juga komuter boleh dinaiki oleh orang kurang upaya dan bas Rapid juga boleh dinaiki oleh orang yang berkerusi roda.

Akan tetapi baru-baru ini beberapa hari dahulu, seorang orang kurang upaya telah merakamkan pengalaman beliau menaiki bas Rapid dari rumah beliau ke Hospital UKM. Beliau telah menunjukkan betapa susahnya menaiki dari tempat perhentian bas. Walaupun bas Rapid menyediakan *ramp* untuk kerusi roda naik ke dalam tetapi tempat perhentian bas itu masih belum selesa digunakan oleh bas yang

mempunyai lantai yang rendah dan *ramp* sebab perhentian itu harus mengadakan lantai pada suatu tahap yang selaras dengan bas supaya *ramp* itu boleh digunakan dengan selesa.

Jadi, saya menyeru kepada pihak yang berkenaan iaitu PBT-PBT di seluruh negara supaya memberi perhatian segera untuk menaiktarafkan supaya perhentian-perhentian itu boleh digunakan oleh orang yang berkerusi roda.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Ya, dengan ini saya menyokong Bajet 2016 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar. Silakan Yang Berhormat.

12.57 tgh.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2016.

Sebagaimana yang umum tahu, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan kerana telah mengolah satu bajet yang saya iktiraf sebagai satu bajet yang berani Bajet 2016 iaitu memperuntukkan RM267 bilion. Akan tetapi kalau kita lihat atau meneliti dengan lebih mendalam, ini berdasarkan kepada prospek ekonomi kerana kita faham dalam suasana sekarang, ekonomi global dan juga ekonomi dalam negara sangat mencabar.

Jadi, kita lihat dua pendapat kritikal iaitu pendapat daripada sumber minyak melihatkan harga minyak telah mula menurun dan pada hari ini sahaja harga minyak telah menurun pada bawah paras USD40. Kedua, ialah harga sawit juga dalam keadaan mencabar iaitu dalam lingkungan RM2,100 lebih satu tan. Jadi, saya lihat bajet yang telah diolah ini bajet yang komprehensif dan *inclusive* iaitu mengambil kira semua kategori rakyat iaitu dalam kategori 20 ke atas kategori M40 dan juga kategori B40. Jadi, inilah satu-satunya yang dengan temanya, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat".

Saya rasa satu soalan juga saya mahu melihat kepada Kementerian Kewangan sama ada formula yang diguna pakai ini mengikut keutamaan 20/40/40 atau pun peruntukan kewangan itu pengurusan dan juga pembangunan mengikut...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita tepat pukul 1 tengah hari. Nanti sebelah petang Yang Berhormat sambung balik selama 17 minit Yang Berhormat ya.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi sebelum itu saya ada sebuah pengumuman bahawa semua Ahli-ahli Dewan Negara dijemput ke jamuan makan tengah hari selepas ini oleh yang ikhlas, yang baik hati Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim di Bilik Jamuan, Blok Sementara. So, kita jumpa di

situ nanti. Saya rasa termasuk staf sekalilah. Dengan itu, Dewan kita ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempoahkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat tengah hari. Saya harap kita ada dalam Dewan ini, saya masih dapat ramai yang hendak berbahas, berucap dan saya harap semua Ahli Yang Berhormat telah bersedia dan nama-nama ini harap kalau dia apa pun mesti berada di dalam Dewan. Yang berada dalam senarai ini, Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar; sedang berucap sekarang bukan? Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah; Y.M. Engku Naimah; Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Dato' Khairudin; Datuk Abdullah bin Mat Yassim; Dato' Mohd. Suhaimi sudah. Ya itu, saya harap semua, ya, ya, cikgu, Datuk Seri Hj. Abd. Halim.

Saya akan panggil mengikut siapa yang ada di dalam Dewan. Kalau saya tengok tak ada itu, datang kemudian. Akan tetapi saya harap kalau boleh, sentiasa berada dalam Dewan, supaya mengikuti persidangan ini. Apabila Yang Berhormat mengikuti, baru tahu keseluruhannya. Akan tetapi kalau keluar masuk, keluar masuk, dia agaknya tak nampak mengikuti apa yang dicakapkan atau dibahaskan oleh kawan-kawan, akan ada banyak faedahnya untuk menyenangkan Yang Berhormat apabila berbahas nanti. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar untuk menyambung perbahasannya. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan perbahasan saya tentang Bajet 2016. Kita sedia maklum RM267.2 bilion telah diperuntukkan untuk Bajet 2016. Saya ingin membangkitkan beberapa isu.

Pertama ialah isu peruntukan kepada emolumen di mana kita lihat sebanyak RM70.5 bilion telah diperuntukkan untuk emolumen. Jadi ini boleh dianggarkan dalam peratusan hampir 40% daripada bajet keseluruhannya.

Persoalannya adalah, adakah kerajaan merancang untuk merasionalisasikan emolumen ini supaya perbelanjaan emolumen lebih dengan izin, *cost effective*? Kalau dalam swasta kita ambil kira *cost to income ratio*. Jadi, berbalik kepada tema Bajet 2016, kita sedia maklum kerajaan telah menetapkan lima keutamaan. Akan tetapi saya ingin menyentuh keutamaan yang kelima iaitu bersabit dengan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Soalan saya, kalau isu ini penting, kalau isu ini kritikal, isu ini memanfaatkan rakyat, adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan satu lagi NKRA kerana inilah kalau kita wujudkan satu NKRA khusus untuk mengawas, menyelia rakyat di bawah golongan ataupun kelompok B40, jadi saya rasa kita akan dapat melihat keberhasilannya dan keberkesanannya nanti apabila kita mengukur dan ada satu NKRA yang diwujudkan.

Inisiatif kerajaan sangat-sangat dialu-alukan terutama dalam meningkatkan tahap hidup isi rumah dan juga bantuan kepada pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah. Selain itu juga inisiatif penyediaan rumah mampu milik, perkhidmatan kesihatan berkualiti dan juga memperkuuh sistem jaringan perlindungan sosial iaitu membantu golongan OKU, warga emas dan warga miskin.

Isu satu yang ingin saya bangkitkan diperhatikan dalam Bajet 2016 ini tidak ada langsung disebut atau diperuntukkan apa-apa peruntukan kepada golongan ataupun kelompok veteran Angkatan Tentera Malaysia. Walaupun kita faham veteran ini terangkum dalam kelompok B40, M40 dan sebagainya dan akan layak menerima BR1M kerana mereka fahamlah setelah bersara, telah memberi khidmat yang sungguh cemerlang, menjaga kedaulatan, keharmonian negara semasa berkhidmat dahulu tetapi tidak ada, kita lihat satu *mansion*, dengan izin, tentang veteran tentera termasuklah mungkin veteran polis. Jadi untuk makluman Dewan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Syukur daripada Hamas, ya? [Tepuk] So, *The House welcome you to our House, our Senate House this evening. Welcome to all of you.* Okey, silakan Yang Berhormat.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. So, jadi perasaan veteran di luar sana, soal mengandaikan bahawa mereka tidak diiktiraf dalam Bajet 2016 ini kerana pernah suatu ketika dahulu, veteran yang tidak berpencen menerima peruntukan RM1,000 seorang sebagai *one-off*. Untuk makluman Dewan, populasi veteran adalah dalam lingkungan 371,000 orang yang menjadi veteran.

■1440

Jadi, 261,000 orang tidak berpencen, 109,583 orang yang berpencen dan dalam kategori OKU sekarang ada 1,724 orang. Saya mewakili semua veteran di Malaysia ini sebagai Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia telah pun mengusulkan dan mengangkat beberapa resolusi ke Kementerian Pertahanan. Pada bulan September iaitu 19 September tahun ini, Menteri Pertahanan telah mengumumkan sepuluh inisiatif dalam *blueprint* Veteran 1Malaysia.

Bermakna, kita sedang lihat satu kesungguhan Kementerian Pertahanan dan kami berharap kerajaan pula akan bersama-sama memperjuangkan, bersama-sama memperuntukkan peruntukan yang sewajarnya mengikut kemampuan kerajaan dalam bajet-bajet yang akan datang.

Satu lagi isu yang dialami oleh veteran perumahan. Dalam Dewan ini sahabat-sahabat saya telah banyak menyuarakan tentang perumahan yang tidak mencukupi untuk rakyat dan juga terutama untuk veteran. Dalam skim yang kita khas kan ataupun khusus kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia ialah Skim NBOS 7, di mana 100 buah rumah baru yang berharga satu RM45,000 telah pun

diperuntukkan. Akan tetapi dalam setahun hanya boleh dibina 100 buah rumah berharga RM45,000. Juga ada peruntukan oleh kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk penambahbaikan rumah tetapi pembaikan rumah yang uzur, rumah yang usang.

Setakat ini, 934 orang masih menunggu. Didapati peruntukan ini tidak mencukupi, tiap-tiap negeri dua buah rumah sahaja yang diperuntukkan. Bermakna, kalau ada 934 orang yang menunggu, ia akan memakan masa beberapa tahun. Jadi, saya bagi pihak veteran memohon daripada kerajaan untuk tambahkan peruntukan ini. Oleh sebab satu buah rumah itu hanya dalam lingkungan RM45,000 dan mengikut inflasi yang mendatang, kemungkinan RM50,000 sebuah rumah yang akan dibina oleh jurutera Tentera Darat. Ini akan menjimatkan kos pembinaan.

Satu lagi isu ialah banyak diperkatakan ialah isu GST. Kita faham setakat ini cukai yang dikutip dan juga memberi satu pendapatan tambahan kepada kerajaan. Akan tetapi apa yang diingini oleh rakyat jelata ialah apakah Kementerian Kewangan ataupun kerajaan ada merancang untuk mengagihkan kutipan GST ini dimanfaatkan, terutama kepada golongan B40?

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan Bajet 2016 ini ialah kita harus melihat, kerajaan telah mengagih-agihkan kepada sektor-sektor yang ada untuk perkhidmatan dan juga ada yang boleh membawa keuntungan kepada negara. Sektor yang saya maksudkan ini ialah sektor pelancongan. Di samping usaha promosi berterusan untuk meningkatkan bilangan pelancong, kesempatan penurunan nilai ringgit yang sekarang ini harus kita ambil.

Oleh sebab itu, akan ramailah pelancong-pelancong datang ke negara ini melawat Malaysia kerana mereka boleh memperoleh pulangan yang menarik. Akan tetapi saya lihat, hendak bagi satu contoh, ini nak menyentuh kepada pengalaman saya semasa di Langkawi semasa jerebu. Saya lihat Lapangan Terbang Pulau Langkawi sehingga kini tidak mempunyai jambatan terus ke tempat kapal terbang iaitu *the aerobridge*, dengan izin.

Mengapa sebuah lapangan terbang yang kita anggap didatangi oleh pelancong-pelancong luar negara, kalau kita lihat Langkawi ini digunakan oleh pelbagai ketibaan VIP, ketua-ketua negara. Langkawi juga sejak 1991 telah dianjurkan LIMA iaitu yang membuat *airshow* dan *maritime show*. Ini harus kita beri peruntukan segera kerana *aerobridge* itu adalah mustahak kerana ia akan melindungi semasa musim hujan yang lebat. Jadi, saya rasa eloklah perkara ini diperbaiki, diambil tindakan dan diperuntukkan beberapa peruntukan supaya kelengkapan sebegini akan memangkinkan kepada keselesaan pelawat-pelawat ke Pulau Langkawi.

Sementara kita taksub dengan infrastruktur, membina infrastruktur dalam negara tetapi saya rasa eloklah kita juga ambil kira beberapa nilai yang boleh menjadikan rakyat ataupun muda-mudi, generasi Y menjadi rakyat yang bertanggungjawab. Saya ingin mencadangkan, kerajaan harus mengambil kira, masukkan dalam tiap-tiap tahun bajet mengurus iaitu isu memperkasakan budaya kebersihan. Oleh sebab kita lihat dengan infrastruktur *world class*, dengan izin, dengan kesergaman bangunan yang tersergam tetapi kalaular rakyat kita, muda-mudi kita, anak-anak sekolah, membuang sampah merata-

rata tempat, membuang sampah dalam sungai, sehingga sekarang sungai kita tercemar, longkang kita tersumbat dan wujudlah, tercetuslah banjir-banjir kilat apabila hujan lebat tidak sampai dua jam.

Jadi, ini adalah satu-satunya budaya sopan-santun yang harus kita pupuk dalam semangat untuk menuju atau belseyar sampai ke-2020. Bukan hanya kita lihat dalam bajet hanya untuk infrastruktur, penambahbaikan untuk rakyat tetapi haruslah dimasukkan memperkasakan budaya kebersihan. Sebagai contoh kalau kita lihat, kita ambil contoh orang-orang Jepun. Apabila ada satu-satu karnival, satu-satu kehadiran khalayak ramai sampai seribu, dua ribu, tiga ribu, ada sampai padang itu lima ribu orang. Lihatlah apabila upacara itu tamat, apakah yang kita lihat? Tidak ada sehelai kertas, plastik ada di padang itu oleh sebab tamadun kebertanggungjawaban orang Jepun ini nilainya sangat tinggi.

Maka, saya cadangkan, ini ialah satu usaha untuk kita dalam empat tahun yang akan datang menuju 2020, kita harus masukkan usaha ini untuk Malaysia bersih, terutama di bandar-bandar seperti Bandar raya Kuala Lumpur. Bangunannya harus mendapat- dicat balik untuk dilihat oleh pelancong-pelancong yang kita ini rakyat yang bersih dan juga bersopan-santun.

■1450

Isu kedua yang saya hendak bangkitkan supaya bajet juga mengambil kira ialah memperkasakan budaya senggaraan, *maintenance culture*, dengan izin, kerana ini adalah satu lagi nampak sangat kalau kita lihat dan kita dengar, rumah-rumah PPR, lif pun tidak beroperasi dengan baik. Mengapakah? Ini kerana budaya senggaraan di Malaysia ini masih di bawah paras, masih di bawah tahap yang diingini. Jadi, saya ingin kerajaan mengambil kira memperkasakan budaya kebersihan dan budaya senggaraan kerana ia juga boleh menjimatkan. Ini kerana kalau kita sentiasa membuat senggaraan, menjimatkan lagi peruntukan kos untuk membaik pulih alat-alat dan sebagainya.

Ada tiga sektor yang saya rasa harus kita beri keutamaan dan juga tidak kita kurangkan peruntukan bajet atau peruntukan kepada tiga sektor ini. Saya hendak klasifikasi sektor ini sebagai *the sacred sectors*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama ialah peruntukan pendidikan kerana pendidikan harus diberi satu peruntukan yang lebih, yang benar-benar kita hendak lihat keberhasilannya. Kita ukur *outcomenya*, keberhasilannya. Jadi itulah harus kalau kita lihat sekarang peruntukan Bajet 2016 pada universiti awam telah dikurangkan sebanyak RM2.4 bilion. Padahal, inilah satu *investment*, dengan izin, satu pelaburan untuk masa depan supaya kita akan mengeluarkan pelapis-pelapis yang akan menjadi pemimpin yang berwibawa, pemimpin untuk memacu negara Malaysia yang tercinta ini.

Sektor kedua ialah peruntukan keselamatan kerana kestabilan dan keselamatan ini mustahak, kritikal, penting untuk kita menjana ekonomi, mempertingkatkan infrastruktur. Jadi, janganlah— saya cadangkan, saya syorkan supaya kerajaan terus menetapkan peruntukan yang setimpal atau yang lebih lagi untuk mengawal keselamatan negara.

Sektor yang ketiga, peruntukan kepada kesihatan. Kita dengar tadi pelbagai sahabat kita di Dewan semua membangkitkan tentang kedudukan hospital, kedudukan kekangan ubat-ubatan untuk pesakit-pesakit. Setakat ini saya boleh menyatakan veteran Angkatan Tentera Malaysia sahaja masih

mengalami kekangan iaitu kekurangan ubat untuk mereka kerana bajet. Apabila ditanya mengapa mereka itu tidak dapat diperuntukkan ubat, mereka kata kekurangan bajet. Tidak cukup.

Maka inilah tiga sektor yang saya ingin tekankan, ingin cadangkan kepada kerajaan supaya janganlah dikurangkan, kalau boleh. Kita beri penekanan kepada penambahan bajet semata-mata untuk kesejahteraan mereka ini dalam tiga sektor iaitu sektor kesihatan, sektor keselamatan dan sektor pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Itu sahaja isu-isunya. Saya hendak menggulung dan terus menyatakan di sini, saya berharap kerajaan akan mengimplementasikan Bajet 2016 dengan pendekatan yang lebih, dengan izin, *stringent* dan penuh ketelitian tanpa ada ketirisan.

Soalan saya, apa kayu pengukur yang akan digunakan untuk meyakinkan rakyat yang kerajaan benar-benar membelanjakan peruntuhan secara *cost effective* dan dengan izin, *fit for purpose* tanpa ada pembaziran? Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Juga, saya mengucapkan terima kasih kepada rombongan daripada Harvard yang datang melawat dan mereka akan berangkat sekarang ini. Terima kasih banyak. *Welcome and peace be with you [Tepuk]* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Shahanim. Selepas itu, kita hendak dengar orang baru ini, Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim. Silakan.

2.56 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dalam membahaskan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 yang kita kenali juga sebagai Bajet 2016 di Dewan Negara yang mulia ini.

Mensejahtera kehidupan rakyat, koperasi perlu diperkasakan. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat koperasi mampu menjadi antara penggerak utama ekonomi negara. Menyedari hakikat itu, kepentingan sektor koperasi terhadap ekonomi negara tidak boleh dinafikan apabila menyumbang sehingga RM35 bilion atau kira-kira lima peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2014 yang lalu. Malah, di negara maju, tidak keterlaluan jika dikatakan koperasi menjadi antara penggerak kepada ekonomi selain turut menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Sebagai contoh di Amerika Syarikat, sektor koperasi menyediakan lebih dua juta peluang pekerjaan manakala Perancis pula lebih sejuta peluang pekerjaan dan Indonesia hampir 300,000 peluang pekerjaan. New Zealand yang terkenal dengan pengeluaran produk tenusu kira-kira 95 peratus produk itu dikeluarkan oleh gerakan koperasi negara berkenaan. Di Jepun pula, koperasi pertanian

mencatatkan perolehan lebih RM378 bilion dengan 91 peratus petani di negara matahari terbit itu menganggotai koperasi berkenaan.

Daripada fakta yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa koperasi turut memainkan peranan penting dalam mencorakkan ekonomi sesebuah negara selain menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Di Malaysia, kebanyakannya gerakan koperasi dikawal selia oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang ditubuhkan pada tahun 1971 dan sehingga kini lebih 12,500 buah koperasi bernaung di bawahnya dengan jumlah keahlian sehingga lapan juta orang. Antara koperasi hebat yang boleh kita lihat ialah Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia atau Bank Rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada KPDKKK, sejauh mana tahap pencapaian berdasarkan jumlah perolehan koperasi sedia ada di Malaysia dalam bidang ekonomi berimpak tinggi seperti harta tanah, perbankan, telekomunikasi dan perladangan?

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam semalam yang mana beliau memaklumkan terdapat usahawan yang menternak 5,000 ekor lembu di Kundasang, Sabah. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama dengan KPDKKK untuk mewujudkan sebuah koperasi baru berdasarkan perladangan iaitu untuk menternak lembu secara fidlot sama ada di Kundasang atau di Ranau kerana iklim di sana dikatakan lebih sejuk dan amat sesuai untuk penternakan lembu. Soalan saya yang kedua, apakah bentuk kemudahan bantuan kewangan kepada penggiat koperasi oleh kerajaan? Adakah jabatan kementerian selain daripada KPDKKK turut memberi tawaran kemudahan sedemikian?

■1500

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur luar bandar. Tahniah atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan terhadap masyarakat luar bandar dan kampung kerana telah memperuntukkan RM1.4 bilion bagi membina serta menaik taraf jalan luar bandar di seluruh negara, kualiti jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nampak kecil isu tetapi kualiti jalan raya ini sebenarnya perkara yang besar. Jalan yang berlubang dan berkawah apatah lagi musim tengkujuh ini, lagi mudah jalan-jalan di Malaysia ini berlubang dan berkawah.

Disebabkan lubang dan berkawah, ia memberikan kesan buruk yang cukup besar. Salah satunya kemalangan yang boleh mengakibatkan maut, cedera parah dan cedera. Kedua, kenderaan rosak. Ketiga, jalan raya itu boleh sakit yang boleh menjurus kepada keadaan beralun, mendap atau jerlus. Akhirnya kerajaan juga akan terpaksa menanggung kos yang tinggi.

Di sini, persoalan saya kepada pihak JKR dan KKLW. Di Malaysia ini, apakah jenis tar yang diguna pakai? Tampal pagi ini, koyak pada sebelah petang. Jadi saya hendak tahu apakah jenis tar dan setakat mana kualiti tar kita sebenarnya? Kedua, adakah pemantauan dibuat dan pihak kementerian sedar bahawa mutu jalan raya di Malaysia kini kurang kualiti terutama jalan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya ingat jalan-jalan di kampung sahaja tidak kualiti sebab saya banyak masa di kampung. Akan tetapi bila sekarang saya banyak masa di Kuala Lumpur dan saya sendiri bawa kereta, saya tengok jalan di Kuala Lumpur pun tidak kurang hebatnya banyak lubang dan ditampal di sana sini.

Seterusnya, tidakkah kerajaan sedar ini merupakan satu pembaziran yang sangat besar kerana harus membaiki jalan yang sama saban tahun. Saya pernah bertanya kepada sahabat saya yang berkahwin dengan orang Jepun dan tinggal di Jepun. Mereka ada maklumkan kepada saya bahawa tar yang digunakan di Jepun, yang digunakan untuk jalan raya di Jepun kalau hendak berlubang pun Tuan Yang di-Pertua, mengambil masa 50 tahun. Cuba bayangkan, berapa banyakkah jumlah penjimatan kos yang dapat diselesaikan?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat miskin perlu diutamakan dan didahulukan. Saya menyambut baik langkah rasionalisasi subsidi kerajaan supaya pastikan subsidi dinikmati golongan sasar iaitu golongan miskin. Dalam keadaan pelbagai bantuan dan langkah yang dibuat oleh kerajaan dan negara semakin maju, sepatutnya rakyat miskin semakin berkurangan. Bererti subsidi juga boleh dikurangkan. Akan tetapi masih terdapat rakyat miskin yang perlukan pembelaan walaupun mereka golongan minoriti. Penghapusan subsidi ST15 yang bernilai RM580 juta setahun diakui memang terlampau besar berbanding dengan jumlah penerima.

Mungkin penjimatan tersebut dapat diperuntukkan sedikit bagi memastikan rakyat miskin mendapat peluang membeli beras ST5 yang kualitinya lebih baik di pasaran dengan sedikit bantuan kerajaan. Kerajaan juga boleh menggunakan Kedai Rakyat 1Malaysia, Agrobazaar Kedai Rakyat untuk memasarkan beras ST5 mampu milik. Saya percaya bukan sahaja rakyat miskin akan berterima kasih kepada kerajaan tetapi keseluruhan rakyat Malaysia akan turut melihat kerajaan masih prihatin dalam memastikan mereka yang kurang keupayaan kewangan dapat dibantu mendapat makanan ruji yang lebih sihat.

Soalan saya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, adakah kementerian telah kenal pasti mekanisme atau pendekatan terbaik bagi menggantikan subsidi beras ST15 yang telah dihapuskan bulan ini? Soalan kedua, saya ada mendengar ada ura-ura kerajaan akan memberi baucar RM50 bagi menggantikan subsidi beras ST15. Namun masih belum dimuktamadkan. Sekiranya dilaksanakan, bagaimanakah kaedah pengagihan baucar ini diberi kepada golongan sasar iaitu golongan miskin? Saya mencadangkan agar pihak kementerian melaksanakan tempoh percubaan dahulu. Seandainya berjaya membantu golongan sasar, wajarlah ia diteruskan.

Kepada KPDKKK, apa pihak KPDKKK sedar dengan penghapusan subsidi beras ST15 ini, ramai peniaga telah mengambil kesempatan menaikkan harga beras ST5. Ini adalah satu yang nyata apabila saya sendiri yang membeli beras. Sebelum ini beras ST5 berharga RM13 untuk lima kilogram, kini beras ST5 seberat lima kilogram berharga RM15.90 untuk jumlah yang sama. Sudahkah pihak KPDKKK membuat pemantauan terhadap perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, bantuan persekolahan dan makanan. Terima kasih dari hati saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kasih sayang beliau yang tak putus-putus, prihatin dan menyayangi kepada pelajar-pelajar miskin di seluruh Malaysia yang telah diterjemahkan dengan pemberian RM100 kepada 3.5 juta orang pelajar melibatkan RM350 juta dan kos tambahan RM173 juta untuk sarapan pagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merupakan bekas penerima rancangan makanan tambahan pada zaman kanak-kanak saya dari tahun 1980 sehingga tahun 1985 iaitu saya makan nasi Rancangan Makanan Tambahan dari Darjah 1 sampai Darjah 6. Ketika itu, saya dan rakan-rakan pelajar miskin yang lain dihidangkan makanan yang kebiasaannya ialah nasi dan gulai telur atau pun nasi dan ikan goreng dan juga sayur. Itulah rancangan makanan tambahan yang dibekalkan pada waktu itu Itulah yang terbaik bagi kami dan kami amat-amat menghargai kerajaan pada ketika itu.

Kini, 30 tahun telah berlalu. Pada hari ini kerajaan telah menambah peruntukan sehingga RM423 juta untuk Rancangan Makanan Tambahan kepada pelajar miskin yang melibatkan 550,000 orang pelajar. Satu jumlah yang amat besar. Saya hanya ingin berkongsi beberapa program yang saya fikir bermanfaat dan boleh dijadikan contoh untuk lebih bermanfaat ditambah baik kepada rancangan makanan tambahan.

Contohnya di US, mereka melaksanakan program-program seperti *Supplemental Nutrition Assistance Programme* (SNAP) di mana program ini memberi bantuan nutrisi kepada golongan kurang mampu. Satu lagi ialah *Fresh Fruit and Vegetables Program* di mana program ini dikenal pasti sebagai kaedah terbaik bagi mengatasi masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Untuk makluman Dewan, sefahaman saya, negeri Terengganu telah membekalkan suplemen kepada semua pelajar di seluruh Terengganu untuk membantu kecerdasan minda pelajar. Soalan saya, dari segi aspek apakah penambahbaikan program rancangan Makanan Tambahan ini kepada pelajar miskin? Adakah nutrisi dan kualiti makanan dipertingkatkan?

Soalan kedua, adakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk membekalkan suplemen iaitu makanan tambahan untuk kecergasan minda seperti Omega 3, magnesium dan B Kompleks untuk meningkatkan daya fokus dan tenaga otak pelajar? Tuan Yang di-Pertua, memperkuuh sistem jaringan perlindungan sosial sebanyak RM445 juta telah disediakan kepada OKU, orang kurang upaya bagi Bajet 2016 di mana mulai tahun hadapan, OKU yang bekerja akan menerima sebanyak RM350 berbanding dahulu RM300. Manakala OKU yang tidak bekerja, menerima RM200 berbanding dahulu hanya RM150. Oleh itu, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana kenaikan ini dapat mendorong dan menggalakkan OKU di Malaysia untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya mula-mula saya bersama pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, pergi ke rumah OKU kita tengok OKU ini dia bisu dan di rumahnya dia telah membuat satu pekerjaan iaitu mengopek ikan bilis.

■1510

Apabila saya bersama dengan pegawai JKM, beliau memaklumkan kepada saya, dia kata puan disebabkan OKU ini bisu tetapi dia masih mahu bekerja, ini dua tahun lepaslah jadi kerajaan di bawah JKM, kita bagi dia RM300 tetapi kalau dia bisu, dia hanya duduk di rumah dia hanya akan mendapat RM150. Begitu juga OKU yang lain, kalau dia bisu, dia pekak, dia cacat anggota badannya tetapi masih lagi mahu bekerja, dia boleh basuh pinggan dan sebagainya, kerajaan akan memberikan lebih untuk menggalakkan OKU ini bekerja. Kalau dia bekerja lagi kerajaan akan bagi peruntukan yang banyak kepada OKU ini.

Tuan Yang di-Pertua atas pengalaman saya sendiri di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, di semua Parlimen terdapat empat jenis bantuan iaitu:

- (i) bantuan kepada orang kurang upaya;
- (ii) bantuan kepada warga emas;
- (iii) ketiga bantuan kepada anak-anak dari keluarga miskin; dan
- (iv) bantuan untuk pesakit kronik terlantar.

Namun bajet kali ini, saya tengok, saya lihat tidak disentuh mengenai bantuan kepada pesakit kronik terlantar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi contohlah. Kalau sebelum-sebelum ini di Jabatan Kebajikan Masyarakat, kalau pergi buat ziarah kasih, lawatan rumah ke rumah di kampung-kampung atau di taman-taman, kalau kita pergi ziarah sebuah rumah ini seorang ibu yang sakit terlantar, tidur, tidak boleh bangun, tidak boleh menguruskan diri. Anak terpaksa berhenti sekolah ataupun berhenti bekerja ataupun si suami sakit, isteri berhenti bekerja semata-mata hendak menjaga ibu atau hendak menjaga suami yang sakit, dahulunya kerajaan akan memberikan RM300 kepada yang menjaga pesakit ini. Namun begitu bajet yang saya lihat kali ini tidak ada peruntukan kepada pesakit-pesakit kronik yang terlantar.

Oleh yang demikian, saya di sini ingin memohon kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta kepada kerajaan untuk menambahkan peruntukan atau memberikan peruntukan bantuan sebanyak RM300 untuk pesakit kronik terlantar seperti tahun-tahun sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali daripada saya peranan Pusat Zakat. Saya hendak menyentuh soal peranan pusat zakat. Terima kasih kepada umat Islam yang begitu prihatin menuaikan Rukun Islam yang keempat iaitu mengeluarkan zakat. Rukun Islam keempat ini perlu ditunaikan yang mana pengertian zakat pada istilah syarak adalah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat ditentukan. Mengeluarkan zakat bererti membersihkan harta daripada syubhah. Perlu diingat perintah mengeluarkan zakat dinyatakan dalam al-Quran pada 32 buah tempat. Ratusan juta ringgit dapat dikutip setiap tahun terutamanya di negeri ekonomi umat Islamnya kukuh dan stabil, justeru ia amanah yang sangat berat dipikul mereka yang dipertanggungjawabkan mengagihkan apa juga zakat dikutip setiap tahun dan hendaklah bersedia mengagihkan dengan sempurna sebelum berakhir tahun itu.

Wang zakat untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan sebagaimana disyaratkan untuk lapan asnaf terutama kepada fakir dan miskin serta mereka yang berat bebanan hutang sehingga memudarangkan kehidupannya perlu diberikan perhatian sewajarnya. Persoalan sekarang masih ramai yang memerlukan bantuan zakat di luar sana, ramai lagi gelandangan dan umat Islam yang daif dan miskin tegar memerlukan perhatian daripada bantuan zakat. Ada juga yang memerlukan wang zakat untuk dana awal bermiaga, memulakan kehidupan dan pekerjaan mahupun untuk pergi belajar.

Saya mengesyorkan supaya surau-surau dan masjid juga berperanan lebih besar untuk bekerjasama dengan JKK dalam mengenal pasti bantuan dari pelbagai dimensi. Sekarang ini pun kos sara hidup semakin meningkat malahan kutipan zakat pun meningkat juga. Apa salahnya kita menggunakan wang zakat seluas-luasnya tanpa banyak birokrasi. Pentadbir pusat zakat perlu lebih kerap turun padang mencari golongan-golongan yang perlu dibantu dalam aspek zakat itu sendiri. Inilah masanya pentadbir pusat zakat bergerak lebih aktif dan tidak hanya menunggu semata-mata.

Saya tidak mahu wang zakat ini tersalah sasar pengagihannya hanya kerana mahu mengambil jalan mudah. Cari dan bantulah mereka kerana itulah tujuan Allah mewajibkan umat Islam membayar zakat iaitu semata-mata membantu sesama Islam. Saya yakin jika wang zakat dapat diagihkan dengan sempurna mengikut kebijaksanaan...

Tuan Ramli bin Shariff: Minta mencelah. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Senator, jiran saya ini. Oleh sebab sering kali kita mendengar rungutan bahawa permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada agensi ataupun tempat-tempat yang mengeluarkan zakat ini sama ada ia melibatkan kerentak birokrasi ataupun masalah pegawai-pegawai yang diamanahkan menjalankan tugas mengagihkan wang-wang zakat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang saya menjadi Yang Berhormat Senator, saya ada pengalaman saya sendiri. Saya selalunya jarang duduk lama di Kuala Lumpur tetapi apabila saya menjadi Ahli Dewan Negara, saya banyak duduk di Kuala Lumpur dan apabila malam saya tidak ada kerja, saya akan duduk bersama-sama dengan gelandangan. Jadi di situ barulah saya dapat faham kehidupan gelandangan, kesusahan gelandangan, kehendak gelandangan.

Pertamanya, saya tanya kepada gelandangan beragama Islam. Adakah gelandangan-gelandangan ini sudah pergi ke pejabat zakat? Mereka memaklumkan kepada saya bahawa mereka sudah pergi ke pejabat zakat tetapi mereka tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang diminta oleh pejabat zakat. Saya tanya bolehkah saya melihat borang dari pejabat zakat? Mereka pun menunjukkan borang tersebut kepada saya. Di borang itu, di pejabat zakat ditulis untuk mendapat zakat, pertama kena ada alamat tetap, kena ada bil elektrik, kena ada bil api, itu sudah tidak mencukupi syarat Tuan Yang di-Pertua. Gelandangan ini dia tidur di kaki lima sahaja, dia tidak ada alamat, tidak ada bil elektrik dan tidak ada bil air. Jadi, pejabat zakat telah menolak permohonan gelandangan ini.

Jadi apabila saya pastikan, saya *interview* gelandangan ini, saya tanya dan saya pastikan bahawa mereka memang gelandangan, saya membuat sebuah surat sokongan kepada pejabat zakat wilayah di mana surat sokongan saya berbunyi, “*Saya dengan ini mengakui bahawa gelandangan nama Ahmad bin Kasim seorang gelandangan selama lima tahun yang tidak ada alamat tetap, tidur di kaki lima, tidak mempunyai bil air, tidak mempunyai bil api dan sekiranya pejabat zakat hendak memastikannya lagi, sila hubungi saya*”. Jadi selepas gelandangan ini mendapat surat sokongan itu Tuan Yang di-Pertua, barulah dia mendapat zakat.

Sepatutnya pejabat zakat tidak perlu menunggu untuk mendapatkan surat sokongan daripada saya. Sepatutnya mereka turun, apabila malam tengok gelandangan yang tidur di kaki lima, mereka kena turun. Turun, cari gelandangan bukannya menunggu, itu yang pertama.

Kedua, saya hendak menyentuh sedikit tentang birokrasi pegawai sendiri. Pada bulan puasa lepas, apabila melihat surat sokongan saya yang banyak, pegawai-pegawai kata hari ini kami ambil lima orang sahaja, yang lain tidak boleh. Itulah antara contoh birokrasi dan yang seterusnya saya pun tidak faham, yang saya tahu saya tidak pandai agama juga tetapi saya tahu setiap asnaf tidak ada had umur. Apabila dilihatnya banyak surat sokongan daripada saya untuk membantu gelandangan, dibuatnya syarat. Apabila gelandangan ini pergi dia tanya, “*Umur kamu berapa?*” Gelandangan ini mengatakan bahawa dia berumur 38 tahun, “*38 tahun tidak boleh, kita bagi zakat had umur 45 tahun ke atas*”.

Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, untuk asnaf dan fakir miskin ini tidak ada had umur. Mungkin dia kena lebih daripada umur yang cukup tempoh baligh kan. Jadi, saya merasakan di sinilah, sebab itu di Dewan yang mulia ini, saya mengetengahkan tentang zakat. Untuk makluman sidang Dewan, apabila saya bersama gelandangan, saya boleh mengatakan 80 kepada 85% daripada gelandangan adalah orang Islam dan selebihnya adalah orang India dan orang Cina. Kes terbaru yang saya dapat dan cukup menyayat hati apabila seorang mualaf bersama anak kecilnya berumur tiga tahun dihalau dari negeri Pahang, baru sebulan tidur di kaki lima bersama anak kecil mereka yang berumur tiga tahun. Kadang-kadang saya pun tertanya-tanya macam mana kita hendak membantu golongan gelandangan ini. Itu sahaja Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Shahnim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika wang zakat dapat diagihkan dengan sempurna mengikut kebijaksanaan pengendalinya sudah tentu masalah umat Islam dapat diatasi kerana jika kita menurut panduan dan peraturan ditetapkan tanpa pindaan yang tidak sepaututnya, ia akan memudahkan segala urusan.

■1520

Itu jaminan Allah. Persoalan saya di sini, pertama bolehkah saya tahu jumlah kutipan zakat terkini di seluruh Malaysia sebab bila saya Google jumlah kutipan zakat hanya ada yang terakhir 2011.

Yang kedua, berapa banyak wang zakat telah digunakan untuk memperbaiki rumah-rumah orang miskin dan jumlah rumah yang telah dibaiki dan dibina seluruh Malaysia menggunakan wang zakat dari tahun 2010 sehingga tahun 2015.

Yang ketiga, jumlah pelajar-pelajar miskin yang berada di IPTA, IPTS yang telah menerima bantuan zakat sepanjang tahun ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana telah dapat menyediakan rumah gelandangan dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun depan. Saya berharap agar tidak ada lagi rakyat Malaysia yang kita kasih yang tidur di kaki lima dalam kita menuju ke negara maju tahun 2020. Selamat tahun baru. Sama-sama lah kita menyambut tahun baru 2016 dengan penuh semangat iltizam bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat seluruh bangsa. Rakyat bersatu, negara maju. Dengan itu saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim sebagai ucapan pertamanya dalam Dewan ini, saya hendak dengar. Semua hendak dengar. Silakan.

3.22 ptg.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pertama kepada saya untuk bercakap membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Terlebih dahulu saya hendak terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengumumkan satu bajet yang agak meyakinkan kita sebagai rakyat Malaysia bahawa kita yakin apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah suatu yang perkara untuk menyejahterakan rakyat di Malaysia.

Sebab itulah bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat itu nampaknya tidak digemari oleh pihak pembangkang. Semua pembangkang di Malaysia ini pembangkang mengatakan bahawa bajet itu tidak betul. Pembangkang di Malaysia ini saya tengok memang tidak ada *class*. Semua yang kerajaan bentang semua tidak betul. Sepatutnya benda yang betul cakaplah betul, benda yang tidak betul cakap tidak betul. Ini semua tidak betul. Jadi apa yang dibuat oleh pembangkang di Malaysia ini kita ambil pakai lah, dia hendak pakai, pakai lah. Kita teruskan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib teruskan dengan pemerintahannya dan kita yakin dan amat percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat ini negara Malaysia akan terus maju selama-lamanya.

Kita hendak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam bajetnya itu telah semakin setiap tahun menambah, menambahkan elaun, menambahkan pendapatan rakyat, sumbangan kepada rakyat terutamanya di luar bandar semakin bertambah. Ini menjadikan pembangkang di Malaysia ini semakin tidak senang semakin tidak puas hati dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan BR1Mnya bertambah.

Kalau kita tengok sepanjang saya menjadi Ketua Bahagian di Rantau Panjang, saya tengok jumlah sumbangan bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada rakyat saya tengok 14 kali satu tahun, sedangkan satu tahun ada 12 bulan sahaja. Ini menunjukkan bahawanya pada zaman Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Najib ini 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Itu adalah memang selaras dengan cita-cita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib hendak menyejahterakan rakyat luar bandar. Jadi terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib.

Sebab itulah pembangkang memang amat marah, Perdana Menteri sebelum ini pun marah sebab Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib dia tidak ada apa sudah dalam hidup dia. Dia tidak ada apa sudah. Jiwa raga dia saya tengok penuh keikhlasan. Buat bajet, bagi sumbangan. Dia hendak tengok rakyat terutamanya orang Melayu dan Bumiputera sejahtera di zaman pemerintahannya dan selepas pemerintahannya. Itulah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib. Saya kenal lama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib ini, memang betullah dia...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Bukan *you are not lonely*. Itu bahasa saya. Kita orang Rantau Panjang mana kita cakap orang putih. Dia pergi Rantau Panjang, saya kata *you don't worry* Dato' Seri, ini 50,000 hari ini semua sanggup mati dengan *you*, *you are not lonely* [Ketawa] Saya kata. Selepas itu masa ucapan dia, dia kata "*Lah, bukan you're not lonely, you're not alone*". Saya kata itu bahasa Inggeris Rantau Panjang. Dengan izin, *this is Rantau Panjang language*. Yang Dato' Seri cakap itu, itu KL *language. But the meaning is the same*, dengan izin. Maknanya sama sahaja. Akan tetapi benda itu dibawa ke seluruh Malaysia.

Semalam masa taklimat Presiden pun dia menyebut lagi. Akan tetapi tidak apa lah, mungkin itulah sudah masuk dalam kepala dia. Kalau benda itu betul, tak masuk. Sebab benda itu salah, jadi betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan ini bila sudah lantik Senator duduk dalam Dewan Negara ini, kalau saya tidak bercakap hal Rantau Panjang, takut orang Rantau Panjang marah.

Di Rantau Panjang ini untuk Tuan Yang di-Pertua tahu, di Rantau Panjang ini bila masuk bulan 10, 11, 12 dikategorikan sebagai musim banjir. Seingat saya, setakat yang di dunia ini, memang Rantau Panjang memang *always* banjir, dengan izin, selalu banjir. Campur Orang Putih sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi banjir ini kita hendak elak tidak boleh sebab ini bencana alam. Akan tetapi kerajaan negeri yang ada tidak mana cara pun, dia tidak ambil tahu pun soal banjir ini. Hendak banjir, banjir lah. Kau hendak mampus, mampus lah, tidak apa.

Jadi saya pun- bila kita beritahu kepada kerajaan negeri, dia tidak ambil apa-apa tindakan. Hendak banjir, banjir lah. Kau hendak makan, makan lah. Kau tidak ada makan, kau cari sendiri.

Jadi, saya tengok bila banjir, kerajaan pusat yang selalu bantu, kerajaan negeri tidak tahu hendak buat apa. Ini saya tahu sendiri sebab saya setiap tahun saya alami benda ini.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh mencelah tak?

Tuan Yang di-Pertua: Ini seorang lagi orang Kelantan lagi nak tanya.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Boleh, boleh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ini fasal- dengar cakap orang putih orang Kelantan ini, tidak berapa betul itu [Ketawa]

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: *You're not lonely ya [Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap berhubung dengan banjir di Rantau Panjang ini. Yang sebenarnya mengikut Yang Berhormat, kita dengarlah bahawa masalah banjir tahun lepas pun belum diatasi lagi. Banyak lagi orang-orang yang sepatutnya mendapat bantuan rumah dan sebagainya belum diberi.

Sekarang kita hendak musim banjir sekali lagi. Macam mana pendapat Yang Berhormat, adakah kerajaan sama ada kerajaan terutama kerajaan negeri lah, bolehkah atasi masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat musim lepas, dan kita hendak sampai ke banjir sekarang ini. Macam mana keadaan di Rantau Panjang sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Hendak atasi banjir ini, masalah yang tahun lepas ini, masalah rumah yang dibina, rumah yang rosak. Di Rantau Panjang ini rumahnya rosak kerana banjir, tidak ada macam di Kuala Krai yang rumahnya *totally lost 100% out* rumah.

Di Rantau Panjang ini kebanyakan rumahnya rosak kerana banjir. Dapur rosak, tangga dibawa lari. Sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua, baru hendak *repair*, itu pun dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri tidak ada, tidak bantu pun. Dia pergi tengok-tengok melawat sahaja. Yang Berhormat Rantau Panjang pun dia duduk di dalam air dia ambil gambar, itu sahaja. Selepas itu dia naik. Selepas itu dia viralkan gambar itu mengatakan dia ini bantu mangsa-mangsa banjir di Rantau Panjang. Sebenarnya yang bantu Kerajaan Pusat, kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib yang bantu semua itu. Jadi dia berlakon sahaja. Duduk dalam air bagi suruh ambil gambar, bagi makan, waktu itu sahaja. Di pusat-pusat pemindahan kebanyakannya adalah daripada Kerajaan Pusat.

Jadi sampai sekarang, kalau bantuan RM500 itu ini yang saya hairan. Yang RM500 ini yang orang PAS dapat, orang UMNO tidak dapat. Saya hairan Tuan Yang di-Pertua.

■1530

Sampai sekarang yang RM500 belum selesai lagi. Yang duduk tempat tidak banjir, boleh dapat bantuan. Yang kena banjir, kena pindah tidak dapat duit RM 500 itu. Ini sebab saya minta biar ada penyelaraslah daripada pihak Kerajaan Pusat supaya ataupun ambil alih terus. Kerajaan Pusat ambil alih terus mangsa-mangsa banjir ini biar Kerajaan Pusat bagi *direct* kepada mangsa-mangsa banjir berdasarkan nama-nama yang diberi oleh Pengerusi JKPP ataupun oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Itu lagi bagus. Kalau kita hendak pakai senarai yang diberikan oleh kerajaan negeri, memang Pengerusi Bencana Alam Negeri- ialah Kelantan tahu di bawah PAS, orang PAS. Kalau di daerah DO dan DO ini memang dia panggil Tok Penghulu PAS, Tok Penghulu UMNO dipanggil tapi akhirnya dia memakai yang di senarai Tok Tok Penghulu PAS.

Oleh sebab itulah, kita tengok mangsa-mangsa banjir kebanyakan orang UMNO tidak dapat. Yang PAS ini duduk atas bukit pun dapat bantuan. Jadi kita minta supaya di bawah Kerajaan Pusat iaitu Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim cuba...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi peluang Yang Berhormat. Ini orang Kelantan tanya Yang Berhormat.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Tanya, tanya boleh.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua. Mengikuti perbahasan Yang Berhormat tadi, saya kira sesuatu yang sangat tidak adil menafikan terus tanggungjawab dan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu mangsa-mangsa banjir begitu juga apa yang telah dilakukan oleh Ahli Parlimen di Rantau Panjang khususnya dan saya kira tidak salah menyebut apa yang telah Kerajaan Persekutuan melakukan.

Akan tetapi, menafikan apa yang telah dibuat oleh kerajaan negeri tanpa maklumat yang cukup, saya kira tidak ada maklumat sebenarnya. Jadi itu saya kira sesuatu yang tidak wajar. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Maklumat itu kalau hendak saya boleh bagi kemudian. Saya tahu sebab saya sendiri alami. Setiap musim banjir saya sebagai ketua bahagian *all out*, dengan izin kesemua pusat ada 63 buah pusat perpindahan dan Yang Berhormat dia *dok mai* atas jalan raya sahaja. Dia pergi- kan sekolah tinggi SK Rantau Panjang *tok deh* itu sahaja, yang keadaan orang kampung tidak ada. Saya tahu sebab saya setiap hari di sana.

Kalau di Kuala Krai itu dibuat MOU dengan Kerajaan Pusat- dia MOU ini sebelum berjaya itu bila sudah jadi dia pergi sendiri sahaja. Dia urus sendiri bantuan. Jadi setakat ini memanglah kalau di Rantau Panjang itu bantuan yang diperoleh oleh kerajaan negeri itu- oleh JKM, JKM pun oleh Kerajaan Pusat juga. Cuma di salur melalui JKM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selepas ini Yang Berhormat Senator dari Kelantan dan Yang Berhormat dari Kelantan juga komunikasi tidak ada, sekarang boleh ada lah. Senang, selesaikan. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Okey, itu soal banjir. Kedua, soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada bagi tahu soal jalan kampung. Jalan kampung memanglah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua musim banjir ini setiap tahun memang jalan berlubang. Kalau sepatutnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari beritahu kerajaan negerilah tampung-tampung jalan itu pasal belanjanya murah. Kalau hendak buat sebuah jalan itu mungkin di bawah KKLW kementerian Kerajaan Pusat.

Jadi memang bantuan *so far* setakat inillah jalan kampung yang berlubang dibina baru- jalan kampung berlubang memang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Cuma baru ini ada peruntukan yang RM 100 juta itu untuk infrastruktur yang hanya dikhurasukan untuk buat jalan. Tidak boleh buat lain, tidak boleh ambil duit itu untuk bayar gaji, tidak boleh! Maka, dia buat jalan baru. Walaupun jalan itu sudah tar, dia tar lagi jalan itu. Jadi *double* atau *triple* tar itu sebab hendak habiskan duit sebanyak RM100 juta untuk infrastruktur. Jadi pembaziranlah.

Jadi sepatutnya duit itu dibuatlah buat tampung jalan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat tumpukan perbahasan Yang Berhormat ini kepada dasar Yang Berhormat. Masalah agaknya boleh berundinglah di semua

peringkat agaknya. Kalau ada rasa isu-isu yang mustahak sangat bawa di sini. Kami bersedia mendengar.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Okey, okey. Ketiga, itu Tuan Yang di-Pertua saya tengok akhir-akhir ini, saya dalam Facebook ini pun aktif juga. Saya tengok ada individu tidak bertanggungjawab menggunakan gambar kita, letak nama orang lain dan mengeluarkan status yang bercanggah dengan kita. Menentang kerajaan, mengata benda-benda tidak elok kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak- gambar kita.

Akan tetapi saya tidak tahu sejauh mana Kementerian Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab untuk mendakwa mereka ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini gambar saya diletak nama orang lain. Kemudian dibuat status menentang Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Buat *report* polis, *until now* tidak ada apa-apa *action* daripada- jadi saya hendak cadangkan SKMM ini supaya pengguna Facebook yang hendak pakai nama Facebook itu, biar daftar. Senang dia keluar status bentuk fitnah ke apa, kita boleh tangkap dia.

Jadi saya minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya biar benda ini daftar, keluar status tidak bagus, tangkap terus. Dengan cara ini menyelamat negara kita daripada jenayah sosial. Jadi saya minta kementerian SKMM ini bertanggungjawab dan dakwa mereka. Hendak mandatori itu terpulang kepada pihak Menteri.

Kemudian, daripada segi keselamatan negara. Ini saya cadangkanlah supaya setiap sempadan diadakan CCTV. Ini kerana kita amat takut sekarang ini penyaluran senjata api berleluasa. Tembak menembak, bunuh membunuh banyak berlaku bukan kata di Thailand sahaja, di Malaysia pun setiap hari walaupun negara kita ada undang-undang. Jadi kita minta di setiap sempadan biar banyak CCTV dan pangkalan-pangkalan haram supaya penyaluran senjata haram tidak masuk berleluasa di Malaysia. Ini saya hendak cadangkan kepada KDN meletakkan CCTV dengan banyak sikitlah di setiap sempadan terutamanya macam di- saya di Rantau Panjang itu Sungai Golok. Mudah sangat untuk menyeberangi sungai dan kita minta KDN meletakkan banyak CCTV di situ supaya penyaluran senjata api tidak berleluasa masuk ke Malaysia.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua soal di Sabah itu hari Lahad Datu, saya amat bersetujulah macam Yang Berhormat Senator Dato' Abas cakap semalam supaya diambil tindakan tegas sebab ini terlibat orang kampung saya yang mati, yang bertugas di Sabah. Yang Berhormat Batu kata benda ini sandiwara, berlakon. Saya pergi yang mati itu memang betul mayat. Saya ingat batang pisangkah apa, memang betul mayat. Memang betul-betul orang itu meninggal. Jadi bukan sandiwara.

Saya minta supaya tindakan tegas diambil kepada yang mengatakan perbuatan sandiwara dan membawa masuk jenayah itu ke Malaysia- Yang Berhormat Lembah Pantah, kah, siapa tidak kiralah Mesti ambil tindakan tegas. Kalau bunuh-bunuhi itu, mandatori-mandatorilah sebab yang mati itu adalah betul orang, bukan batang pisang.

Tuan Yang di-Pertua, soal *cost living* dengan izin, soal kenaikan harga barang sekarang ini. Memanglah harga barang semakin naik daripada dulu pun daripada saya budak-budak dulu pun gula 15

sen, 30 sen, 40 sen. Sekarang ini sudah RM2 lebih. Memang hendak mengatasi ini tidak boleh harga barang- cuma saya hendak cadangkan kepada KPDKKK. Kenapa semasa harga minyak naik barang naik- okey. Masa harga turun kenapa dia tidak *enforcement* supaya harga barang itu diturunkan.

■1540

Contohnya sebelum harga minyak naik, harganya RM1. Apabila harga naik, harga minyak naik, harga barang RM1.20. Apabila harga turun, kenapa *enforcement* tidak dibuat supaya harga itu diturunkan daripada RM1.20 kepada RM1 balik? Ini saya cadangkan kepada ini- sebab penguatkuasaan itu, yang menjadi mangsa rakyat bukan kita. Jadi benda ini menjadi rungutan rakyat setiap hari- harga minyak naik, harga barang naik. Harga minyak turun, harga barang tidak diturunkan. Saya rasa saya hendak cadangkan kepada KPDKKK supaya dibuat penguatkuasaan yang rapi agar rakyat tidak dibebankan dan kerajaan tidak ditomah macam-macam menjelang pilihan raya yang ke-14 nanti. Jadi hari ini saya minta KPDKKK ambil tindakan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, saya daripada segi pendidikan saya hendak sokonglah bahasa Inggeris ini memang amat penting, bahasa Inggeris ini memang amat mustahak. Saya dulu masa di sekolah menengah dulu memang bahasa Inggeris ini tidak pandai sikit habuk pun. *Time* itu orang kampung mana pandai bahasa Inggeris. Apabila pergi universiti itu pandai sedikit sedikit sahaja, sekarang ini pun bolehlah sedikit sedikit itu walaupun tidak berapa betul. Jadi saya sokong kalau kerajaan hendak menguatkuasakan balik bahasa Inggeris, bahasa yang kedua pun saya setuju. Oleh sebab kalau hendak maju dalam pendidikan memang kena bahasa Inggeris. Semua buku dalam bahasa Inggeris kalau hendak maju, hendak berunding, hendak meniaga pun mesti dalam bahasa Inggeris sebab orang Cina, orang India ini dia lebih *familiar* dengan bahasa Inggeris. Jadi saya setujulah jika bahasa Inggeris ini dijadikan bahasa yang kedua untuk menjadikan pendidikan maju di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak sentuh dalam hal kerajaan. Saya lihat pegawai-pegawai kerajaan hari ini bukannya dia- ada desas-desus yang mengatakan pegawai kerajaan ini menentang kerajaan, tidak. Sebenarnya dia orang ini ada beberapa perkara yang tidak puas hati. Dia masih menyokong kerajaan sebab dia masih bekerja dengan kerajaan. Cuma saya minta JPA, kerajaan supaya mengkaji balik gred-gred ketua jabatan. Oleh sebab kadang-kadang tidak sesuai dengan hari ini. Kalau dulu contohnya, sebagai contoh Pengarah JPJ negeri Kelantan. Tugas, tanggungjawab, bebannya sudah bertambah, grednya 52. Pada masa dulu dua, tiga tahun lepas untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pelik kata satu tahun dulu bertukar satu kali. Hari ini pelik kata satu tahun empat kali bertukar. Maknanya beban tugas kerja sudah bertambah. Jadi saya hendak cadangkan supaya JPA atau kerajaan membuat kajian untuk membolehkan ketua-ketua jabatan ini berfungsi dengan baik apabila gred jawatan *at least* sekurang-kurangnya kalau di Kelantan lah atau mana-mana pun, sekurang-kurangnya dia gred 54 ke atas. Baru sedap dia menerajui jabatan itu.

Oleh sebab kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, pengarah JPJ panggil pengarah kesihatan untuk mesyuarat. Pengarah kesihatan JUSA 'C', pengarah JPJ 52. Takkan yang 52 hendak panggil yang JUSA? Tidak mari. Jadi dia hantar wakil, hantar wakil ini tidak sedap. Apabila dalam mesyuarat bila ada

wakil, tidak sedap selalu sebab wakil tidak boleh membuat keputusan. Jadi yang ini minta JPA mengkaji supaya ketidakpuasan ketua-ketua jabatan ini menjadi relevan apabila gred-gred dia dinaikkan setaraf dengan tugas dia umpamanya. Sebenarnya pegawai kerajaan ini mustahak. Kalau ketua jabatan itu tidak puas hati dengan kerajaan dia membawa kepada penyokong-penyokong di bawah juga akan turut menyokong ketua jabatan. Jadi sebab itu untuk memurnikan sokongan pegawai kerajaan kepada kerajaan dalam PRU 14, nanti, saya minta supaya gred-gred jawatan ketua-ketua jabatan ini dikaji semula sesuai dengan tugas dan tanggungjawabnya sebagai ketua jabatan.

Berkaitan dengan pegawai kerajaan juga saya hendak menyampaikan di sini, saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini lantikan guru, lantikan guru besar atau pengetua, saya melihat Tuan Yang di-Pertua lantikan sekarang ini daftar guru-guru, hendak jadi guru besar, hendak jadi pengetua kena pergi daftar dan kursus dahulu. Saya hendak cadangkan supaya biar benda ini lantik dulu baru pergi kursus. Oleh sebab itulah kita berani pertikai, ramai lepas jadi guru besar. Ramai orang pembangkang, PKR lah jadi pengetua. Oleh sebab apa? Kita daftar hantar dia pergi kursus. Kebanyakan guru-guru yang menyokong PAS ini dia pergi daftar pergi kursus, balik terus jadi guru besar. Maka wujudlah guru besar PAS, pengetua PAS. Jadi saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pendidikan lantik dulu, baru hantar pergi kursus macam PTD. Baru kita apa- pengetua dan guru besar ini kita boleh lantik orang kita, terdiri daripada orang UMNO lah, orang BN menjadi guru besar dan pengetua di sekolah-sekolah.

Saya sebelum dilantik menjadi senator Yang Berhormat ini, Tuan Yang di-Pertua saya didatangi oleh ramai kakitangan KEMAS. Kakitangan KEMAS ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua gaji dia orang ini, elaun dia orang ini kebanyakannya RM400 sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tugas dia dari pagi sampai petang, pembantu KEMAS. Jadi dia minta saya cadangkanlah supaya elaun dia orang ini dinaikkan daripada RM400, ikutlah berapa pun janganlah RM400. Dia kata dulu tidak apalah sampai tengah hari sahaja jaga budak-budak. Sekarang daripada pukul 8 pagi sampai 4 petang, elaun dia RM400. Anak lima orang dia sudah tidak mampu, memang tidak sepadan dengan tugas dia itu, dengan elaun yang dia dapat itu. Jadi saya hendak cadangkan supaya- kepada kerajaan, biar elaun guru pembantu KEMAS ini dinaikkan RM400 sehingga- itu terpulanglah berdasarkan kepada kemampuan kerajaan.

Di sini juga saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini. Oleh sebab dua tahun lagi kita akan menghadapi pilihan raya, saya hendak minta supaya gaji-gaji dan elaun pengurus JKPP terutamanya di Kelantan, pengurus JKPP supaya gaji dan elaun dia daripada RM800 dinaikkan sampai ke RM1,000 sesuai dengan pengumuman kerajaan baru-baru ini supaya gaji minimum RM1,200. Tidak apalah sebab ini tok penghulu bagi dia dari RM800 kepada RM1,000.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita- Dato' Seri Mohd Najib dalam ucapannya untuk memperkasakan bumiputera dalam bidang perniagaan. MITI memang sudah ada. Saya cuma hendak fokus dalam penyertaan, penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan. Saya lihat sekarang ini bumiputera, orang-orang Melayu terkapai-kapai hendak pergi pinjam dengan siapa? Hendak pergi minta

bantuan dengan siapa? TERAJU, dia orang tidak kenal TERAJU, tidak tahu. Jadi saya hendak mencadangkan supaya hendak wujudkan balik Kementerian Pembangunan Usahawan tidak boleh sudah sebab *boss* sudah batalkan. Jadi saya hendak cadangkan supaya fokus orang Melayu boleh berlindung, boleh mendapat nasihat dan boleh bermiaga supaya KKLW ditukar nama kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan. Fokus untuk jaga peniaga-peniaga Melayu Bumiputera dalam negara ini. Jadi ada tempat untuk orang Melayu bumiputera bergantung untuk mendapat nasihat bermiaga, fokus kepada perniagaan bumiputera. MITI itu hak *international*, ini hak domestik punya.

■1550

Baru ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya pergi mengerjakan haji. Dah lama-lama tidak pergi Mekah, baru hendak pergi Mekah pergi haji. Umrah sudah banyak kali sudah. Bila saya pergi haji baru ini, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi haji dengan pakej. Pakej ini pakej mahal. Pakej mahal ini pakej Al-Maas, Zamrud, Topaz apa nama- mahallah. Jadi, bila pergi itu Tuan Yang di-Pertua- okey, naik *flight* okeylah, A380. Pergi sampai Jeddah Tuan Yang di-Pertua, kita yang bayar pakej mahal ini duduk macam *bangla* di *airport*. Enam jam di *airport*. Ish! saya kata, “*Aku bayar mahal, macam mana duduk di airport sampai enam jam?*”. Muassasah yang RM9 ribu itu pukul 6 pagi sudah pergi. Kita pukul 10 pagi di *airport* lagi. Saya tanya Tabung Haji Travel, “*Eh! kenapa kita orang-orang...*”

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi? Panjang ke lagi?

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Ada sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sikit itu, Yang Berhormat *direct to the point* dahulu. Cerita itu kurangkan sikit.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Okey, Okey. Jadi, *pointnya* saya hendak Tabung Haji ini biar dia buat kajian. Biar sesuai dengan bayaran, dengan servis yang dia baginya. Ini bayaran mahal, servis *out*. Jadi, biar dia buat kajian. Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom kena buat kajian supaya biar benda ini tidak orang labelkan Tabung Haji ini bermiaga rukun Islam, itu sahaja yang saya hendak. Biar sama atas servis yang dia bagi dengan bayaran yang kita buat. Kalau servisnya setakat RM200 *Five Star, Six Star* itu betul. Akan tetapi hajinya bukan di situ, hendak pergi Arafah, pergi Mina. Kalau yang sakit jantung pun terpaksa jalan kaki. Sepatutnya servis, tolak dengan kerusi roda itu sepatutnya tetapi tidak. Ini rungutan diberi kepada saya oleh semua orang yang pergi, termasuk Ketua Pengarah Imigresen Sabah, *complain* kepada saya. Jadi, benda ini minta Tabung Haji kaji balik. Jangan-saya tidak mahu Tabung Haji ini di label bermiaga Tabung Haji. Bermiaga rukun Islam. Bila Tuan Yang di-Pertua tegur itu, masa hendak habis pun, saya pun tidak ada apa sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang pertama Yang Berhormat. Ucapan pertama tidak mengapa. Sekarang ini cuba Yang Berhormat tajuk itu dahulu kemudian beri laporan sedikit. Dengan cara begitu agaknya ada masa Yang Berhormat boleh buat, banyak yang boleh dibangkitkan.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Sistem penyampaian kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua, bantuan banyak yang diberikan oleh kerajaan. Saya hendak bangkitkan di sini, kita bagi kepada pelajar-pelajar IPTA. Kita bagi sumbangan kepada pelajar-pelajar IPTA, ijazah kita bagi RM800, diploma kita

bagi RM500, Kerajaan Pusat. Kerajaan negeri pula, ijazah RM2,500, diploma RM1,300, duit siapa? Duit kita. Duit Kerajaan Pusat. Wang ehsan yang kita beri kepada kerajaan negeri, dia hendak bagi, mesti cop terima. Kita hendak bagi, pengesahan ketua bahagian. Jauh beza itu. Duit kita. Duit kita bagi kepada dia. Dia boleh bagi RM2,500. Kita ijazah RM800.

Jadi, saya hendak biar benda ini kerajaanlah kaji balik, tidak payah bagi dekat MAIWP tidak apa. Biar kita bagi duit *direct* kepada pelajar-pelajar lagi senang. Sekarang ini susah kita. Kita bagi RM500 sahajalah. Kerajaan negeri bagi RM2,500, tenggelam RM800 itu. Diploma, macam mana kita hendak mempengaruhi budak-budak itu supaya sokong kita? Budak-budak yang pergi universiti ini? Kita bagi RM800, dia bagi RM2,500. Mampus RM800 itu. Jadi, minta kerajaan kaji semula supaya kalau hendak bagi, biar kita sahaja bagi duit itu. Jangan bagi kepada kerajaan negeri tetapi bagi kepada pelajar-pelajar.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bila pergi sembahyang Jumaat di negeri Kelantan. Imam tengah bagi khutbah, dia hentam semacam sahaja. Jadi, saya hendak oleh sebab duit kita banyak, duit Kerajaan Pusat yang bagi kepada Majlis Agama Islam itu. Kalau boleh minta JAKIM kah, Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom kah, biar dia salur ikut siapa? Salur ikut bahagian. Biar kita bagi cek kepada tok imam itu. Biar dia tahu, "*Oh! Ini duit Kerajaan Pusat*". Ini masa dia khutbah, semacam dia hentam kita. Cukup sedap. Duit ini duit kita, kerajaan negeri bagi beberapa Ringgit sahaja. Kita bagi RM1 ribu lebih. Duit kita. Dia dok hentam kita.

Jadi, benda ini kita minta Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya kalau boleh bagi cek kepada kita. Kalau dia kata tidak boleh pinda boleh kerana ada undang-undang, saya kata pinda undang-undang itu. Oleh sebab setahu saya Al-Quran dan Hadis sahaja yang tidak boleh dipinda, yang lain semua boleh. Jadi, saya minta biar benda ini diimplementasi, biar kita bagi cek kepada tok-tok imam di Kelantan. Jadi, saya rasa setakat itu dahulu Tuan Yang di-Pertua hari ini. Minta maaf, saya cakap dalam bahasa Kelantan itu, lebih selesa sedikit

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mengeluarkan bajet yang begitu hebat, mensejahterakan rakyat. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ucapan pertama boleh dikatakan baguslah. Kedua agaknya lagi bagus.

Baik, sekarang saya persilakan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Saya hendak maklumkan yang nama dalam senarai ini Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Tuan Ramli bin Shariff; Dato' Khairudin bin Samad; Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. So, kita akan cuba habiskan petang ini. Sekian. Teruskan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu...*
[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk sama-sama berbincang berbahas Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana

telah berani membentang belanjawan yang sedemikian rupa dalam keadaan ekonomi yang kurang memuaskan ini. Terima kasih, khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun memperuntukkan peruntukan untuk *Rubber City* di Kedah sebanyak RM320 juta. Pembinaan hospital di Pendang, pembinaan MRSM di Sik di bawah peruntukan mempersiagakan modal insan yang berjumlah RM41.3 bilion.

Ucapan khusus ini, saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh sebab ramai rakan-rakan, terutama musuh-musuh politik yang cuba memporak-perandakan antara kepimpinan di negeri Kedah dan juga kepimpinan di Kerajaan Persekutuan. Dengan kata lain, tidak ada pilih bulu dalam soal rakyat. Dengan kata lain, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun dikatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar anak Tun Dr. Mahathir yang telah pun diputar belitkan fakta tetapi masih lagi memberi peruntukan yang begitu banyak kepada negeri Kedah. Syabas dan selaku anak Kedah, saya mengucapkan ribuan terima kasih [*Tepuk*]

■1600

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat, orang Kedah kata saya kelebek-kelebek di dalam Buku Perbelanjaan Persekutuan ini, saya tidak nampak satu peruntukan pun di dalam buku ini terhadap satu isu yang cukup kritikal pada masa ini iaitu isu tanah rizab Melayu. Saya bukan rasis dalam mempersoalkan tanah rizab Melayu. Kita bukan hendak mempersoalkan hak-hak bangsa-bangsa asing dan juga kita tidak mahu mempersoalkan bahawa hak-hak ini tidak diberi sama rata. Ini kerana termaktub dalam Perlembagaan dan termaktub dalam amanat Raja-raja Melayu bahawa pada setiap masa tanah rizab Melayu mestilah, kalau bila disebut mesti, makna wajiblah, pada setiap masa 50 peratus.

Sedih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak baca Profesor Harding dalam pendahuluan kata-kata semasa beliau diminta memberi ucapan berhubung dengan *the issue of the Malay Reserves Land* dengan izin. Apakah kata Profesor Harding? Dengan izin... [*Membaca petikan*]

"Our Federal constitution is built in a unique way. The Federal Constitution as the root law of Malaysia has reserved special rights and privileges to Malay race. This adoption was made in the Constitution on the basis that although Malay race hold is the position of majority race, but it is historically disadvantage".

Profesor Harding kata walaupun *constitution* ini baik kerana bangsa Melayu ini bangsa majoriti, tetapi daripada segi sejarahnya *disadvantage*. Kalau ini Profesor Harding menyatakan begitu, maka ayuh, saya hendak membawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama melihat kedudukan tanah rizab Melayu di Malaysia pada ketika ini. Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, tanah rizab Melayu ini memang terdapat dalam peruntukan tetapi ada juga tanah rizab Melayu kehilangan.

Contohnya, dalam kes yang berlaku di Kedah di antara Ceti AKR MMK Meyapa versus Ahmad Yusuf dengan izin, telah hilang tanah rizab Melayu kerana beliau berhutang RM300. Maka tanah beliau

telah dilelong dan terlepas ke tangan bukan Melayu. Ini berlaku dalam banyak kes. Tidak apalah, kita kata Melayu pada ketika itu miskin tetapi kalau kita tengok daripada angka-angka lain, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat bahawa tanah rizab Melayu yang satu ketika dulu banyak kini telah merosot kepada 12 peratus.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta mencelah, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sila Yang Berhormat Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Suhaimi kerana memberi peluang saya mencelah.

Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat berhubung dengan tanah rizab Melayu ini. Seperti yang kita tahu, tanah adalah *state problem, state matter*lah. Jadi maknanya, ini adalah terpulang kepada negeri masing-masing untuk menentukan sama ada tanah- maknanya, Exco negeri itu seolah-olah boleh menukar tanah rizab Melayu itu boleh dibangunkan seperti tanah lain-lain.

Oleh sebab itu, Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa langsung sama ada tanah rizab Melayu itu di satu-satu negeri dikurangkan. Oleh sebab itu, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, sama ada sepatutnya kita mempunyai satu undang-undang yang menyeluruh supaya tidak boleh tanah rizab Melayu dikurangkan. Ini adalah terpulang kepada *political will* Kerajaan Pusat untuk menentukan kedudukan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Rahim. Soalan ini saya rasa perlu dijawab oleh seorang menteri. Akan tetapi kalau saya jadi menterinya, saya hendak jawab begini. Kalau kita tidak ada *political will*, jangan jadi pemimpin. Jangan kita jadi pemimpin kalau kita tidak ada *political will*. Oleh sebab itu Yang Berhormat Tan Sri, setiap Menteri Besar, setiap Ketua Menteri di negeri masing-masing perlu mempunyai *political will* untuk menentukan tanah rizab Melayu ini sampai ke tahap 50 peratus.

Saya hendak cadang kepada Dato' Sri Najib melalui Dewan yang mulia ini, adakan seorang Menteri khusus untuk memastikan tanah rizab Melayu ini mencapai tahap 50 peratus. Saya rasa menteri yang paling baik untuk duduk di tempat ini ialah Datuk Halimah Sadique. Seorang wanita yang cukup tegas dalam kepimpinan...

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Setuju.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tan Sri Ali Rustam pun terlebih keras daripada orang laki-laki. Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan sedikit berkait dengan tanah rizab Melayu ini. Saya kira sepatutnya isu ini tidak perlu timbul kerana mengikut artikel di dalam Perlembagaan Malaysia, mana-mana kehilangan tanah rizab Melayu adalah

wajib diganti semula. Tadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang merosot sebanyak 12 peratus. Jadi dari mana perangkaan ini diambil? Sepatutnya tindakan mengganti semula tanah rizab Melayu itu ada dan isu ini tidak sepatut sama sekali timbul.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat kerana bersama saya. Pertama kali pembangkang bersama dengan saya, *alhamdulillah*. Kelantan tahun 1983 kluasannya 3,000,689. Syabas pada Kelantan, kerana walaupun berkurangan, sekarang ini masih lagi 1,000,306, tahun 2005. Perak 416,879 pada tahun 1983, sekarang sudah merosot. Pahang juga begitu. Kedah daripada 1,675,777 menjadi 996,000 pada tahun 2005.

■1610

Angka ini sentiasa menurun sehingga dikira oleh seorang pensyarah daripada UiTM menjadi kepada 12 peratus. Angka-angka ini ada sama saya. Saya membuat kajian sedikit daripada angka-angka ini, dan daripada 3.1 juta hektar yang British tinggal kepada orang Melayu dulu. Maknanya kalau British tinggal itu, kita kiralah 100%, maknanya sekarang tinggal 12% sahaja. Wasiat Raja-Raja Melayu semasa pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 telah menetapkan nisbah 50% ini.

Jadi ayuh, Menteri Besar, Ketua Menteri, kita sudah ada amanah ini. Kita sudah ada wasiat ini bukan daripada sembarangan tetapi Raja-Raja Melayu. Hendak tunggu bila lagi? Saya ada juga bersempang dengan rakan-rakan Exco daripada kerajaan negeri, kata mereka tidak ada wang untuk hendak memulihkan tanah-tanah rizab Melayu ini. Kalau kita tidak ada wang, Kerajaan Persekutuan perlu wang ini dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan 2017, nanti supaya diberi peruntukan kepada kerajaan negeri supaya mereka ini dapat mencapai 50%.

Kadang-kadang ada juga yang menyatakan bahawa persoalan tiada tindakan yang diambil kepada tanah-tanah rizab Melayu yang telah dijual. Mana mungkin Yang Berhormat sekalian tidak ada tanah-tanah kosong, bukit-bukau yang boleh diganti dengan tanah-tanah bandar rizab Melayu yang diambil. Manakah mungkin tidak ada? Kenapakah kita takut sangat dengan soal *political will* yang dikatakan oleh Tan Sri Rahim tadi? Kita jangan tengok jauh sangat, kita tengok tanah Kampung Baru cukuplah. Tanah Kampung Baru, sampai sekarang, daripada saya sekolah dulu sampai sekarang, masjid itu sahaja agak baru sikit, yang lain masih di tahap yang lama. Apakah akan jadi kepada kita?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh pohon mencelah sekali lagi tak?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sila Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Pengurus. Terima kasih Dato' Mohd. Suhaimi. Oleh sebab Kampung Baru disebutkan, saya hendak bagi komenlah sikit. Secara peribadi, saya sungguh tidak puas hati dengan *progress* di Kampung Baru ini.

Kita bercakap berhubung dengan pembangunan Kampung Baru sudah 20 tahun. Berasal daripada, bermula daripada masa Yang Berbahagia Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri kepada Pak Lah dan kepada sekarang Dato' Sri Mohd. Najib. Sampai sekarang, kita tak boleh buat apa-apa dengan Kampung Baru.

Jadi, ini soalan satu lagi *political will* oleh sebab kita sudah cakap berhubung dengan Kampung Baru sudah lama, tetapi sekarang tidak dapat. *I think there is lack of political will* untuk membangunkan Kampung Baru. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sekali lagi terima kasih Tan Sri. Kampung Baru juga boleh dikatakan, dengan izin, *lack of political will*. Tuan Yang di-Pertua, kalau Kampung Baru yang nilainya itu tinggi masih tidak dapat dibaharukan, apatah lagi dengan tanah-tanah rizab Melayu yang di kampung-kampung. Kadang-kadang saya hendak mempersalahkan juga kementerian kerana kita sudah tahu ada tanah rizab Melayu yang nilainya rendah..

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Nanti sekejap Datuk Seri, saya sambung sikit. Sudah naik suara itu, tidak sedap pula nak turun. Sesetengah kementerian, bila mereka melihat tanah-tanah rizab Melayu ini, apa salahnya bangunkan MRSM di situ, bangunkan universiti di situ, bangunkan pusat-pusat latihan di situ ataupun bangunkan stadium di situ supaya *spin-off* daripada pembangunan bangunan ini dapat memajukan tanah rizab Melayu itu. Sila Datuk Seri, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sebelum itu Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya hendak terus-terang cakapkan bahawa saya adalah bekas Ahli Lembaga Pembangunan Kampung Baru. Kampung Baru ini bukanlah *Malay reserved plan*. Ia merupakan MAS, *Malay Agriculture Settlement*. Ya, dan sekejap ini saya dapat surat daripada, balas surat saya daripada Dewan ini bahawa sudah kita buat macam-macam sudah. Kita hendak bangun dah harga dulu RM50 satu *square foot*, sekarang sudah jadi hampir-hampir RM500 per *square foot* buat dan kita hendak mula dah. Ada lebih kurang 10 ekar itu kita hendak mula dah. Saya sudah bawa Perdana Menteri datang sendiri dah, baru-baru ini untuk membangunkan segera Kampung Baru. Itu sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Datuk Seri Haji Abd. Halim. Terima kasih atas penjelasan. Akan tetapi selagi di tanah itu ada Melayunya, ke situlah dan tahniah saya ucapan kepada Datuk Seri kerana dilantik dalam jawatankuasa tersebut. Saya harap sebelum saya pejam mata, meninggal dunia, dapatlah saya tengok Kampung Baru itu berkembang.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh mula gulung Yang Berhormat ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Nak gulung tang mana pun tidak tau dah. Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya lihat di dalam buku belanjawan ini isu yang banyak ditimbulkan semenjak saya dilantik menjadi Senator dengan rakan-rakan, kami telah banyak melawat, telah dibawa, diberi peluang untuk melawat negara-negara asing secara rasmi dan juga secara tidak rasmi. Bila kita berada di Dewan ini, maka setiap kali kita keluar negara kita akan bertemu dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Kementerian Luar Negeri, apakah peranan sebenarnya yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Tinggi kita di luar negara? Ini kerana ramai rungutan yang

dibuat semasa lawatan-lawatan sama ada rasmi dan tidak rasmi bahawa Pesuruhjaya Tinggi ini, *ambassadors* ini terlalu sibuk.

Saya pernah menghadiri keraian kemerdekaan Singapura di Kuala Lumpur yang diadakan dan saya bersempang dengan *ambassador* dan saya bertanya peranan yang dimainkan oleh *ambassador*. Kata beliau, merapatkan hubungan. Saya tanya dia, kalau kata ada pembesar dari Singapura datang, adakah *Excellency* kena pergi mengambil di *airport*? Dia kata, itu bukan kerja saya.

Akan tetapi persoalannya yang ditimbulkan oleh rakan-rakan di *embassy* luar negeri, peranan yang dimainkan oleh mereka ini nampak teruk. Tuan Yang di-Pertua, teruk benar. Kena pergi ke *airport*, ambil orang itu, ambil orang ini selain daripada menteri. Kalau menteri itu okeylah. Akan tetapi bawah menteri, timbalan menteri, setiausaha dan sebagainya sehingga kadang-kadang mereka ini tidak ada masa langsung. Kalau kita tengok daripada angka yang saya dapat, saya cuba minta daripada Kementerian Luar Negeri, berapa banyak *visit* yang dibuat tetapi tidak dapat.

Saya terpaksa menelefon *embassies* dan bertanya kepada rakan-rakan. Di Beijing lebih kurang 40 *visits*. Di Jakarta sebanyak 143 *visit*, Korea sebanyak 80 *visit*, India sebanyak 121 *visits*. Di London *wallahu a'lam*. Agaknya 365 *visits* setiap hari ada. Baru-baru ini semasa kami di London sehinggakan hendak tengok permainan pertandingan akhir ragbi pun *ambassador* kena turut sekali. Apakah ini peranan yang hendak dimainkan oleh *ambassadors* kita?

■1620

Saya ingin Kementerian Luar Negeri memberi ulasan, apa peranan wajib mereka ini, dan adakah mereka ini diberi permasalahan sehinggakan mereka terpaksa menjaga pegawai-pegawai daripada bukan sahaja di *Federal*, malah juga di *State* ataupun di negeri masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya rasa cukup itu Yang Berhormat. Ringkaskan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

4.20 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat sekalian. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas pembentangan Bajet 2016 yang bertemakan, "*Mensejahtera Kehidupan Rakyat*". Pada saya, sesungguhnya bajet yang diangkat pada kali ini merupakan sebahagian daripada terjemahan Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana saya amat berkeyakinan ia akan menjadikan negara kita sebuah negara *high-income advanced economy*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Bajet 2016 boleh kita simpulkan bahawa antaranya terdapat enam pencapaian utama sebagai penanda kejayaan yang boleh dibanggakan dalam mengangkat kembali kedudukan ekonomi negara. Kita amat berpuas hati dan berterima kasih dengan peruntukan yang disediakan, khasnya untuk memperkasakan sektor pendidikan. Dengan peruntukan yang telah disediakan, kita berharap agar kedua-dua Kementerian Pendidikan ini akan dapat mengambil tindakan serta memberikan perhatian untuk memantapkan kualiti pendidikan Malaysia dengan memperkasakan sekolah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui bahawa matlamat utama pendidikan ialah bermatlamatkan perpaduan, khasnya di dalam negara kita ini perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum di samping menanamkan semangat sayang negara, jati diri nasional, patriotisme dan lain-lain. Saya ingin *quote* tentang betapa pentingnya pendidikan dari seorang Profesor berketurunan Cina tetapi telah menjadi rakyat Amerika yang bernama Profesor Dr. Alex Teoh daripada Ohio University. Beliau mengatakan dengan izin, “*To foster national unity, schools mostly primary and secondary schools rather than colleges and universities play an important role in transmitting the culture to a new generations.*” Seterusnya beliau mengatakan, “*School offer plant seed of patriotism in their young from various ethnic background charges by teaching civic, history and other social studies. Students are taught to become good citizen, to love their country, to cherish the national culture values and to be proud of their nationality.*”

Saya *quote* apa yang diperkatakan oleh Profesor Dr. Alex Teoh bahawa untuk kita menanamkan semangat perpaduan, ia mesti ditanamkan bermula sejak anak-anak ini kecil lagi. Beliau menekankan secara spesifik, ia hanya boleh dilakukan semasa kanak-kanak ini berada di sekolah rendah dan sekolah menengah, bukan di peringkat universiti. Ini kerana di peringkat universiti, kanak-kanak ini bukan lagi kanak-kanak. Mereka telah keras menjadi buluh, tidak boleh dilenturkan lagi. Maka, Alex Teoh mengatakan wajib kalau kita ingin melihat sebuah negara itu mempunyai rakyat yang bertanggungjawab, yang berterima kasih, patriotisme, nasionalisme dan perpaduan, ia mesti dilakukan di peringkat rendah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu kita mengharapkan satu hari kelak pelajar-pelajar ini diletakkan di bawah satu bumbung. Akan tetapi saya ingin tegaskan di sini, saya tidak akan menyentuh untuk menutup sekolah vernakular. Ini telah menjadi polisi kerajaan. Saya tidak akan sentuh langsung cadangan untuk menutup sekolah vernakular. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan di sini, untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Saya berkata demikian dengan pengalaman saya apabila saya turun ke bawah memberi ceramah-ceramah kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar berbangsa Cina dan India. Saya berbincang dengan mereka, mereka mengatakan, “*Tan Sri, banyak cara boleh buat.*” Saya mengambil idea-idea ini dan saya maktabkan. Adakah cara-caranya iaitu kita tidak boleh paksa. Ya, rakyat Malaysia mempunyai hak untuk mempunyai sistem pendidikan Malaysia mereka sendiri. Kerajaan telah pun meluluskan, maka kita tidak boleh memaksa mereka. Apa yang kita hendak buat, kita cuba memperkuuhkan sekolah kebangsaan agar akhirnya satu hari kelak, minda seluruh

rakyat Malaysia boleh terbuka dengan rasional dan kita boleh memujuk anak-anak ini supaya sanggup diletakkan di bawah satu bumbung supaya mereka dapat mengenali dan mengasihi antara satu sama lain dan agar mereka menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan berguna.

Memperkasakan sekolah kebangsaan boleh didefinisikan sebagai pertama, mempunyai infrastruktur sekolah yang kondusif dan komprehensif sama ada fizikal, *non-physical* sama ada bangunannya, *lab* sains, padang, tandas, bahkan bilik guru yang *air conditioner*. Ini merupakan cara-cara untuk kita memastikan standard ataupun kualiti infrastruktur fizikal sekolah itu boleh diperkuuhkan agar dapat menarik minat anak-anak yang datang daripada kaum lain.

Kedua, mempunyai guru-guru sekolah yang berkemahiran tinggi dan terlatih. Terlatih bukan sahaja aspek akademik tetapi juga teori ataupun vokasional ataupun amali. Guru-guru yang *highly qualified* dengan izin, yang terbaik dalam semua aspek akademik, peribadi, sikap dan lain-lain yang holistik supaya guru-guru ini dapat membimbing anak-anak kita menjadi insan yang berguna di masa hadapan.

Saya patut mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid apabila beliau mengambil kira dan menunjukkan keprihatinan tentang masalah guru-guru yang dipanggil guru-guru duka lara. Saya rasa ini penting sebab saya pernah menjadi *vice chancellor*, di mana kalau sekiranya kita memisahkan seorang isteri dengan suami, ini merupakan satu tindakan yang kurang wajar. Saya diberitahu untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau seorang suami tidak bersama dengan isteri tiga hari pun dia sudah menggelabah. Pagi-pagi bangun, dia panjat dinding. Dia keluar hendak pergi sekolah, dia nampak lembu, lembu pun cantik. *[Ketawa]* Ini pandangan yang saya dengar. Maksudnya, kita memisahkan isteri dan suami ini memang tidak baik dan akhirnya Menteri berkenaan telah mengambil tindakan yang baik.

Saya juga ada mendengar rintihan berkenaan dengan guru dan pihak kerajaan sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat semua, guru-guru pada hari ini telah menikmati skim gaji yang cukup baik. Saya tidak bermaksud untuk memperincikan, bahkan lebih baik daripada skim gaji pensyarah-pensyarah.

Seterusnya mempunyai sistem persekolahan yang *student friendly*. Ya, sekolah kebangsaan mesti mempunyai sistem persekolahan *student friendly*. Seterusnya menambah mata pelajaran elektif seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab. Memastikan semua sekolah kebangsaan mesti mempunyai kekuatan mengajar bahasa-bahasa ini supaya anak-anak kita dari orang Cina ataupun orang India boleh masuk sekolah kebangsaan kerana kita mengajar bahasa mereka, kita tidak mengetepikan. Itu yang mereka hendak, kita lakukan. Ini pandangan yang diberi oleh pengetua-pengetua dan guru besar Cina dan India setelah saya memberi ceramah kepada mereka tiap-tiap kali saya turun ke bawah.

■1630

Seterusnya, mereka mengatakan memperkuuhkan mata pelajaran Sains dan Matematik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di sekolah Cina, matematik memang diajar dengan begitu baik. Sekiranya sekolah kebangsaan dapat memastikan kita juga dapat mengajar dengan baik, bahkan kita boleh

mengambil contoh dan teladan serta formula yang digunakan di sekolah Cina contohnya, apa salahnya. Kita boleh ambil dan pastikan kita dapat memberikan service yang terbaik dan seterusnya memartabatkan bahasa Melayu dan memperkasakan bahasa Inggeris.

Anak-anak kita daripada kaum Cina dan kaum India memang cukup peka dengan kepentingan bahasa Inggeris. Kalau sekiranya sekolah kebangsaan bukan sahaja dapat memastikan memartabatkan bahasa Melayu tetapi juga memperkuuhkan bahasa Inggeris, ini juga akan dapat menarik minat rakan-rakan kita daripada kaum lain. Seterusnya memudahkan pelajar-pelajar memilih sekolah pilihan dan kemudahan yang disalurkan dapat digunakan oleh semua pelajar tidak kira mereka dari bukan sekolah kebangsaan. Contohnya di kawasan estet, di kawasan perumahan. Ada sekolah kebangsaan, ada sekolah Tamil dan ada sekolah jenis kebangsaan Cina contohnya. Jadi kita menjadikan sekolah kebangsaan terbaik, sudah pasti akan kita memberi opsyen kepada anak-anak ini untuk memilih. Kalau mereka melihat sekolah kebangsaan ini semua terbaik, maka sudah pasti mereka akan membuat keputusan untuk hidup mereka dan bukan itu sahaja, kita mengharapkan segala kemudahan yang ada di sekolah kebangsaan, kita buka kepada anak-anak daripada bukan sekolah jenis kebangsaan juga.

Seterusnya pembaziran bajet pengagihan pembangunan di sekolah dapat kita kurangkan dan seterusnya menjimatkan tenaga guru dan pelajar dari semua kaum di bawah bumbung yang dapat memupuk semangat perpaduan dalam menuju negara yang maju. Seterusnya sistem pembelajaran dapat memenuhi dan mencapai standard kerajaan. Jadi pelajar-pelajar tidak risau akan sijil yang tidak diiktiraf. Saya patut berterima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan kerana telah pun mengatakan bahawa UEC tidak diiktiraf. Ini satu keputusan kerajaan yang wajib dibuat. Saya hendak jelaskan kepada rakan-rakan mengapa UEC tidak diiktiraf.

Kita lihat di sini terutama sekolah-sekolah SMPC. Banyak kurikulum di dalam buku-buku yang diajar lari daripada landasan nasional. Contohnya daripada segi aspek agama. Kita dapat mereka memberikan fakta yang kurang tepat tentang Agama Islam dalam mata pelajaran Sejarah Dunia Satu SPMC, halaman 61, 76 dan 77. Sebagai contoh diberi, bilangan waktu solat dalam buku sejarah enam waktu sehari. Ini sudah salah. Bukan enam waktu tetapi lima waktu. Gambar cara solat yang tidak betul. Ini yang diamalkan di sekolah menengah persendirian Cina.

Mempamerkan gambar solat berjemaah yang salah oleh Aminah Wudud yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Cara bersembahyang di Malaysia ini banyak. Boleh dapat gambar dari sini tetapi mereka ambil gambar dari US di mana seorang wanita menjadi imam. Dimasukkan dalam buku di sini. Cara mengerjakan ibadat haji juga salah. Maka sudah pasti saya rasa kita bercakap dari sensitiviti agama Islam, ia akan menimbulkan ketegangan kaum dan agama, melanggar Perlembagaan dan lain-lain.

Satu contoh lagi daripada segi sosial. Kurang perincian terhadap pembentukan nilai mencintai negara Malaysia sebaliknya memberi penumpuan kepada sejarah negara China. Ini negara Malaysia. Ini bukan negara China tetapi mengapa ditumpukan sejarah yang berdasarkan kepada penumpuan sejarah

negara China. Contoh ideologi San Ming untuk membina negara China. Membesar-besarkan data kematian orang Cina semasa peristiwa 13 Mei.

Peristiwa penjajahan Jepun digambarkan daripada aspek penderaan kaum Cina tetapi bukan kepada semangat kebangkitan nasionalisme. Ini membuatkan melebarkan jurang polisasi kaum dan mencetuskan sentimen perkauman. Maka kita akan gagal membina sebuah negara bangsa untuk anak-anak kita, generasi akan datang. Itu sebabnya kita, pihak kerajaan telah menolak UEC.

Seterusnya situasi kekurangan pelajar-pelajar Cina dan Tamil di sekolah-sekolah vernakular di tempat-tempat tertentu amat membimbangkan kerana pelajar-pelajar Melayu yang sebenarnya memenuhi kuota di sekolah tersebut. Dua hari lepas, seorang sahabat kita, Yang Berhormat, telah mengatakan ada kes di mana sebuah sekolah hanya enam orang pelajar sahaja. Semalam, sahabat kita juga mengatakan kemudahan di sekolah Tamil tersebut, sekolah vernakular tersebut tidak cukup.

Menimbulkan banyak masalah apatah lagi kalau kita dapati sekolah tersebut tidak ada *student*. Akhirnya dengan promosi mereka, budak-budak Melayu apatah anak Orang Asli akan masuk. Bukan sebab apa tetapi mereka tidak cukup *student*. Ini saya katakan tadi merupakan satu kaedah yang tidak baik kerana boleh menimbulkan suasana tidak kepuasan hati kepada pihak kerajaan walhal kerajaan telah membuat sebanyak mungkin untuk membantu masalah ini.

Saya bagi contoh untuk pengetahuan. Ini fakta yang kita kena faham terutama rakan-rakan kita kaum lain. Saya tidak mahu kita terlampau emosi. Semalam saya sangat emosional. Saya kurang setuju menuduh-menuduh sembarang. Ini adalah tidak baik. Saya hendak bagi contoh untuk pengetahuan Yang Berhormat. Peruntukan tahun 2012 antara sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Sekolah kebangsaan, peruntukan hanya RM2.26 juta untuk bilangan sekolah 5,848 dan untuk bilangan murid 2,150,139 orang. Jadi peruntukan per murid hanya RM1.05 sen. Sebab masa tidak mencukupi, saya hendak kata sekolah kebangsaan, peruntukan per murid RM1.05 sen, sekolah jenis kebangsaan Cina, peruntukan per murid ialah RM3.73 sen dan sekolah jenis kebangsaan Tamil sebanyak RM11.59 sen.

Akan tetapi rakan saya yang cakap semalam tidak ada. Saya hendak tunggu dan hendak beritahu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mendapat RM11.59 sen. Sekolah kebangsaan mendapat RM1.05 sen. Saya ingin meminta kerajaan melihat kembali kalau kita benar-benar serius ingin memperkasakan sekolah kebangsaan, perkara ini mesti diteliti supaya kita tidak mahu timbul masalah-masalah ketidakpuasan hati walaupun kerajaan telah memberi cukup banyak kepada rakan-rakan kita, kaum lain.

Saya agak terguris semalam apabila sahabat saya masih juga mengeluarkan perkataan-perkataan yang sensitif seperti mengapa orang Melayu menuduh menggunakan perkataan imigran. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta bahkan saya terangkan di sini, perkataan imigran ini adalah perkataan yang digunakan oleh penulis-penulis orang putih dari dahulu dan juga beberapa orang penulis orang India. Sejarawan.

Ini contoh tahun 2008, buku yang ditulis oleh anak kepada kawan ini bernama Chan Wing- "From Poor Migrant to Millionaire". Chan Wing dari negeri China datang ke Malaya. *Poor Migrant*. Makan pun tidak ada. Mak dia jual anaknya. Anak bongsu untuk membeli tiket Chandri datang ke Malaya. Datang ke Malaya umur 14 tahun. Dalam masa 20 tahun jadi *millionaire* dengan hasil *rubber* dan lain-lain. Terlampau kaya, buat rumah yang paling besar. *The biggest house in Malaya* iaitu Istana Agong sebelum ini. Itu rumah dia. Betapa hebat.

Akan tetapi saya hendak kata perkataan migran ini saya hendak bawa. Bukan apa pun. Tujuan saya janganlah marah kami lagi. Jangan marah kami. Timbul-timbul kami pun terguris hati. Bila terguris hati, kami melatah. Bila kami melatah, kata kami *racist*, kami jahat. Ini semua *allowed*, dengan izin dan saya hendak katakan inilah orang yang cukup baik. Rakan-rakan kita kaum Cina cukup bersyukur dan berterima kasih dan buku ini tidak ada satu perkataan mengutuk orang Melayu, mengutuk pemimpin Melayu bahkan saya tertarik hati beliau bersyukur.

Kalau di negeri China, hanya seorang isteri, satu orang anak. Semalam di surat khabar di negeri China ada *the 'black children'* iaitu anak yang lebih daripada satu tidak diiktiraf bahkan langsung disingkirkan dan tidak boleh pergi sekolah dan tidak boleh bekerja. Akan tetapi di sini, bila tidak berkongsi tip beliau, bukan sahaja kahwin lebih, lapan orang bini, 26 anak [*Ketawa*] Hebat Malaya. Tanah Melayu hebat. Boleh membenarkan lapan orang bini. Ini yang saya marah sebab lapan orang bini itu. Lain saya tidak *jealous*. Lapan orang bini, 26 orang anak. Maksudnya *alhamdulillah*. Cuma saya hendak katakan, janganlah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi, Yang Berhormat ya.

■1640

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey. Cuma saya kata buku ini juga tolong baca, sama juga lebih kurang isinya dan buku ini Lim Goh Tong tidak ada mengutuk pemimpin Melayu. Bahkan gambar Perdana Menteri semua ada dalam ini. Dia kata dia hormat Perdana Menteri dahulu hingga Perdana Menteri sekarang. Saya sudah katakan tadi ini yang kita kena faham, mengapa sekarang banyak sangat tuduhan yang bukan-bukan, tidak berterima kasih dan lain-lain.

Saya juga ingin menyentuh tentang masalah ekonomi. Saya tidak mahu sebut secara *detail*. Ini juga satu fakta yang kita kena faham. Kaum bukan Melayu janganlah kecil hati. Kalau ikut daripada segi tanah pun kita tadi tanah *reserve* pun sudah banyak habis, daripada segi ekonomi pun tidak payah pergi jauh. Di Kuala Lumpur ini semua bangunan pencakar langit kebanyakannya siapa punya? *Commercial Centre* siapa punya? *The top 10 billionaires*, satu *the top, number one Chinese, number two Indian*, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan *Chinese*. Nombor 10 baru Melayu. Maksudnya ini kita tidak kompelin. Ini fakta yang patut kita sedar supaya jangan tidak tentu pasal kita marah kepada Kerajaan Barisan Nasional khasnya UMNO.

Saya juga ingin kata daripada segi kemudahan. Saya ingin beritahu daripada segi biasiswa supaya kita jelas. Ikon biasiswa mengikut kuota 90:10. Pada hari ini biasiswa terutama biasiswa luar negara majoriti yang mendapat biasiswa luar negara anak-anak kita kaum Cina terutama apabila kita

mengatakan *the Ivey League University- the top 10*. Melayu ada sekerat dua. Kita tidak kompelin tetapi mengapa mereka hendak kompelin, hendak marah juga kepada kita, pada Barisan Nasional.

Begitu juga PTPTN, Yang Berhormat. PTPTN yang mula dengan pinjaman pada hari ini apabila kita mengadakan sistem konvensional. Daripada sistem konvensional itu hampir 80% dapat kepada anak-anak Cina, hanya 17% - anak Melayu dan 4% - anak India. *Please*, ini fakta yang kita faham. Janganlah sedikit punya pasal kita mahu hentam Barisan Nasional, mahu hentam UMNO. Kita tidak bersyukur. Cuba kita tanamkan semangat bersyukur. Baca buku-buku bagaimana rakan-rakan kita berjaya kerana mereka bersyukur. Kalau kita tidak bersyukur Tuhan akan mengambil balik apa yang telah diberikan kepada kita itu.

Seterusnya kita juga meletakkan harapan yang amat tinggi agar anak-anak kita dapat belajar di dalam sebuah bangunan tanpa mengira kaum Melayu, Cina dan India dan suku kaum bumiputera lain. Kita berharap agar dengan terlaksana sistem tersebut akan dapat mewujudkan perpaduan yang baik bagi generasi akan datang. Telah tiba masanya anak-anak kita diberikan ruang serta peluang untuk belajar dan berjaya bersama-sama tanpa mengira kaum. Saya rasa Yang Berhormat pengalaman saya sendiri dahulu semasa kita belajar bersama dengan kaum-kaum lain, kita tidaklah terlampau sensitif. Kita biasa bertengkar dan bergaduh. Kita panggil orang Cina perkataan yang mencarut orang Cina, maki kita mencarut. Selepas itu kita pulang balik dan sampai hari ini saya pernah jumpa rakan-rakan saya di Melaka, seorang rakan kaum Sikh, orang India dan orang Cina. Kita boleh berpeluk.

Maksudnya perasaan kasih sayang yang telah ditanam semenjak kita di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Pada hari ini cakap-cakap sedikit, sudah mahu gaduh. Padahal benda itu tidak ada apa pun. Apatah lagi suasana politik yang pada hari ini diambil kesempatan oleh parti-parti tertentu membesar-besaran mencucuk rakyat sesama kaum supaya kita bergaduh sesama sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Saya rasa masa sudah cukup, gulunglah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey kita gulung. Aduh, banyak lagi. Tidak mengapalah. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu merasakan seperti banyak lagi tetapi tidak apa-saya merasakan tiba masanya kita melihat kembali konsep memperkasakan sekolah kebangsaan dengan harapan ia merupakan satu asas untuk semua rakyat Malaysia agar kita dapat bersama-sama melahirkan sifat kesedaran antara kaum supaya kita menjadi negara yang aman dan makmur pada masa-masa hadapan.

Juga saya ingin mencadangkan jika sekiranya ada peluang kerajaan menujuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk melihat kembali bagaimana caranya, apa cara. Saya tidak mengatakan apa caranya. Mencari jalan, apa caranya untuk kita memastikan anak-anak ini diletakkan di bawah sebumbung 10 tahun dari sekarang, 15 tahun dari sekarang. *Short or long term* supaya dasar ini dapat dimaterikan. Kalau tidak sekarang, sekurang-kurangnya masa hadapan kerana anak-anak ini akan menjadi rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia bermakna berbilang kaum ini mesti sama-sama dapat berpaktat sama. Bukan sentiasa mengesyaki dan mempunyai perasaan negatif antara satu dengan lain.

Maka itu sebab saya menekankan konsep sebuah sekolah kebangsaan ini. Ini salah satu cara yang saya rasa cukup efektif untuk memastikan perpaduan di kalangan kaum. Dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong bajet tersebut. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad. Silakan Yang Berhormat.

4.46 ptg.

Dato' Khairudin bin Samad: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas Usul Belanjawan Tahun 2016. Pertama sekali saya ingin mengatakan di sini bahawa tidak kenal maka tidak cinta dan tidak cinta tidak kenal.

Zaman-zaman dahulu ia bukan terbalik. Kita tidak faham yang mana satu. Kalau zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua, kita berkahwin dahulu baru bercinta. Sekarang ini kita bercinta dahulu baru kita kahwin. Dahulu majoriti kekal. Selepas berkahwin baru bercinta, kekal. Sekarang bercinta dahulu baru berkahwin, ada yang tidak kekal. Apa yang saya hendak maksudkan di sini ialah kalau kita hendak bekerja pun seharusnya kita mesti cinta dengan pekerjaan yang hendak kita buat.

Kalau kita tidak cinta kerana untuk dapat gaji maka tidak ke mana kita ini. Ada orang yang dapat kerja dahulu, baru dia belajar bercinta dengan pekerjaannya. Ada orang yang dia berminat dengan satu-satu pekerjaan maka dia akan menumpukan perhatian, dia belajar untuk mendapat kemahiran pekerjaan tersebut. Kemudian dia akan bekerja dan dia akan bekerja dengan sepenuh masa, sepenuh dirinya, sepenuh semangat dan segala-galanya. Akan tetapi apa yang berlaku dalam negara kita ini sekarang yang saya nampak dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah yang hendak meninggalkan kita ini. Bahawa mereka yang ada kepakaran dalam Jabatan Orang Asli, berkenaan Orang Asli tetapi tidak dimasukkan dalam jabatan tersebut untuk mereka ini boleh memberi tumpuan sepenuhnya.

Begini juga dengan tempat-tempat lain termasuklah guru-guru yang hampir 600,000 daripada 1.6 juta orang yang menjadi guru tetapi kemungkinan tidak berminat untuk menjadi guru tetapi kerana hendak dapat gaji bulanan. Mungkin separuh daripada mereka tidak minat untuk menjadi guru tetapi kerana hendak mengejar pekerjaan maka dia jadi guru. Di hospital misalnya. Saya ingin menyingkap kepada satu pengalaman saya sewaktu saya berada di Kunming negara China pada tahun lepas.

Negara China ini mempunyai 1 bilion lebih rakyatnya. Jadi sewaktu saya ada di situ saya ini merupakan *alien* bagi mereka. Akan tetapi pada satu malam saya mengalami kesesakan nafas kerana makan tembakai dengan kambing goreng begitu banyak. Lebih kurang jam 2 pagi saya datang ke kaunter *reception*, saya maklumkan bahawa saya sesak nafas. Jadi saya hendak pergi ke klinik atau farmasi

yang masih buka. Dia kata semua tutup. Jadi saya kata saya sakit ini macam mana. Dia kata kalau sakit kena pergi ke *general hospital*.

■1650

Dia kata *10 minutes away*, dengan izin. Saya kata, *how do I get there? Taxi*. Jadi saya sudah memikirkan macam mana saya hendak bercakap dan hendak bertutur dengan di hospital nanti apabila saya sampai kerana saya macam ayam dengan itik kerana saya tidak fasih berbahasa Mandarin. Jadi saya memanggil kawan yang menjaga saya di sana yang *interpreter* untuk ikut saya berserta ke hospital. Apabila sampai saya masuk ke hospital, dia melihat saya, dia tahu saya sesak nafas dia bagi bantal getah satu letak di riba saya dan masukkan paip dalam hidung.

Selepas itu *interpreter* ini minta kad pengenalan saya dengan kad kredit untuk diberikan kepada doktor. Apa yang dikatakan oleh doktor pada ketika itu ialah *not to worry about all these nonsense, we must save his life first. We will discuss about this later when we want to discharge him*. Itu hebatnya. Sebuah negara yang mempunyai 1 bilion lebih rakyat, tetapi kerana sumpahannya sebagai seorang doktor, mesti menyelamatkan nyawa manusia ini dahulu sebelum kita bicara soal hendak bayar, mendaftar dan sebagainya. Doktor perempuan tua.

Jadi waktu saya ditolak dengan- saya pun takut sebab dalam wad itu saya nampak kelambu dan nyamuk berterangan, saya takut dimasukkan di situ, rupanya saya ditolak dalam troli dihantar ke-satu unit apartmen yang hebat dengan jakuzinya pun ada dan bilnya hanya mencecah RM678 selepas tiga hari saya berada di situ. Tidak tanya kenapa dan apa yang saya hendak maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak cerita satu dahulu Hospital Putrajaya kerana saya wakil Putrajaya.

Hospital Putrajaya ini waktu dibangunkan dahulu adalah dikhatusukan kepada kakitangan kerajaan. Kita ada wad dua ke atas tidak ada dua ke bawah. Bermakna bawah ini wad tiga tidak ada, wad empat tidak ada, wad lima pun tidak ada. Wad dua, satu dan VIP kerana di situ keseluruhannya kakitangan kerajaan, ataupun *spouse*, dengan izin kepada kakitangan kerajaan. Mantan Menteri Kesihatan sewaktu datang ke situ dia telah pun memberitahu kepada pihak hospital terima sahaja sesiapa untuk masuk ke hospital. Jadi sekarang ini begitu ramai pesakit sampai kita pun naik bingung melihatnya dan orang-orang Putrajaya telah dianaktirikan.

Ini pengalaman. Isteri saya mempunyai masalah dengan batu karang di dalam *kidney*. Batu karang itu sudah jatuh ke saluran kencing dan tersangkut. Jadi beliau mengerang sakit, saya bawa ke hospital kata doktor di wad kecemasan, kita akan hantar berjumpa dengan *specialist*. Apabila masuk ke tempat hendak jumpa dengan *specialist*, disuruh datang esok. Jadi esok pagi datang, ini tengah bertahan kesakitan, suruh datang esok. Apabila datang esok, *specialist* bagi tahu enam bulan lagi *appointment*. Bayangkan kalau orang sakit sampai macam itu, tidakkan hendak bagi meletup *kidney* baru hendak bagi rawatan. Saya bawa ke KPJ Damansara dengan serta-merta dihantar ke Tawakal untuk buat *blasting* dengan serta-merta Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini ada lagi seorang kakitangan kerajaan yang jatuh di dalam bilik air pendarahan dalam otak. Hendak ditransferkan ke Hospital Klang. Jadi isterinya yang juga bekerja di Putrajaya

bingung kerana dia tidak boleh bawa kereta untuk hantar ke Klang. Jadi dia telefon saya minta tolong. Kita pun buat kerja kebajikan. Apabila kiat bantu dia untuk tahan di situ, keesokan harinya meninggal-*innalillahi wainna ilayhi ro'jun*. Ini perkara benar.

Baru-baru ini menantu saya yang isterinya bekerja di Ministry of Finance, Kementerian Kewangan, anak saya bekerja di Kementerian Kewangan, suaminya *platlet* nya sudah jatuh ke-30. Datang ke hospital daripada pukul 8 di wad kecemasan, jam 1.30 pagi dia suruh balik. Esok pagi anak saya bawa suaminya ke Hospital Kajang. Hospital Kajang terperanjat kerana dia kata *platlet* 50 pun kami sudah tahan, ini Putrajaya 30 pun suruh balik. Jadi ini pengalaman yang berlaku.

Jadi saya hendak minta kepada Kementerian Kesihatan, tolonglah yang pertama Ahli Lembaga Pelawat naikkan taraf sedikit. Ahli Lembaga Pelawat ini macam *Board of Directors*. Bagilah sekurang-kurangnya dengar apa rintihan pesakit melalui Ahli Lembaga Pelawat ini dengar dan bagi kerjasama. Pengarah Hospital semenjak saya menjadi Ahli Lembaga Pelawat selama sembilan tahun di situ sekali pun tidak pernah hadir mesyuarat, sekalipun tidak pernah. Saya sudah kemukakan, sampai saya pun tidak mahu jadi sejak isteri saya mengalami pengalaman itu saya tidak lagi mahu menjadi Ahli Lembaga Pelawat tetapi ini berlaku dan saya difahamkan, saya hendak minta Kementerian Kesihatan ini tolong beri perhatian.

Sekarang ini dia buka satu *East Wing* untuk *specialist charge* dengan harga hospital swasta kepada mereka yang datang ke Hospital Putrajaya yang hendak berjumpa dengan *specialist*. *East Wing* ini baru dibuka, katil tidak ada, dia kebas katil yang daripada *general hospital* masuk ke dalam tempat bayaran. Sekarang ini katil pun sudah kurang, bererti lebih ramai lagi...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh saya mencelah?

Dato' Khairudin bin Samad: Sila, sila Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dengan cerita yang Yang Berhormat buat ini, apakah pandangan Yang Berhormat? Kita ini tidak cukup hospital kah atau tidak cukup doktor? Apakah pandangan Yang Berhormat? Kalau di Putrajaya sendiri jadi macam itu, macam mana di Pasir Mas, Kelantan, di manakah tempat? Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit. Ini saya hendak kongsi pengalaman Yang Berhormat. Setahun yang lepas melalui doktor Parlimen, saya hendak buat *checking* dan saya pergilah atas *appointment* doktor ke GH, HKL. Sudahlah saya pergi pagi, dari pagi sampai petang baru selesai. Akan tetapi sampai hari ini belum dapat *result*. Sudah setahun lebih. Saya ini ada kencing manis kah atau ada darah tinggi kah atau ada apa kah belum dapat *result*. Kalau hendak mati, saya sudah mati ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Khairudin bin Samad: Saya kemukakan ini Yang Berhormat untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Tan Sri dan juga Yang Berhormat Datuk Abbas, saya kemukakan ini sebab hendak minta Kementerian Kesihatan ini ber- terima kasih Yang Berhormat, sokong. Hendak bagi Kementerian Kesihatan tolong beri perhatian apa dia sebenarnya yang menjadi masalah. Kalau doktor yang ada di situ

kerana hendak makan gaji, hendak kenal baru cinta baru hendak cinta baru kenal lebih baik tidak payah. Kita hendak yang berdedikasi, yang betul-betul yang hendak bekerja yang hendak jadi doktor, yang hendak menyelamatkan pesakit dan menyelamatkan nyawa. Dia bukan tuhan, tetapi sekurang-kurangnya dia boleh membantu, itu baru betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat, belakang.

Dato' Khairudin bin Samad: Ada lagi, sila.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir walaupun kita ada sedikit gelak ketawa tetapi tajuk atau yang dibawa oleh Yang Berhormat ini satu perkara yang cukup serius, sebab ini melibatkan nyawa manusia. Kita tidak hendak kita pun ada beberapa orang pakar di sini seperti Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim pakar *cardiologist*. Kita tidak hendak soal nyawa ini dijadikan mainan begitu sahaja oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat seperti kata Yang Berhormat Abbas, kalau orang seperti Yang Berhormat Datuk Abbas yang juga merupakan Ahli Dewan Negara boleh dilayan sedemikian, bayangkan kalau rakyat biasa yang tidak ada pilihan yang kemampuannya hanyalah untuk pergi ke hospital kerajaan. Bayangkan kalau Ahli Dewan Negara yang duduk berada di Dewan yang paling tinggi di negara ini dilayan sedemikian setahun tidak dapat laporan, bayangkan pakcik, makcik, kakak, adik yang tidak tahu datang daripada mana.

■1700

Bagaimanakah agaknya layanan yang diterima? Jadi, saya amat bersetuju dan berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana membawa perkara ini. Oleh sebab akhirnya, ini ada juga yang saya dengar dan saya lihat sendiri. Semua orang daripada kita ini ada sejarah masing-masing apabila *related* kepada hospital. Ibu mertua saya juga sakit, saya bawa pergi ke hospital. Doktor yang merawat ibu mertua saya merupakan doktor yang bertugas di hospital kerajaan, di Hospital Ampang.

Akan tetapi dia boleh sanggup tinggalkan masa dia di hospital kerajaan tetapi untuk pergi ke hospital swasta kerana hendak kejar bayaran yang lebih tinggi. Jadi, mungkin Yang Berhormat ada pandangan yang boleh Yang Berhormat menyampaikan melalui perbahasan Yang Berhormat ini. Apa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian, *if there was any individual doctor*, dengan izin, mungkin tidak semua doktor macam itu? Tidak semua macam Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim.

Sampai hari ini, saya dengar masih lagi pergi ke hospital, lari dari Kuching ke KL. Akan tetapi kalau ada doktor-doktor yang sedemikian, apakah tindakan yang paling baik diambil supaya mereka ini janganlah sangat mengejar *the dollars and cents*? Akhirnya, nyawa rakyat diketepikan begitu saja. Akhirnya, yang marah nanti rakyat kepada kerajaan. Walhal bukan salah kerajaan pun. Kerajaan sudah siapkan. Saya dimaklumkan, segala keperluan, *the facilities, machine* yang ada di hospital kerajaan ini malahan lebih baik daripada hospital swasta. *We have the best facilities* dalam negara ini tetapi *we don't have the best doctor*. Sebab *attitudenya*, etikanya mungkin tidak seperti mana Yang Berhormat

menyebut. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, tindakan yang paling sewajarnya diambil oleh mereka yang bersikap sedemikian?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi hendak mencelah.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman sendiri, bukan kepada orang lain. Sama pengalaman macam Datuk Abas. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014, tangan saya ini kena cermin semasa bulan puasa saya hendak menunaikan sembahyang maghrib, saya tidak perasan cermin itu rupanya pecah. Bila saya tarik tangan, luka. So, saya bawa pergi hospital, Hospital Temerloh. Bawa pergi hospital, beritahu doktor, "*Doctor, you please check properly*", takut saya punya *tendon putus*". *Check, X-ray* dan sebagainya. Lepas itu dia kata, "Tidak putus Dato". "Are you sure?" Saya kata. "You betul-betul pasti, jangan". Dia kata, "Pasti betul".

Jadi, tangan ini bengkok ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi macam mana pun, main golf dengan Datuk K boleh lagi, ya. Jadi, ini menunjukkan kecuaian yang berlaku di hospital kerajaan. Saya setuju macam pandangan Datuk K, kalau orang dulu, kahwin dulu baru bercinta kemudian. Sekarang ini, bercinta dulu baru kahwin. Jadi, mana yang lebih baik sebenarnya Datuk K?

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kena tolak masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lebih kurang 4 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Kena tolak masa kecemasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Itulah Yang Berhormat, jangan selalu bercinta.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya masa kecemasan banyak sangat Tuan Yang di-Pertua. Lepas ini saya tidak bagi sudah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Khairudin bin Samad: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua yang cantik manis.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak makan bodek Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya hendak bersetuju dengan kawan-kawan lain. Dia maksudnya Tuan Yang di-Pertua, tindakan perlu diambil oleh kementerian terhadap doktor-doktor yang cuai ini, mesti. Kalau tidak, lebih ramai lagi yang akan menderita dengan sebab ini. Bukan semua orang mampu menghantar isteri atau anak atau keluarga ke hospital swasta. Tidak semua yang mampu. Atau mereka yang mempunyai surat. Jadi, yang ini perlu diberi perhatian. Oleh sebab saya melihat, Hospital Putrajaya ini ahli lembaga pelawat sahaja terdiri daripada mereka dari Banting, Puchong, Serdang, tidak kena mengena dengan Putrajaya pun.

Sewaktu saya di Butterworth dulu, ahli lembaga pelawat di kalangan orang-orang yang tinggal di Butterworth. Fasal apa yang di Putrajaya ini dia masuk caca marba semua, sampai orang dari Seremban.

Saya pernah ada di wad kecemasan dari Perlis, minta maaf Yang Berhormat Abdul Shukor, dari Perlis pun ada, datang tengah malam hendak berjumpa doktor. Tambah-tambah lagi mereka yang hendak melahirkan anak. Kepada kaum wanita, minta maaf. Oleh sebab hendak mendaftar anak itu lahir di Putrajaya, maka penuh wanita-wanita yang hamil. Saya bukan hendak halau keluar tapi tidak payahlah. Kalau hendak daftar, esok lepas bersalin, datang bersekolah di Putrajaya atau beli rumah di Putrajaya. Tidak ada masalah, kita menerima.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, itu soal hospital. Saya bersetuju dengan rakan-rakan dan supaya kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya. Kita pulihkan balik Hospital Putrajaya ini dan khusus untuk mereka yang bekerja ataupun tinggal di Putrajaya. Itu baru betul sebab wad pun memang dikhkusukan untuk mereka. Ini kalau Datuk Abas kata pagi sampai petang, tidak percaya, pergilah ke Klinik Kesihatan di Putrajaya. Memang hospital tidak layan, dia menyuruh pergi klinik kesihatan. Itu pun kalau daftar pagi, petang pun baru boleh jumpa dengan doktor. Jadi, subuh- kadang-kadang sembahyang subuh di klinik kesihatan baru boleh daftar, terus untuk hendak jumpa doktor awal. Itu sedang berlaku di Hospital Putrajaya.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak sentuh fasal tol. Mereka yang tinggal dalam Putrajaya ini, tidak ada jalan keluar dari Putrajaya kalau tidak bayar tol. Bayangkan kakitangan kerajaan kumpulan sokongan ini 60%. Hendak keluar kena bayar tol, tiada jalan. Kalau dia hendak selamat akan hanya ada sebuah jalan iaitu dia kena masuk melalui Pasar Borong Serdang ataupun UPM yang *macetnya*, dengan izin, bahasa Indonesia Tuan Yang di-Pertua, yang *macetnya* saya pun tidak boleh bayangkan, tidak bergerak kereta.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau hendak sebut, bahasa Malaysia Yang Berhormat perlu minta izin. Kalau tidak gunakan bahasa Malaysia, kena minta izin.

Dato' Khairudin bin Samad: Dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya hendak kata *jammed* ini, saya pun tidak faham, *jammed* itu bahasa Inggeris ataupun orang ingat *jammed* sekaya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, *jammed* ini pun saya kasihan. Kalau hendak gunakan jalan- inilah sebuah jalan tol. Jalan lain hendak keluar dari Putrajaya, Puchong-LDP, ELITE hendak pergi *airport*, hendak keluar sini PLUS, hendak keluar ke Kajang, SILK Highway. Jadi, dikelilingi oleh jalan-jalan tol.

Jadi, saya hendak cadangkan kepada kerajaan, oleh sebab tidak payah buat jalan baru. Saya difahamkan bajet tahun lepas, Yang Amat Berhormat kata hendak buat jalan baru ke Putrajaya dari Kuala Lumpur. Tidak payah buat jalan baru. Saya mencadangkan Tol Sungai Besi itu pungkah sampai ke Tol Kajang ataupun Tol Bukit Mahkota. Diangkat dan diberikan percuma kerana tahun 2018 pun memang sepatutnya konsesi...

Timbalan Yang di-Pertua: 1 minit lagi Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula saja. Tidak akan saya 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak bayar tol, teruskan.

Dato' Khairudin bin Samad: Tidak boleh. Saya hendak minta supaya diberi kelonggaran supaya kakitangan kerajaan, termasuk kita, selamat menggunakan jalan itu kerana jalan itu 90 km/j. Daripada 110 km/j turun 90 km/j, di situ lah selalunya polis trafik tunggu untuk *booby trap*, Oleh sebab jalannya menurun, dia di situ dok tangkap orang-orang *speed trap*, *booby trap*. *Booby traplah* sebab dia turun. Dia kalau jalan datar, itu *speed trap*. Kalau menurun bukit, itu *booby trap*. Dia beza dia. Kalau dia menurun itu, tunggu, itu *booby trap*. Oleh sebab dia perangkap samar. Masa hendak menurun memang laju. Kita angkat kaki daripada pedal minyak pun, kereta akan laju. Bertambah laju daripada kita tadi 110km/j, dia akan pergi 120 km/j, 130 km/j. Masa itulah ditangkap. Ini *booby trap*, bukan *speed trap*. *Speed trap* ini bila jalan itu mendatar. Ini tidak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sedih melihat perkara ini.

■1710

Kemudian, saya kasihan kepada kakitangan kerajaan yang duduk di situ. Jadi, kita angkatlah tol itu. Sebab Tuan Yang di-Pertua, tol ini kalau hendak diikutkan memang banyaklah tapi sebab Tuan Yang di-Pertua kata masa saya tidak ada lagi, saya tidak boleh cerita lebih. Akan tetapi kalau hendak buat tol, jalan bertol, macam saya kena, saya beli rumah, lepas itu pergi buat jalan tol. Jalan itu dipaksa untuk saya masuk. Saya suka atau tidak suka, saya kena guna sebab saya beli rumah dahulu, baru ada jalan tol. Bila kita duduk di situ, kita terpaksa guna jalan tol.

Baru-baru ini naik 80 peratus dan kita pula sebagai pemimpin keluar masuk keluar masuk sehari 15 kali bayar tol RM180. Pergi balik pergi balik, berapa puluh ringgit kita nak kena setiap hari? Yang ini zalim. Bukan saya kata ini tapi konsesi ini dia ini jahat. Dia pergi cari tempat-tempat yang dia boleh cari makan.

Jalan tol ini Tuan Yang di-Pertua, semasa Kementerian Pengangkutan membuat kajian dahulu, jalan tol ini ialah jalan tol yang dibangunkan dengan jalan alternatif. Kalau kita hendak menggunakan jalan alternatif, kita boleh tetapi kita masuklah dalam kesesakan yang ada dengan lampu isyaratnya dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita hendak lancar, kita gunakan jalan tol tetapi kalau tidak ada alternatif, itu tidak betul. Bermakna, dia sengaja hendak mengambil duit kita dan dia menjadikan jalan-jalan tol ini, dia buat *proposal* kepada kerajaan kerana ia menjadi komersial untuk dia cari duit. Ini tidak betul.

Jadi, saya minta kerajaan selepas ini kita tengok dahulu, kaji betul-betul. Kalau tidak perlu, jangan dok bagilah kepada mereka ini untuk buat konsesi. Kalau bagi konsesi pun kita kena ambil kira selepas beberapa tahun berapa banyak kereta hendak menggunakan, kenderaan hendak menggunakan jalan tol. Pasal apa dia naik? Seharusnya dia turun sebab selepas beberapa tahun kenderaan bertambah. Sepatutnya harga tol turun, bukan harga tol naik. Ini juga menjadi bebanan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, saya sudah pasang lampu merah, Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dok ingat saya kena sambung esok.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Khairudin bin Samad: Sebab saya baru...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Dato' Khairudin bin Samad: Baru *point* yang kedua iaitu tol.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Okey, saya cuba habiskan secepat mungkin pasal kita pun ada lagi 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, tetapi untuk orang lain Yang Berhormat. Gulunglah.

Dato' Khairudin bin Samad: Ada sesiapa yang hendak cakap kurang dari 15 minit? Semua lebih pada 15 minit.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Khairudin bin Samad: Dia lebih pada 15 minit. Yang Berhormat Dato' Abbas semalam satu jam, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu semalam Yang Berhormat, kisah semalam. Teruskan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Khairudin bin Samad: Betul. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bercakap pasal manusia, sekarang ini saya hendak bercakap pasal binatang.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit sahaja. Dua minit Yang Berhormat ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya hendak bercakap pasal binatang. Sebab itu saya hendak sebutkan tadi kenal baru cinta. Ini kena faham. Kita letak orang dalam Perhilitan umpamanya, yang jaga Perhilitan, dia tidak faham pasal binatang. Saya pun bukanlah pakar sangat tetapi saya mendengar. Kalau kita hendak kurangkan pupusnya binatang, sepatutnya kita membenarkan orang memelihara binatang.

Sebab sekarang ini apa yang berlaku di negara kita, kita tidak bagi. Bila kita tidak bagi, binatang-binatang yang hendak pupus ini habisnya diseludup keluar ataupun disembelih, makan. Yang boleh makan dia akan sembelih makan. Burung punai umpamanya, tidak boleh. Dia akan sembelih, makan atau pun diseludup keluar. Akhirnya pupus juga. Sepatutnya, kerajaan memberi perhatian dalam soal binatang hendak pupus ini membenarkan kita memelihara atau pun kedai-kedai yang menjual binatang memelihara dan apabila dia membiak, kerajaan ambil separuh, masukkan balik dalam hutan dan yang separuh lagi biar dia simpan.

Saya sebab di rumah saya pun lebih kurang macam zoo. Hendak pelihara binatang kena ambil lesen. Ada yang tidak boleh dapat lesen sebabnya ialah binatang itu hendak pupus, dia tidak bagi. Bila tidak bagi, sekurang-kurangnya kalau saya pelihara, binatang itu membiak. Sekarang ini saya ada kancil kerana kancil dibenarkan, contohnya. Jadi, binatang ini boleh dibiakkan lagi supaya kita dapat lebih banyak dan binatang-binatang ini tidak pupus.

Kemudian saya hendak cerita sedikit. Ini Tuan Yang di-Pertua kena sokong saya, kena tambah sedikit sebab saya hendak bercakap masalah orang Sarawak dan orang Sabah dengan etnik-etniknya.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini kita hendak minta kerajaan juga bagi perhatian. Sekarang ini bumiputera Sabah, bumiputera Sarawak, bumiputera Persekutuan Tanah Melayu ini macam mana? Kita ini sebuah negara. Sepatutnya bumiputera Malaysia lah semua dan di sana juga harusnya ada Melayu, Cina, India. Memang adapun Melayu, Cina, India. Cuma yang tidak ada di sini, yang ada di sana ialah etnik-etnik yang tertentu.

Akan tetapi saya difahamkan di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, etnik-etnik ini telah pun bersetuju untuk dinamakan mereka ini Dayak. Kalau mereka sudah bersetuju untuk dinamakan Dayak, tidak ada Iban dan sebagainya. Akan tetapi kalau dia setuju jadi Dayak, maka kita senaraikan mereka ini Melayu, Cina, India dan Dayak. Lepas itu lain-lain. Sepatutnya begitu. Sabah juga kena sampai satu persetujuan seperti mana orang-orang Sarawak bersetuju, etnik-etnik ini bersetuju untuk digabungkan jadi Dayak, di Sabah pun begitu.

Ini bila saya lihat senarai- baru-baru ini dilantik jadi pengarah pilihan raya. Jadi, saya lihat senarai daripada SPR ada Melayu, Cina, India, Sabah, Sarawak dan lain-lain. Saya jadi pelik kenapa mereka ini sudah jadi rakyat Malaysia masih lagi Sabah, Sarawak. Sepatutnya Melayu, Cina, India, Dayak, lepas itu yang Kadazan ini- dia kena gabung dahulu. Kemudian ada “*Dan lain-lain*” ini sebab yang terlalu sedikit yang tidak boleh digabungkan, yang itu boleh. Kenapakah tidak kita beri perhatian benda-benda macam ini untuk integrasi? Baru betul. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita tidak buat sesuatu daripada sekarang, maka akhirnya kita ini masih rasa terpisah dan ia akan terpisah selama-lamanya. Kalau kita boleh gabungkan, kita boleh satukan mereka ini, maka ia selamat.

Kemudian, saya hendak sentuh juga pasal PDRM. Sedikit Tuan Yang di-Pertua. PDRM ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya tidak suka juga dengan polis ini pasal dia suka tangkap kalau kita berkawan dengan dia. Dia hendak tangkap kita, ditangkap juga. Akan tetapi saya hendak sebut di sini, seperti Yang Berhormat Datuk Suhaimi sebut tadi dia kena dengan *security* dari Nepal. Bukan *security* Nepal sahaja- itu orang luar. Polis Diraja Malaysia ini pun saya ini tiap-tiap tahun kalau berhujah, tiap-tiap kali saya berhujah, saya bantu mereka sebab saya kasihan kebijakan mereka.

Akan tetapi, saya sendiri bawa kereta yang ada keris dia tahan. Yang bawa pula isteri saya. Dia tahan saya, apabila saya tanya dia apa sebab yang dia tahan, dia tidak mahu cakap. Dia cakap dengan isteri saya, “*Kakak hendak pergi mana, manakah lesen?*” Saya tanya, “*Ada apa lans koperal?*”. Dia tak nak cakap. Akhirnya dia kata, “*Cermin gelap*”. Saya kata “*Saya ada izin*”. “*Ha, ada izin jalan lah*”. Itu. Dia tidak menghormati lambang yang kita pakai itu. Kalau Nepal ini saya fahamlah dia tidak reti baca tetapi ini Polis Diraja Malaysia.

Akan tetapi apa yang saya hendak sebut di sini, saya kasihan kerana ada pegawai dia maklumkan kepada saya bahawa mereka ini yang bertugas di pulau-pulau di Sabah, di Sarawak, mereka tidak mendapat elaun yang setimpal dengan kakitangan kerajaan lain yang dihantar ke Sabah dan Sarawak. Begitu juga mereka yang dari Sabah dan Sarawak yang dihantar bekerja di Persekutuan Tanah

Melayu, tidak mendapat elauan seperti mana yang orang-orang daripada Persekutuan Tanah Melayu bertugas di sana.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Ada lagi tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya tengok Tuan Yang di-Pertua kalau- saya pun bukan ada teks.

Saya cuma *point* sahaja tetapi kalau saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Sedikit lagi boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Khairudin bin Samad: Tidak boleh, terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bercakap awal tetapi oleh sebab kita hendak bagi orang baru jalan dahulu, jadi kita ambil yang belakang. Ambil yang belakang, rupanya ramai pula yang masuk.

■1720

Jadi kita terpaksa berhenti sebelum habis. Hendak kena tunggu tahun depanlah masa. Itu pun kalau Tuan Yang di-Pertua masih ada dengan kita, bolehlah bagi peluang masa panjang sedikit untuk saya bercakap waktu Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Jadi dengan itu, saya turut menyokong Rang Undang-undang Belanjawan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Ramli Shariff. Silakan Yang Berhormat.

5.20 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa yang amat sedikit kepada saya sebelum Dewan yang mulia ini berakhir pada 5.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Ramli bin Shariff: Esok saya terpaksa berada di Perhimpunan Agung UMNO, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam itu saya tidak boleh bantulah Yang Berhormat berucap.

Tuan Ramli bin Shariff: Saya akan membantu diri saya sendiri, *inshaaAllah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih atas peluang yang ini. Oleh sebab saya pun ada merangka sedikit teks Tuan Yang di-Pertua dan kalau untuk menjimatkan masa, saya lajukan bacaan teks ini. Akan tetapi keadaan itu tak begitu selesa bagi saya. Akan tetapi oleh sebab saya pun esok tidak akan ada di dalam Dewan ini, maka saya akan cuba habiskan juga dalam masa sepuluh minit ini, *inshaaAllah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh terus kepada soalan yang Yang Berhormat hendak tanyakan itu.

Tuan Ramli bin Shariff: Mukadimah pun saya tidak dapat hendak sampaikan, ayat pembukaan pun saya tidak boleh. Hendak ucapan apa pun tidak boleh. Jadi saya teruslah kepada isi yang saya hendak bercakap hari ini. Saya hendak cakap ada tiga buah benda. Satu, soal minta kerajaan ini sebagai hendak hargai prestasi yang cemerlang yang dibuat oleh pihak FAMA, maka saya hendak pohon bagi pihak FAMA ini, kerajaan tambalah peruntukan kepada mereka ini. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana bahasa utara ini tidak boleh hendak kawal, kadangkala dia keluar juga.

Jadi, oleh sebab pada minggu yang lepas FAMA telah berjaya mengumpul seramai 50,000 orang rakyat dalam sambutan ulang tahunnya yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya diminta oleh Pengurus FAMA sendiri supaya tambalah sedikit peruntukan kepada FAMA ini dalam soal promosi produk-produk dari kampung dan desa. Begitu juga saya hendak ucapan tahniah kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kerana ada hasrat dan usaha untuk memperbandarkan kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi saya hendak mohon kepada kerajaan agar mempertingkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar seperti mana infrastruktur-infrastruktur yang ada di bandar-bandar. Pada zahirnya kita dapat banyak kemudahan ini terutama di Kuala Lumpur ini kalau ada jalan pun dibuat jalan lagi atas jalan. Kalau tidak cukup di atas jalan, dibuat di bawah tanah. Jadi cukuplah sedikit. Bawakanlah sedikit perbelanjaan pembangunan ini ke kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana rakan saya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman minta perkara-perkara untuk negerinya sendiri, jadi saya juga hendak minta perkara yang sama, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan atas kelulusan sebanyak RM70 juta melalui NCIA bagi tahun 2016 untuk negeri Perlis bagi menyediakan dan membangunkan infrastruktur kawasan pembangunan baru iaitu *Chuping Valley* bagi kawasan seluas 3,000 ekar. Akan tetapi peruntukan sebanyak RM70 juta tidak mencukupi untuk merealisasikan keseluruhan komponen yang dirancang. Permohonan asal kerajaan negeri mencecah hampir RM1 bilion iaitu anggaran yang terkandung di dalam *blueprint*. Jadi saya mohon ditambahkan lagi peruntukan ini.

Chuping Valley dicadangkan sebagai kawasan pertumbuhan baru untuk menyediakan tapak-tapak industri dalam menarik pelabur-pelabur ke negeri Perlis. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melakukan lawatan ke negeri Perlis telah memberikan kelulusan pembinaan sebuah hospital baru di Padang Besar. Namun apabila disemak di peringkat pusat, ia tidak disenaraikan pun di bawah, dengan izin *First Rolling Plan* untuk dilaksanakan dalam RMKe-11. Jadi saya sekali lagi memohon supaya projek hospital baru di Padang Besar disenaraikan sebagai keutamaan ataupun, dengan izin, *priority*.

Berikutnya di Perlis dicadangkan juga projek- tetapi peruntukan yang diluluskan hanya sebanyak RM1 juta yang jauh sangat kecil berbanding anggaran kos asal berjumlah hampir RM100 juta. Perlis

amat memerlukan pembangunan infrastruktur dengan kadar segera bagi seiring bergerak dalam arus perdana pembangunan negara dalam menuju negara maju dalam Wawasan 2020.

Di samping itu di negeri Perlis juga terdapat projek-projek terbengkalai iaitu Maktab Rendah Sains Mara di Pauh, Perlis yang mana projek ini telah dimulai pada tahun 2008 tetapi sehingga kini belum dapat disempurnakan lagi. Jadi saya pohon pihak KKLW khususnya MARA memberi perhatian serius atas masalah yang berlarutan sekian lama.

Satu lagi projek terbengkalai di Perlis ialah Sekolah Sukan Perlis di bawah Kementerian Pendidikan. Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan agar menyemak semula fungsi dan peranan pejabat pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah (PPD) dalam membantu memberi dana-dana ataupun bantuan kewangan kecil yang amat sangat diperlukan oleh sekolah-sekolah. Perbelanjaan-perbelanjaan kecil ini amat sukar diperoleh. Jika diperoleh pun mengambil masa yang panjang dan sudah tidak menjadi keperluan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah ini kerana kerena birokrasi atau tiada peruntukan disediakan? Saya mohon penjelasan dan juga tindakan segera oleh Kementerian Pendidikan untuk menyediakan dana-dana kecil ini bagi membantu guru-guru yang kita rasa amat dibelakangkan sedikit. Ini kerana kebanyakan guru berhadapan dengan murid-murid setiap hari dan mereka juga terpaksa membantu daripada segi kebijakan murid-murid itu sendiri terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh sebab ada murid-murid yang tidak dapat makan oleh sebab tidak ada wang yang dibekalkan oleh ibu bapa. Jadi, kalaularah guru-guru ini untuk membuat sebarang pemberian, membuat sebarang tambah baik di sekolah, terpaksa menggunakan duit poket, maka saya rasa moral guru-guru ini pun semakin hari semakin menurun, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam soal isu kos sara hidup, saya dan kita setuju bahawa setiap hari ia semakin meningkat dan ini juga menjelaskan kualiti kehidupan keluarga-keluarga rakyat negara ini. Syabas saya ucapan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib yang telah menaikkan bantuan BR1M bagi pendapatan RM3,000 ke bawah dinaikkan kepada RM1,000. Bagi setengah-setengah orang, bantuan RM1000 BR1M tidaklah angka yang besar. Akan tetapi bagi keluarga-keluarga miskin RM1,000 ini kadangkala menjadi suatu perkara yang cukup besar di dalam *lifetime*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bantuan-bantuan kewangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Ramli bin Shariff: Saya rasa esok keadaan itu agak suntuk untuk saya meneruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Lima minit, kalau lima minit?

Tuan Ramli bin Shariff: Saya ingat saya akan hormati peruntukan kelulusan masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, kalau Yang Berhormat perlukan lima minit, saya boleh bagi Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 11(5).

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya pun *skip* dan saya langkah banyak pun saya pun jadi pening kat mana saya hendak patah balik pula [*Ketawa*] Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tanya Yang Berhormat ini, perlu kah lima minit?

Tuan Ramli bin Shariff: Saya rasa saya tidak perlu sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi maknanya boleh gulung sekarang ya? Okey, baiklah.

Tuan Ramli bin Shariff: Saya tolak sana tolak sini, saya pun tidak tahu hendak cakap apa sudah oleh sebab menghambat sepuluh minit masa diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Oleh sebab waktu kita tepat pukul 5.30 petang, saya rasa Yang Berhormat gulung terus.

Tuan Ramli bin Shariff: Okey. Ya, dengan ini saya mohon dan turut menyokong Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa kita tepat pukul 5.31 minit petang maka Dewan ini saya tangguhkan hingga jam 10 pagi esok.

[Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.]